

Semenanjung Malaysia RM 3.80

مَسْنَدِيك

# MasniKa

RM 5.00

Majalah No.1 Malaysia

APRIL 2011




Audit Bureau  
of Circulations



## PEMUDA DIRASUK SYAITAN BLACK METAL!

- Patung Lambaian Puteri tundukkan suami
- Dua kali meninggal, Ruzita masih hidup
- Jangan ikut perangai Abu Lahab
- "Aku Muslim bro"

## JEMAAH TERIMA 'PUKULAN GHAIB' DI TANAH SUCI



Pancing ikan  
atau RM?

### HMM! KESIAN! ANAK-ANAK KITA NAIK VAN JENAZAH!

Uploader: LeeSha / Url: <http://torrent.jiwanng.cc>

**KUMPULAN UTUSAN***Pengerusi Eksekutif*

Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin

*Ketua Pengarang Kumpulan*

Datuk Aziz Ishak

*Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan*

Othman Mohamad

**UTUSAN KARYA SDN. BHD.**

(anak syarikat Kumpulan Utusan)

*Pengerusi*

Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin

*Ketua Pengarang Majalah*

Badrul Azhar Rahman

*Pengurus Besar, Operasi*

Zurzaliza Bajuri

*Unit Kreatif:**Pemangku**Pengarah Kreatif*

Azha Abu Bakar

*Jurufoto:**Ketua Unit Jurufoto*

Syed Agil Syed Jaafar

*Penolong Ketua Unit Jurufoto*

Nor Baini Masri

*Ketua Jurufoto (Majalah)*

Azhar Mogo

*Pengarah Eksekutif Kumpulan*

Muhammad Mohd. Nasir Ali

**PENGIKLANAN***Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif*

Mohd. Yazid Ahmad

*Pengurus Iklan Majalah*

Marlan Daud

*Eksekutif Kanan Pemasaran (Majalah)*

Zuraini Yasin

*Pengurus Kanan,**Pemasaran/ Penedaran*

Mohd. Basir Abd. Rahim

*Penerbit*

Utusan Karya Sdn. Bhd. (614594-M)

*Pencetak:*

Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

Kompleks Sri Utusan, Lot 6, Jalan P/10,

Kawasan Perusahaan Bangi, Seksyen 10,

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

**Karya** Utusan**Kandungan****April 2011***Reka Bentuk Cover:*  
Mohd. Khusairy (Kuca)**Mastika**

- |           |  |            |   |
|-----------|--|------------|---|
| <b>6</b>  | Ruzita mati dua kali                                     | <b>68</b>  | Siapa kata orang gemuk tak cantik?                  |
| <b>12</b> | Siapa ibu dua bayi ini?                                  | <b>72</b>  | Awas! Patung Lambaian Puteri tundukkan suami        |
| <b>14</b> | Firaun Ramsess II bukti al-Quran benar!                  | <b>76</b>  | Papan Kenyataan <i>Mastika</i>                      |
| <b>15</b> | Misteri Firaun   | <b>80</b>  | Tahu Valentine haram, tapi...                       |
| <b>24</b> | Bengang! Bengang! Bengang!                               | <b>86</b>  | "Gua Muslim bro!"                                   |
| <b>30</b> | Pemuda dirasuk syaitan Black Metal                       | <b>90</b>  | Anak-anak kita naik van jenazah                     |
| <b>36</b> | Pegawai polis dibelasah, dibakar & ditoreh di Tanah Suci | <b>98</b>  | Sambut <i>Valentine Day</i> ikut perangai Abu Lahab |
| <b>46</b> | Bahana <i>April Fool</i>                                 | <b>100</b> | Jadi pelukis jalanan boleh hidup?                   |
| <b>50</b> | Senyum Pisang  | <b>106</b> | <i>Kubawa Hati Ini</i> untuk Ferris                 |
| <b>52</b> | Ilusi bunuh diri di bilik berpuaka                       |            |   |
| <b>56</b> | Payu dara digiling elak dirogol                          |            |   |
| <b>60</b> | "Kita wanita terbaik!"                                   |            |   |
| <b>66</b> | Fenomena James Dean                                      |            |   |

**SIDANG REDAKSI***Pengarang Kanan Unit Majalah Umum:*  
Zulkarnain Zakaria*Penolong Pengarang:*  
Sahidan Jaafar*Wartawan:*  
Kairul Anwar Yusop,  
Mohd. Nazirul Afiq Ismail,  
Mohd. Ridhwan Abdul Jalil,  
Desi Ernita Dahnin*Artis Grafik:*  
Nor Asmah Hitam  
Mohd. Rizal Bujang  
Nur Ashikin Samsuddin (Praktikal)*Ilustrasi Kulit*  
Ideakodiang**118** Sanggup berembun, tidak tidur semalaman**124** Hmm! Layan pancing atau dot! dot! dot!**Alamat surat-menyerut:**Pengarang Mastika, Utusan Karya Sdn. Bhd., Kompleks Sri Utusan, Lot 6, Jalan P/10  
Kawasan Perusahaan Bangi, Seksyen 10, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.  
Tel: 03-8926 2999 / 8778 / 8393 Faks: 03-8925 9277



# Ruzita mati dua kali

**S**UASANA malam itu sunyi sepi. Sudah pukul 11.00 malam. Kebanyakan penghuni di perkampungan Estet Kulayang di Kulai, Johor, sudah lena dibuai mimpi.

Berlainan bagi Kasminah Ratno, yang masih melipat kain di sudut ruang tamu rumahnya. Sambil itu, matanya tidak lepas memerhatikan anak-anaknya yang bergelimpangan tidur di ruang tamu.

Namun, matanya asyik terarah pada anak kelimanya, Ruzita Bahrum yang baru berusia tujuh tahun. Entah mengapa, Kasminah berasa

tidak sedap hati. Seolah-olah seperti ada sesuatu yang tidak kena pada Ruzita.

Kasminah teringat peristiwa petang tadi. Ada seorang wanita datang ke rumahnya. Wanita berusia lingkungan 30-an itu membawa sebuah bakul kecil berisi dodol yang dijualnya dari rumah ke rumah.

Berla-ia Ruzita memujuknya agar membelikan seplastik kecil dodol yang dijual berharga 20 sen itu. Kasminah enggan. Bukan apa, hidupnya susah. Walaupun hanya 20 sen tetapi Kasminah

tidak mampu. Jika dibelikan untuk Ruzita, enam anaknya yang lain pasti akan meminta juga.

Sekalipun Ruzita menangis mahukan dodol itu, Kasminah tetap enggan membelinya. Akhirnya, wanita penjual dodol itu berlalu pergi dengan pandangan tajam. Yang peliknya, ketika wanita itu berjalan, tiba-tiba muncul seorang budak lelaki di sisi wanita itu. Usianya lebih kurang sebaya Ruzita.

Sambil berjalan mengiringi wanita penjual dodol, budak lelaki itu tersenyum sambil melambaikan tangan ke arah Kasminah hinggalah kedua-duanya hilang daripada pandangan.

Kasminah yakin, hanya dia seorang yang melihat budak lelaki itu. Anaknya Ruzita tidak nampak kelibat budak itu. Sejak itulah hati Kasminah mula gelisah bagai ada sesuatu yang bakal berlaku.

Tangan Kasminah yang sedari tadi asyik melipat helaian kain terhenti. Matanya terarah pada Ruzita. Tiba-tiba dia melihat tubuh kecil anaknya itu terangkat perlahan-lahan, terawang-awang setinggi dua meter. Hampir terbeliak mata Kasminah melihat adegan itu.

Prakkk!!!

Lebih kurang 15 saat Ruzita terapung tubuhnya terhempas di atas lantai papan ruang tamu. Kasminah tergamam, tidak sempat berbuat apa-apa. Kejadian berlaku terlalu pantas.

"Itaaaaa!!!" jerit Kasminah sambil bangun, meluru ke arah anaknya itu.

Dirasa tubuh anaknya. Sejuk. Tidak bernadi. Kasminah lekapkan pula telinganya pada dada Ruzita. Pun tiada kedengaran degupan. Hati Kasminah tidak keruan. Cemas, takut dan menggigil. Anak aku dah mati ke? fikir Kasminah.

Dinihari itu, rumah Kasminah terang-benderang. Penduduk kampung memenuhi pekarangan rumah. Masing-masing terkejut dengan berita kematian Ruzita. Pegawai perubatan yang dipanggil daripada klinik kesihatan di kampung itu juga mengesahkan Ruzita sudah mati!

### Dibawa bersiar-siar di taman bunga

**R**UZITA terjaga dari lenanya. Dia kehairanan. "Aku di mana?" bisik Ruzita sendirian sambil melihat suasana di sekelilingnya.

Dia kini berada dalam sebuah taman, dipenuhi dengan aneka bunga-bunga. Bermacam-macam warna dan jenis. Ros, tanjung, kekwa, teratai dan banyak lagi bunga yang tidak dikenalnya.

Udaranya nyaman seolah-olah berkabus. Ruzita berasa bagaikan berjalan di atas awan, terawang-awang tanpa memijak tanah.

Seronok sungguh Ruzita berada di situ. Suka benar dia dapat memetik pelbagai bunga dalam taman tersebut. Tak pernah dia impikan berada di taman secantik ini.

"Eh! Dah lama aku kat sini. Nanti mak marah. Macam mana nak balik

ni?” tiba-tiba Ruzita teringat mahu pulang ke rumah.

Ketika itu juga Ruzita terasa seperti ada angin menghembus membawanya dan dalam sekelip mata dia sudah sampai di rumahnya.

Ruzita pelik. Kenapa ramai orang berkumpul di rumahnya? Mengapa orang baca surah Yasin? Dia pelik apabila melihat ibunya sedang menangis teresak-esak.

Ruzita juga nampak sekujur tubuhnya yang sudah diselimuti k a i n batik lepas di tengah ruang tamu rumahnya.

“Ibu! Ibu! Ita ada di sini!” Ruzita cuba memanggil tapi tiada sesiapa yang mendengar suaranya. Paling pelik, tiada siapa yang nampak dirinya berada di situ.

“Tak mahu! Aku tak nak mati! Tak nak mati! Ibu... tolong Ita. Ita nak balik!” Ruzita menjerit lalu menangis.

Tiba-tiba Ruzita terasa kepalanya amat sakit, bagai nak pecah. Dipejam matanya rapat-rapat. Dan bila dia membuka matanya, Ruzita dapati dia sudah ‘kembali’ ke dalam tubuhnya semula.

Mayat Ruzita yang sedari tadi diselubungi kain batik tiba-tiba bergerak-gerak semula. Saudaramara yang sedang asyik membaca Yasin bertempieran lari apabila Ruzita bangun sambil memanggil nama ibunya. Tidak kurang juga ada penduduk yang tersadung, berebut-rebut mahu lari kerana menyangka Ruzita bertukar menjadi hantu.

“Mayat hidup! Mayat hidup!” tempik orang ramai.

Suasana semakin kecoh. Semua penduduk terkejut. Mereka hairan bagaimana Ruzita yang disahkan mati dua jam tadi boleh hidup semula.

Paling gembira sudah tentu Kasminah. Biarlah apa orang nak kata. Yang penting anaknya, Ruzita masih hidup! Sejak hari itu kisah Ruzita mati hidup semula menjadi bualan

**“Saya dibawa mengembara ke taman yang indah dan seronok...” Ruzita.**

ramai...

Selepas kejadian itu, Ruzita dibawa berubat secara tradisional. Kononnya ada 'benda' yang masuk ke dalam tubuh Ruzita. Pawang nasihatkan Kasminah agar menjaga Ruzita baik-baik kerana perkara yang sama mungkin akan berulang lagi.

Paling penting, jangan langgar pantang iaitu lalu di bawah ampaian atau pokok kelo. Sejak kejadian mati hidup semula itu juga, Ruzita banyak berubah sikap. Kanak-kanak perempuan itu bertukar menjadi seorang pendiam, penakut dan suka bersembunyi jika ada orang tidak dikenali datang ke rumahnya.

Dua tahun selepas kejadian itu, berlaku lagi satu kejadian tidak terduga. Ketika itu, Ruzita sekeluarga tidur di rumah adik bongsu

Kasminah. Semasa sedang tidur, Kasminah berasa hatinya berdebar-debar. Dia segera mendapatkan Ruzita yang sudah nyenyak tidur sejak awal lagi.

Berderau darah Kasminah apabila dirasakan tubuh anaknya itu sudah sejuk, tiada sebarang denyutan nadi! Suasana jadi gempar. Namun kali ini Kasminah tidak mahu terburu-buru memanggil pegawai perubatan. Dia yakin Ruzita pasti akan hidup semula.

Kasminah dan seluruh sanak saudaranya segera membaca Yasin. Hanya itu yang mampu dilakukan Kasminah ketika itu. Sama seperti kejadian mati pertama kali dulu, Ruzita dibawa bermain ke taman bunga yang indah lagi mengasyikkan.

Setelah berada beberapa ketika di taman berkenaan, Ruzita terasa



dihembus oleh angin dan masuk semula ke dalam tubuhnya.

Sebaik masuk, tubuh Ruzita bergerak-gerak semula. Lebih kurang tiga jam selepas itu, Ruzita 'hidup' semula. Ternyata gerak hati Kasminah tepat. Ruzita hanya mati seketika saja.

Sejak kejadian kedua, semakin kerap Ruzita dibawa berubat secara tradisional. Kedua-dua orang tuanya cukup risau jika Ruzita akan 'mati' sekali lagi. Mereka bimbang Ruzita akan pergi buat selama-lamanya.

Benarkah seseorang boleh mati dan hidup semula?

Kematian pertama Ruzita ketika berusia tujuh tahun disahkan oleh pegawai perubatan yang datang memeriksa nadi dan jantungnya yang tidak berfungsi. Namun kejadian kedua ketika Ruzita berusia sembilan tahun tidak dilaporkan dan ibunya hanya bertawakal agar nyawanya dikembalikan semula!

Apakah yang telah berlaku kepada Ruzita suatu keajaiban? Apakah semasa nyawa Ruzita berpisah dari tubuhnya, kanak-kanak itu dibawa seketika menikmati alam syurga?

Ruzita sendiri tidak dapat memberikan jawapannya di mana dia berada ketika itu. Malah, Ruzita sendiri tidak tersedar bila nyawanya tercabut. Sedar-sedar Ruzita sudah dibawa mengembara ke taman indah yang seronok dan melekakan.


Setelah berjalan-jalan di taman indah itu seketika barulah Ruzita teringat hendak balik semula ke

rumahnya lalu memanggil-manggil nama ibunya.

Ruzita mengaku dia tidak merasa sakit sewaktu mati tetapi merasa kepalanya seperti hendak pecah sewaktu hendak masuk semula ke dalam tubuhnya. Selepas masuk, barulah Ruzita tersedar semula!

Namun setelah dewasa, Ruzita yang kini berusia 42 tahun, mengaku dia tidak lagi mengalami kematian mengejut seperti yang pernah berlaku sebanyak dua kali pada zaman kanak-kanaknya dulu.

Mungkinkah kematian itu sesuatu yang indah bagi seseorang kanak-kanak?

"Katakanlah: *Rob itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan kecuali sangat sedikit.*" - Surah al-Isra' (ayat 17) 

■ Setelah meningkat remaja, Ruzita membesar seperti gadis-gadis lain.

Namun, Ruzita mengaku dia selalu bermimpi aneh didatangi seorang wanita tua seolah-olah hendak memberinya sesuatu hadiah.

Hadiah apa, Ruzita tidak tahu. Tapi, setiap kali cuba diberi hadiah itu Ruzita tetap menolaknya.

Paling menghairankan, sejak berkahwin, Ruzita mengaku dia boleh melihat benda-benda aneh di sekeliling antaranya lelaki berwajah katak, bebola api, wanita tua bertongkat dan makhluk aneh yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia.

Siapa makhluk-makhluk aneh itu?



# Siapa ibu dua bayi ini?

**A**DA seorang doktor beragama Islam bekerja di sebuah hospital di negara Barat. Namun, doktor Muslim ini amat disenangi dan dihormati kerana mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, biarpun kesemua pakar

di hospital berkenaan dari kalangan bukan Islam.

Doktor Muslim ini berkawan baik dengan seorang doktor beragama Kristian. Walaupun berlainan agama, namun mereka tiada masalah bekerjasama dalam usaha



merawat pesakit.

Suatu hari, dua orang wanita melahirkan bayi pada waktu yang sama di hospital tersebut. Si ibu pertama melahirkan bayi lelaki dan ibu kedua, mendapat bayi perempuan.

Masalahnya, akibat kecuiaan seorang jururawat, kedua-dua bayi tersebut telah bertukar. Peristiwa ini menimbulkan kebingungan para doktor di hospital berkenaan. Bagaimana mereka hendak mengenal pasti yang mana satukah ibu kepada kedua-dua bayi tersebut?

Doktor beragama Kristian tadi teringat kepada teman baiknya si doktor Muslim. Lantas beliau bertanya kepada temannya: "Dulu engkau pernah mengatakan bahawa al-Quran itu ada jawapan kepada segala persoalan dan mampu menjelaskan segala sesuatu kemusykilan. Oleh itu, cuba engkau tunjukkan kepadaku cara untuk mengetahui yang mana satukah ibu kepada kedua-dua bayi ini!"

Jawab doktor Muslim: "Benar. Al-Quran telah menerangkan segala-galanya. Aku akan tunjukkan padamu tentang kebenarannya!"

Doktor Muslim pun meminta contoh air susu daripada kedua-dua ibu yang baru melahirkan itu. Tujuannya mahu menjalankan ujian terhadap kandungan air susu tersebut.

Setelah mendapat keputusan hasil ujian tersebut, doktor Muslim ini tanpa ragu memberitahu bahawa si ibu yang tinggi kandungan garam dan mineral dalam air susunya adalah ibu kepada bayi lelaki manakala kandungan mineral yang rendah

bermakna wanita itu adalah ibu kepada bayi perempuan.

Doktor beragama Kristian itu kehairanan lalu bertanya: "Berdasarkan apa engkau berjaya mendapat keputusan mengagumkan ini?"

*"Allah telah mensyariatkan kepada kamu mengenai wasiat buat anak-anakmu di mana bahagian seorang anak lelaki adalah menyamai dua bahagian anak perempuan."* (Surah an-Nisa', Ayat 11).

Lalu doktor Muslim membacakan sepotong surah an-Nisa' ayat 11, lantas menerangkan kepada rakan-ranya itu: "Melalui ayat ini Allah menjelaskan bahawa satu bahagian lelaki adalah bersamaan dengan dua bahagian perempuan. Bermakna bahagian lelaki adalah dua kali ganda berbanding wanita.

"Perbandingan kadar garam dan mineral pada air susu kedua-dua ibu tersebut sudah jelas menunjukkan bahawa kandungan yang terdapat dalam air susu ibu bayi lelaki dua kali ganda banyaknya berbanding susu ibu bayi perempuan. Inilah yang membuktikan siapa ibu kepada bayi-bayi tersebut!"

Penjelasan itu membuatkan doktor beragama Kristian itu berasa amat kagum. Lantas, kerana sepotong ayat itulah, si doktor Kristian akhirnya memeluk Islam! 





## Firaun Ramsess II

### Bukti al-Quran benar!

**P**ADA pertengahan tahun 1975, Presiden Perancis menawarkan kerajaan Mesir bantuan untuk meneliti, mempelajari, mengkaji dan menganalisis mumia Firaun, Ramsess II iaitu Firaun yang mati tenggelam dalam Laut Merah ketika mengejar Nabi Musa dan para pengikut baginda.

Tawaran itu disambut baik, lalu Mesir membenarkan mumia Ramsess diterbangkan ke Paris. Setibanya di Paris mumia itu disambut dengan penuh meriah sebelum ditempatkan di ruang khas Pusat Arkeologi Perancis.

Di situ menanti para pakar, doktor bedah dan pakar autopsi Perancis yang dipimpin oleh doktor yang sangat terkenal iaitu Prof. Dr. Maurice Bucaille untuk menyiasat punca kematian Ramsess II.

Dr. Bucaille merupakan seorang

pakar bedah Perancis yang dilahirkan di Pont-L'Evêque pada 19 Julai 1920. Pada tahun 1945 beliau diiktiraf sebagai pakar di bidang gastroenterologi.

Khidmat Dr. Bucaille, banyak digunakan oleh kenamaan Perancis termasuk Raja Faisal Arab Saudi dan pemimpin Mesir, Anwar Sadat.

Dengan pengalaman dan kehebatannya Dr. Bucaille yakin mampu membongkar misteri di sebalik penyebab kematian Ramsess II itu.

Setelah dikaji hasilnya sangat mengejutkan. Dr. Bucaille menjumpai sisa-sisa garam yang masih melekat pada jasad mumia tersebut. Ini bukti terbesar bahawa Firaun itu mati akibat tenggelam di dalam laut.

Ini bermakna jasad Ramsess telah dikeluarkan dari laut, sebelum diawet menjadi mumia supaya jasad

itu kekal. Tapi penemuan itu menimbulkan persoalan besar kepada Dr. Bucaille.

Bagaimana jasad tersebut masih berkeadaan sangat baik berbanding jasad-jasad yang lazimnya tenggelam dan dikeluarkan dari laut?

Tanpa berlengah Dr. Bucaille menyiapkan sebuah laporan akhir yang diyakininya sebagai penemuan baru, iaitu proses menyelamatkan mayat Firaun dari laut dan kaedah pengawetannya.

Laporan itu diterbitkan dengan tajuk: *Les Momies Des Pharaons Et La Midecine (Mumia Firaun: Sebuah Penelitian Perubatan Moden)*.

Hasil laporan itu, Dr. Bucaille telah menerima anugerah penghargaan tertinggi kerajaan iaitu *Le Prix Diane Potier-Boes* (Penghargaan Dalam Sejarah) oleh Academie Frantaise dan anugerah *Prix General* daripada Academie Nationale De Medicine, Perancis.

Namun seorang rakannya sempat membisikkan kepada Dr. Bucaille bahawa penemuan itu sebenarnya bukan sesuatu yang baru.


"Jangan tergesa-gesa kerana sesungguhnya umat Islam telah berbicara mengenai peristiwa Firaun yang mati lemas dan mayatnya dipelihara sehingga hari ini!"

Kata-kata itu ditentang keras oleh Dr. Bucaille. Baginya membongkar sesebuah misteri lama tidak mungkin dapat diketahui kecuali dengan menggunakan teknologi moden, peralatan dan makmal canggih.

Kawannya terus bercerita bahawa



**Dr. Bucaille bersama bukunya selepas memeluk Islam.**



al-Quran yang diyakini dan menjadi pegangan umat Islam telah pun menceritakan kisah tenggelamnya Firaun dan kemudian mayatnya diselamatkan.

Kata-kata itu sekali lagi menimbulkan persoalan kepada Dr. Bucaille. Adakah ia dapat diterima akal kerana mumia itu baru sahaja ditemui sekitar tahun 1898. Tapi al-Quran telah ada di tangan umat Islam sejak ribuan tahun sebelumnya.

"Apakah masuk akal di hadapanku ini adalah Firaun yang cuba menangkap Musa (Nabi)? Apakah masuk akal Muhammad (Nabi) mengetahui hal sejarah ini? Padahal kejadian Firaun mengejar Musa berlaku sebelum al-Quran diturunkan," kata hati kecilnya.

Akibat masih tidak berpuas hati, Dr. Bucaille mendapatkan kitab Injil. Tapi di dalamnya hanya membicarakan Firaun yang tenggelam di tengah laut saat mengejar Nabi Musa tetapi tidak diceritakan mengenai mayat Firaun.

Dia menyelak pula Kitab Perjanjian Lama (Injil Lama). Tapi kitab itu hanya menceritakan; "*Air (laut) pun kembali seperti sebuah lautan yang berombak dan beralun, menenggelamkan kereta-kereta (cha-*

riot) kuda, pasukan berkuda dan seluruh bala tentera Firaun tanpa ada seorang pun yang berjaya menyelamatkan diri. Tetapi anak-anak Israel dapat menyelamatkan diri atas daratan kering di tengah-tengah laut itu.” (Exodus 14:28 dan Psalm 136:15)

Dr. Bucaille semakin bingung kerana pencariannya belum berhasil. Apa seterusnya yang terjadi kepada mayat Firaun selepas tenggelam masih belum ditemuinya.

Selepas mumia dikembalikan ke Mesir Dr. Bucaille terus berjumpa dengan para ilmuwan Islam untuk mengetahui sejarah Nabi Musa, kekejaman Firaun sehinggalah Bani Israel meninggalkan Mesir dan dikejar Firaun dengan seluruh bala tentera di belakang mereka.

Maka salah seorang ilmuan Islam ditemuinya telah membacakan surah Yunus, ayat 92, berhubung kisah Firaun yang tenggelam itu.

“Maka pada hari ini, Kami biarkan engkau (hai Firaun) terlepas dengan badanmu (yang tidak bernyawa, daripada ditelan laut), untuk menjadi tanda bagi orang-orang yang di belakangmu (supaya mereka mengambil iktibar). Dan (ingatlah) sesungguhnya kebanyakan manusia lalai daripada (memerhati dan memikirkan) tanda-tanda kekuasaan Kami!” (Yunus: 92).

Apabila mendengar ayat itu, Dr. Bucaille terkedu. Hatinya benar-benar tersentuh. Al-Quran telah menjelaskan bahawa jasad Firaun tidak reput ditelan laut sebagai

peringatan kepada umat seterusnya.


Akhirnya Dr. Bucaille mengakui kebenaran ayat tadi kerana ia logik, dapat diterima akal dan memberikan satu inspirasi serta dorongan kepada sains untuk maju meneroka lebih jauh lagi.

Tanpa berlengah dengan hati yang begitu bergetaran menahan sebak dan terharu Dr. Bucaille bangun. Dengan suara lantang, Dr. Bucaille bersuara: “Sesungguhnya aku masuk Islam dan beriman dengan al-Quran ini.”

Selepas pulang ke Perancis, Dr. Bucaille terus mengkaji al-Quran. Akhirnya beliau berjaya menerbitkan buku yang sangat mengejutkan seluruh dunia dan sehingga kini telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa pada tahun 1976, iaitu *The Bible, The Qur'an, and Science: The Holy Scriptures Examined in the Light of Modern Knowledge*.

Melalui buku ini, Dr. Bucaille yang telah menukar namanya kepada Dr. Yahya Maurice Bucaille berjaya membuktikan bahawa al-Quran adalah selari dengan fakta-fakta sains sementara kitab Injil adalah sebaliknya.

“Sains dan Islam umpama saudara kembar yang tidak boleh berpisah. Ini kerana dalam Injil terdapat pelbagai kesilapan dari aspek saintifik tetapi tiada sedikit pun kesilapan seperti itu ada dalam al-Quran.

“Al-Quran yang di dalamnya diceritakan segala penjelasan mengenai fenomena alam semula jadi yang sangat bertepatan dengan sains moden,” luahnya. 

SEBUAH FILEM SERAM  
AHMAD IDHAM

Uploader: LeeSha / Url: <http://torrent.jiawang.cc>

ZAHIRIL ADZIM | LIYANA JASMAY

# Senjajaka

DI PAWAGAM 14 APRIL 2011

DI BINTANGI FAEZAH ELAI | RUMINAH SIDEK | AIDA ARIS | EIZLAN YUSOF | ROSLAN SALLEH  
SINEMATOGRAFI RAJA MUKHRIZ PENGARAH MUZIK KAMRUL HUSSIN PENYUNTING AHMAD MUSTADHA PENATA SENI NUR FAIZAL SKRIP MEOR SHARIMAN  
PENYELARAS PRODUKSI EDZRUL FAHMI PENOLONG PENGARAH ROSLI MOHD TAIB PENGARAH BERSAMA MAZRI MUSTAFA | ABDUL AZIZI  
PENASIHAT PRODUKSI TOK BAK PENERBIT AZLAN SHAH JAFFRIL | AHMAD IDHAM PENGARAH AHMAD IDHAM




PG 13

PERINGATAN: JAMBUJANG BERSAMA DISYOROKAN SERTA KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 13 TAHUN  
WARNING: CHILDREN SHOULD BE ACCOMPANIED BY AN ADULT



[www.excellentpictures.com.my](http://www.excellentpictures.com.my)



# Misteri Firaun

**M**ASIH banyak misteri yang belum terungkap menyelubungi sarjana dan ahli arkeologi purba mengenai firaun-firaun yang pernah memerintah Mesir. Walaupun menggunakan teknologi canggih untuk mencari jawabannya namun beberapa persoalan masih menghantui pakar arkeologi, antaranya:


❑ **MISTERI** sebenar kehilangan isteri Firaun Akhenaten, permaisuri Nefertiti tidak dapat diketahui. Ujian DNA giat dijalankan cuba mengenal pasti yang mana satu adalah mumia yang bernama Nefertiti, seorang permaisuri yang termasyhur dengan kecantikannya. Jasad Firaun Akhenaten sendiri gagal ditemui dan tidak diketahui

sama ada firaun itu telah dibunuh atau dibuang jasadnya. Makamnya di ibu kota yang dibinanya di Amarna ditemui tidak siap.

Ujian DNA dan imbasan tomografi berkomputer (*CT Scan*) ke atas 16 mumia diraja yang dikelolakan oleh Majlis Tertinggi Mesir untuk Barangan Antik, bagaimanapun, berjaya membuktikan bahawa mumia yang tidak dikenal pasti dan digelar KV55, selepas makamnya ditemui pada 1907 di Lembah Mesir sebenarnya adalah Akhenaten.

Ujian itu turut mengukuhkan andaian bahawa KV55 adalah bapa kepada raja Tutankhamun dan anak kepada Firaun Amenhotep III. KV55 telah lama diberi anggapan terlalu muda untuk menjadi Akhenaten yang dianggarkan berusia 40-an ketika menemui ajalnya. Ujian tersebut membuktikan usianya itu adalah benar, sama dengan andaian untuk Akhenaten

Tentang kepercayaan Akhenaten pula yang cuba memperkenalkan fahaman monoteisme masih diperdebatkan ahli cendekiawan. Ada yang mengatakan Akhenaten seorang nabi. Semasa pemerintahannya selama 17 tahun, Akhenaten cuba menukar agama dan kebudayaan rakyat Mesir yang telah diamalkan lebih jutaan tahun dengan memperkenalkan satu tuhan, namun menerima kegagalan. Tiada siapa mengetahui apakah yang terjadi kepada firaun



**Mumia Raja Tutankhamun yang berusia 3,000 tahun ini sering menjadi pertikaian kalangan ahli sejarah.**

yang menyeleweng itu.

Anak lelakinya, Firaun Tutankhamun yang masih muda, bagaimanapun berjaya memulihkan pemerintahan Mesir dan menarik balik pembaharuan itu serta mengamalkan agama lama mereka.

PAKAR-PAKAR arkeologi masih tidak mengetahui dengan jelas tarikh dan penyebab utama kemangkatan Tutankhamun. Raja Tutankhamun menjadi firaun ketika berusia 10 tahun pada tahun 1333 Sebelum Masihi (SM) dan memerintah hanya selama sembilan tahun ketika zaman penting sejarah Mesir.

Kematian raja budak lebih 3,000 tahun lalu itu sering menjadi pertikaian di kalangan ahli sejarah. Sesetengah daripada mereka percaya firaun itu mati akibat kecederaan kaki dan bertukar menjadi gangren manakala ada yang berpendapat beliau telah dibunuh dengan pukulan kuat di kepala.

Satu lubang di tengkoraknya yang meningkatkan spekulasi ba-



**Ketua Majlis Antikuiti Mesir, Zahi Hawass berjaya membongkar misteri firaun yang tidak terungkai sebelum ini.**

hawa dia telah dibunuh turut disangkal apabila imbasan CT mendapati lubang itu mungkin berpunca daripada proses pengawetan. Imbasan itu turut mendedahkan firaun itu mengalami patah kaki. Ujian ke atas firaun yang digambarkan kononnya sebagai 'kebal' itu sebenarnya berkeadaan lemah akibat penyakit sejak lahir yang dialaminya termasuk malaria.

Ketua Majlis Antikuiti Mesir, Zahi Hawass bersama pakar-pakar juga sedang berusaha untuk mengenal pasti siapakah adik Akhenaten yang merupakan ibu Raja Tutankhamun serta siapa pula isterinya.

Sebelum ini juga terdapat spekulasi bahawa bapa Raja Tutankhamun ialah firaun Smenkhkare yang kurang dikenali. Misteri telah lama membelenggu identiti ibu bapa Tutankhamun. Ada yang berpendapat Firaun Akhenaten ialah bapanya, namun identiti ibunya masih belum dikenal pasti.

❑ APAKAH sebenarnya yang berlaku kepada Firaun Hatshepsut tidak diketahui. Apakah pula hubungan antara Hatshepsut dan Senenmut masih diperdebatkan di kalangan para ahli sejarah. Hatshepsut yang mendapat jolokan Wanita Bangsa-wan Terulung adalah firaun kelima

dari dinasti ke-18 Mesir purba.

Para Egiptologi umumnya menganggap Hatshepsut sebagai salah seorang firaun perempuan yang paling berjaya di Mesir, memerintah lebih lama daripada mana-mana pemerintah dalam sesebuah dinasti asal.

Hatshepsut dipercayai memerintah pada 1479 SM hingga 1458 SM. Dia dianggap sebagai permaisuri paling awal dikenali dalam sejarah dan perempuan kedua yang diketahui menaiki takhta sebagai Raja Mesir Hulu dan Hilir selepas Permaisuri Sobekneferu dari dinasti ke-12.

❑ AHLI sejarah sependapat bahawa asal usul Cleopatra adalah keturunan Yunani dan bukan berasal dari Mesir. Bapa Cleopatra ialah Ptolemy XII Auletes, tetapi persoalannya siapakah ibu beliau masih tidak pasti. Barangkali Cleopatra adik tiri Ptolemy Cleopatra Selene.



❑ AHLI sejarah dan arkeologi masih samar tentang siapakah raja Mesir yang pertama. Raja itu mungkin Firaun Menes atau Narmer. Firaun Narmer disahkan secara arkeologi, tetapi Menes tidak. Mungkin Menes hanyalah mitos atau Menes dan Narmer adalah orang yang sama. Jika Menes wujud dan bukan orang yang sama dengan Narmer, tidak dapat disahkan firaun manakah yang muncul terlebih dahulu.

❑ PARA sarjana sejarah masih tertanya-tanya adakah Firaun Ramses III bertanggungjawab mempertahankan Mesir dari serangan Orang Laut kerana mereka pernah menjarah atau merupakan pelarian ke Mesir ketika peperangan berlaku. Ahli sejarah masih tidak pasti sama ada Firaun Ramses III atau Amenemhat I yang telah mati dibunuh.


❑ RAJA Menmaatre Seti I, juga disebut Sethos I adalah firaun Mesir Kuno dinasti ke-19. Baginda

merupakan putera kepada Ramses I dan Ratu Sitre serta ayah kepada Ramses II.

Tarikh baginda berkuasa masih samar dan belum jelas. Sejarawan mempunyai pandangan waktu yang berbeza, antara sekitar tahun 1294 hingga 1279 SM.

❑ HANYA sedikit maklumat yang diketahui tentang pemerintahan Firaun Smendes I, dan ada kemungkinan Mesir berpecah belah ketika itu.

❑ AHLI sejarah masih belum sependapat tentang Raja Khababash dari dinasti ke-30 itu sama ada betul-betul seorang firaun atau bukan bahkan asal usulnya juga menimbulkan keraguan dan misteri.

❑ AHLI sejarah masih tidak mengetahui sama ada Firaun Necho II pernah menghantar pasukan ekspedisi berlayar dari Laut Merah mengelilingi Afrika dan kembali semula ke Lembah Sungai Nil. 

---

### Mastika

---

- *Ketinggian seorang angkasawan yang pulang ke bumi biasanya akan mengalami pertambahan sebanyak dua inci. Ini kerana, semasa berada di ruang angkasa, tulang rawan yang terdapat pada tulang belakang mereka berkembang kerana ketiadaan graviti.*
- *Jika kita boleh memandu dari bumi ke matahari dengan kelajuan sekitar 90 kilometer sejam, kita akan mengambil masa selama 193 tahun untuk sampai ke matahari.*
- *Telinga cengkerik terletak di bujung kaki depannya. Kedudukannya, tepat di bawah mulut cengkerik.*
- *Ketika kaca pecah, kaca-kaca bergerak dengan kelajuan 3,000 kilometer sejam.*



Oleh: Desi Ernita  
(Terima kasih: Jabatan Penjara  
Malaysia, Bukit Wira, Kajang).

# BENGANG! BENGANG! BENGANG!

**S**EJAK akhir-akhir ini semakin ramai remaja kita terlibat dalam kes bunuh! Kes-kes ini pula tidak sepatutnya berlaku. Kadang-kadang ia hanya bermula dengan perasaan geram, bengang dan ego terasa tercabar...

**“Saya bengang peragut itu!”**  
– Kit

**M**alam itu kira-kira pukul 11.00 malam, semasa asyik bersembang dengan dua orang teman, saya dapat panggilan telefon.

“Kit, kitorang kena ragut. Korang datang tolong kitorang *usha* peragut tu. Cepat!” Cemas suara Munir menghubungi saya. Kata Munir, beg sandangnya diragut oleh dua orang pemuda yang menaiki kereta.

Saya pun tak tunggu lama. Menyirap je darah bila dengar *member* sendiri kena ragut. Terus capai kunci motor dan bersama rakan yang lain, kami terus bergerak ke destinasi tidak jauh dari kawasan kami lepak. Dalam masa yang sama, saya turut menghubungi beberapa teman motor yang lain agar sama-

sama membantu mencari peragut jahanam itu.

Asalnya, kami yang hanya bertiga kemudian jadi segerombolan budak-budak motor. Ada lebih kurang 10 motor semuanya. Masing-masing berpecah untuk mencari kereta yang dimaksudkan. Tak sampai 10 minit, kami jumpa kereta yang dicari.

Apa lagi, kami tak tunggu lama, terus membelasah peragut itu. Yang seorang sempat melarikan diri. Tinggal yang seorang lagi, teruk kami kerjakan.

Ketika itu, hati saya tiada belas kasihan. Saya belasah lelaki itu dengan besi pengunci motosikal manakala teman-teman lain ada yang menggunakan topi keledar. Ketika itu, marah saya meluap-luap. Ditambah pula dengan berbagai-bagai kes ragut yang dilaporkan oleh media hingga ada mangsa hilang nyawa. Itu yang buat saya tambah bengang.

Saya tak dapat kawal rasa marah. Saya hayun besi di tangan bertubi-tubi membelasah peragut itu. Walaupun sudah bermandi darah, kami seramai sepuluh orang terus membelasah lelaki itu hingga akhirnya langsung tidak bergerak.

Bila lihat lelaki itu sudah terbaring berlumuran darah, tidak lagi bersuara dan mulutnya keluar buih,

baru kami tersedar. Apa lagi, kami tak tunggu lama terus cabut begitu saja. Saya terus pulang ke rumah.

Saya tidak ceritakan perkara itu pada sesiapa hinggalah tiga hari kemudian, polis datang ke rumah menahan saya. Mereka turut mengambil besi pengunci motor yang masih ada kesan darah untuk dijadikan bahan bukti.

Kedua-dua orang tua saya terkejut. Ibu hanya mampu menangis, ayah pula kelu tidak mampu bersuara apabila dapat tahu polis menahan saya atas tuduhan membunuh. Akhirnya, saya dijatuhkan hukuman tujuh tahun penjara.

Saya hilang pekerjaan, hilang kebebasan. Kerana terlalu menurut rasa hati, saya terkurung di sini, di Penjara Kajang. Mulanya, memang saya memberontak. Tapi kini saya redha menerima hakikat. Mungkin ada hikmah di sebaliknya.

Jika dulu, saya tidak pernah ingat Tuhan. Al-Quran, sejadah semua saya tak pandang. Tapi sejak berada di sini, saya mula sedar

kewajipan sebagai hamba-

Nya. Jika dulu langsung tidak tahu mengaji,

kini saya sudah mula mengalunkan ayat-

ayat suci walaupun masih merangkak

seperti anak kecil yang baru belajar.

Jika dulu tidak tahu bagaimana mahu

menyembah diri pada Yang Esa, kini saya

kembali sujud pada-Nya.



Paling penting, saya belajar mengawal rasa marah, agar syaitan tidak mudah menghasut, agar sifat amarah tidak lagi menghancurkan hidup saya lagi setelah saya keluar dari tirai besi ini nanti.

■ Kit kini baru berusia 20 tahun. Berasal dari Selangor dan merupakan anak bongsu dari tiga beradik. Kejadian ini berlaku pada pertengahan tahun 2009.

### “Geram punya pasal!” – Din

SUATU malam, saya dan abang bersama dua teman kami lepak di tempat yang sama, di tepi jalan tidak jauh dari kawasan rumah kami. Kami bercerita, menyanyi dan kadangkala bermain kad. Kami tak kacau orang pun.

Ketika itu sudah pukul 1.00 pagi. Tiba-tiba datang seorang lelaki, berjalan terhuyung-hayang ke arah kami. Sebelah tangannya memegang sebotol minuman keras. Lelaki itu sudah mabuk.

Kami tak hiraukan lelaki itu. Tapi, lelaki itu datang ke arah kami, lalu bertempik mengajak kami beradu tenaga dengannya. Mulanya, kami tak hiraukan. Lantaklah, apa guna dilayan orang mabuk seperti itu.

Namun, si pemabuk itu tidak putus asa cuba memancing kemarahan kami. Dia memaki hamun,

mengeluarkan kata-kata kesat. Akhirnya, kami hilang sabar. Kami bangun dan berdepan dengannya.

Hasrat kami mulanya sekadar mahu mengusir pemabuk itu. Tapi saya tidak sangka lelaki itu keluarkan sebilah pisau belati daripada poket jaket yang dipakainya. Kami terkejut. Mahu atau tak mahu, kami harus pertahankan diri.

Empat lawan satu! Walaupun lelaki itu ada pisau, tapi mudah untuk kami tewaskannya dengan tangan kosong. Geram punya pasal, kami pukul dia bertubi-tubi. Akhirnya lelaki itu terkulai layu.

Kasihannya melihat lelaki itu, kami bawa dia ke hospital. Setelah itu kami pulang ke rumah. Rupanya, tidak lama selepas kami tinggalkan hospital, lelaki itu meninggal dunia. Dua hari kemudian, polis datang menangkap kami kerana disabitkan kesalahan membunuh lelaki itu. Hanya di usia 17 tahun, kedua-dua tangan saya digari buat pertama kali.

Saya dan abang dijatuhi hukuman lima tahun penjara. Ibu datang dari pada kampung menjenguk kami, tapi hanya mampu menangis. Saya sedih lihat ibu menitikkan air mata. Niat saya datang ke bandar mahu cari rezeki, tapi belum sampai setahun, penjara jadi tempat tinggal saya kini. Terkurung di sini



Din

“Setelah itu kami pulang ke rumah. Rupanya, tidak lama selepas kami tinggalkan hospital, lelaki itu meninggal dunia. Dua hari kemudian, polis datang menangkap kami kerana disabitkan kesalahan membunuh lelaki itu”

banyak mengajar saya tentang keinsafan. Baru saya tahu selama ini saya dangkal ilmu agama, tiada iman di dada, kurang pengetahuan hingga akhirnya mendapat gelaran ‘pembunuh’.

Saya tekad, saya mahu berubah. Saya tak mahu ulangi kesilapan lalu. Apatah lagi saya dan abang sama-sama sudah mencalarkan nama keluarga. Tak sanggup rasanya mahu menatap wajah ibu yang sayu. Niat saya selepas keluar, saya mahu mulakan hidup baru. Paling penting, saya mahu lakukan perkara baik yang boleh buat ibu tersenyum.

■ Din kini berusia 20 tahun berasal dari sebuah negeri di pantai timur dan bersekolah setakat darjah enam sahaja. Semasa berusia 17 tahun, Din berhijrah seorang diri ke Kuala Lumpur. Tak lama kemudian, barulah abang kandungnya menyusul mahu merasa bekerja di bandar dan akhirnya terlibat kes bunuh pemabuk.



**Noor Alang Wangsa Mohamad Nor,  
Ketua Inspektor Penjara.**

**B**ERDASARKAN dua cerita tadi, sebenarnya mudah sungguh remaja kita membunuh. Kit membunuh hanya sekadar bengang dan marah meluap-luap terhadap peragut, Din pula meragut nyawa akibat bengang apabila dipancing kemarahannya oleh si pemabuk.

Senario inilah yang membimbangkan kita. Seperti kata Noor Alang Wangsa Mohamad Nor, Ketua Inspektor Penjara, remaja kita kini amat nipis tahap kesabaran dan tiada nilai keagamaan. Sikap pantang dicabar, panas baran dan ego membuatkan remaja amat mudah terjerumus melakukan jenayah sehingga sanggup membunuh. **m**

# AKU TERJEREBAK DALAM MAKSIAT...

**A**pa yang aku ingin cuba coretkan di sini ialah mengenai kisah hidupku yang hancur akibat terikut sangat dengan arus kemodenan. Peristiwa itu berlaku pada 3 tahun yang lepas. Pada ketika itu, usia perkahwinanku hampir 4 tahun tetapi masih belum dikurniakan cahaya mata. Awal perkahwinan kami memang bahagia; aku dibelai manja dan disayangi oleh suamiku. Namun semua itu hanya sementara. Disebabkan waktu kerja kami berbeza serta kesibukan kerjaya masing-masing; kami tidak selalu berjumpa walaupun tinggal sebumbung. Aku berasa begitu sunyi dan rindukan kehangatan belaian kasih dari seorang suami. Perhubungan kelamin begitu jarang; kadangkala sehinggalah sebulan, sekali pun tidak 'bersama'. Kerap kali suamiku memberi alasan dia letih, maklumlah dia memang berjawatan tinggi. Tetapi bagaimana pula diriku? Takkan aku ini hanya seperti tunggul kayu sahaja? Aku begitu kecewa dan mula berasa bosan dengan sikapnya itu.

Aku pernah menceritakan masalah rumah tangga kepada rakan-rakan di tempat kerja. Hanya merekalah yang dapat menghiburkan hatiku ketika waktu aku berduka. Mereka ini kebanyakannya ada yang sudah menjadi janda dan ada juga yang masih memegang *status* isteri tetapi mempunyai skandal. Jika nak diikutkan hati, ingin juga aku mempunyai *skandal* seperti mereka tetapi disebabkan masih sayang, aku tidak mahu berbuat demikian terhadap suamiku. Sehinggalah pada suatu hari, rakanku mula memperkenalkan aku dengan laman sosial *facebook*. "Hai Mila, kenapa nampak muram saja ni. Ada masalah dengan suami kau lagi ke? Kesian aku tengok kau ni Mila. Urm...kau ada *Facebook* tak?" tanya Mona padaku. "Aku mana la tahu pasal *facebook* ni. Aku kan buta IT," ujarku pada Mona. "Ha! Kalau kau rasa kesunyian, kau online la *facebook*. Hati kau boleh terhibur nanti dengan kenalan-kenalan baru," kata Mona padaku membuatkan aku tersenyum sinis. Mona mula mengajar cara-cara untuk melayari laman sosial *facebook* padaku. Mula-mula aku begitu kekok untuk melayari *facebook* ini. Setelah diajar satu-persatu oleh Mona, akhirnya aku berasa gian untuk melayarinya selalu. Mana tidak, aku dapat berhubung dengan kawan-kawan lama dan juga dapat kenalan-kenalan baru. Pada suatu hari, aku teruja apabila bertemu kembali dengan bekas kekasih lamaku melalui *facebook*; Azwan namanya. Sejak dari itu, aku kerap chatting bersama Azwan di ofis dan juga di rumah ketika suamiku tiada di rumah. Kami juga bertukar nombor telefon antara satu sama lain. Sejak itu, aku mula meluahkan segala masalah rumah tanggaku padanya. Lama-kelamaan aku mula menaruh harapan terhadapnya sehinggalah aku teringin sangat berjumpa dengannya ketika diriku berasa sepi.

Sehingga pada suatu hari, ketika sedang hangat *berchatting* dengan Azwan, tiba-tiba ayat Azwan berbunyi begini, "Mila, rasanya sudah lama kita tak keluar bersama. / teramat rindu masa zaman kita bercinta dulu. Sudi tak *you* keluar bersama / hujung minggu ni?" Waktu itu aku seperti berada di awang-awangan, seakan-akan tidak

percaya keadaan yang sedang berlaku. Perasaan gembira mula bermain di dalam fikiranku. Hatiku mula berkata, "Kalau kanto dengan suami aku, naya aku nanti. Tapi, suami aku bukannya pedulikan aku. Lantaklah apa nak jadi pun, aku tetap akan keluar dengan Azwan juga." Enam hari sebelum bertemu Azwan, aku ditemani Mona untuk pergi membuat rawatan kecantikan supaya Azwan terpegun dengan kecantikan yang aku miliki. Ketika berada di salon, *staff* di situ mengesyorkan aku mengambil suntikan untuk mencerah, menegang dan juga menghaluskan kulit. Mona yang bersama aku waktu itu memberikan aku keyakinan untuk mengambil suntikan tersebut. Tanpa berfikir panjang, aku terus terpengaruh dengan kata-kata mereka.

Hari yang dinanti-nantikan telah pun tiba. Aku mengambil peluang untuk keluar tanpa pengetahuan suamiku. Lokasi pertemuan di Taman Tasik Titiwangsa. Ketika sedang menunggu Azwan, jantungku berdegup kencang seperti orang menunggu kekasih. Sedang asyik menikmati pemandangan di situ, tiba-tiba *handphone* ku berdering. Lalu aku menjawab panggilan itu, "Hai Mila, *sorry coz* buat *you* lama menunggu. Jalan *jam* tadi." "Tak apalah Azwan, / faham. *You* kat mana ni?" tanyaku sambil menggoyang-goyangkan kunci kereta. " / dah sampai dan sedang memerhati betapa cantiknya *you* sekarang. Mila...cuba *you* pandang kat belakang. / ada surprise nak bagi kat *you*," ujar Azwan. "Surprise? Betul ke ni Azwan? / tak caya la," jawabku dengan penuh berdebar-debar. Setelah aku menoleh ke belakang, ada sejangkapan bunga yang diletakkan di atas sebuah batu. Azwan mengatakan yang bunga itu adalah untukku.

Rupa-rupanya Azwan telah meletakkan bunga itu di atas batu tanpa aku sedari. Betapa romantiknya Azwan ketika itu. Aku berasa seperti disayangi dan disanjung oleh Azwan. Setelah aku mengambil jambangan bunga itu, Azwan pun keluar dari tempat 'sembunyiannya' lalu berjalan ke arahku. Sebelum Azwan sempat untuk menyapaku, tiba-tiba hujan renyai-renyai mulai turun. Azwan terus menyambut tanganku dan membawa aku masuk ke dalam keretanya. Hujan semakin lama semakin lebat. Kami hanya berbual di dalam kereta sahaja ketika itu. Sebelum pulang, kami sempat mengambil gambar berdua-duaan.

Hari demi hari, perhubungan aku bersama Azwan semakin rancak. Setiap kali jumpa, Azwan sentiasa memuji-muji kecantikan diriku. Nafsu yang membuak-buak membuatkan aku termakan dengan kata-kata manisnya. Akibat kehausan belaian kasih sayang, aku dan Azwan tertanjur di rumah sewanya ketika suamiku bekerja *syif* malam. Sejak dari kejadian itu, aku kerap melakukan perbuatan terkutuk itu bersama Azwan. Apabila bersama Azwan, aku dapat merasakan nikmat kepuasan berbanding suamiku yang tidak dapat memenuhi kehendak zahir dan batinku. Suatu hari, ketika aku berada di rumah bersama suamiku, tanpa disedari; *handphone* ku berbunyi tanda SMS diterima. Waktu itu aku sedang memasak di dapur dan suamiku telah membaca SMS yang dihantar oleh Azwan yang berbunyi begini, "Baby malam ni kita ehem.. ehem.. lagi nak?"



Kanser Payudara  
-Gambar Hiasan

Bukan itu sahaja, malah suaminya telah melihat video aku bersama Azwan di dalam *handphone* ku. Suamiku yang sudah hilang sabar terus menyoalku bertubi-tubi. Tanpa berfikir panjang, dia melafazkan talak kepadaku. Beberapa minggu kemudian, Mahkamah Syariah telah mengesahkan perceraian kami.

Walaupun suaminya telah menceraikan aku, aku masih mampu lagi tersenyum kerana Azwan telah berjanji untuk mengahwiniku. Azwan juga tidak lokek untuk membelanjakan wangnya untuk aku mendapatkan produk bagi mencantikkan lagi wajah dan tubuh badanku. Setahun kemudian, semasa mandi; aku terasa seperti satu ketulan kecil di payudara kananku. Lantas aku mengadu akan keadaan diriku pada Azwan. Azwan membawa aku ke klinik untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang ketulan yang ada. Aku menjalani pemeriksaan 'mammogram'. Namun, doktor mengatakan ianya hanya ketulan biasa dan menasihati aku supaya tidak perlu risau. Setelah 9 bulan selepas pemeriksaan 'mammogram', aku mendapati payudara kananku terasa agak keras, merah dan juga membengkak. Ditambah pula dengan keadaan puting payudaraku yang terbenam. Dunia tiba-tiba terasa begitu gelap gelita bagi aku. Setelah menjalani pemeriksaan lanjut doktor serta ujian 'biopsi' ketumbuhan pada payudaraku, aku telah disahkan menghidap kanser payudara. Aku dinasihatkan oleh doktor untuk menjalani pembedahan 'mastektomi' serta rawatan 'kemoterapi' supaya sel-sel kanser tidak merebak. Beban masalahku ditambah pula apabila Azwan memutuskan untuk berpisah denganku setelah dia mendapat tahu akan hal ini. Aku telah menjalani pembedahan 'mastektomi' diikuti dengan rawatan 'radioterapi'. Kulit mukaku yang dibangga-banggakan dulu, kini kering berkedut. Rambutku mulai gugur, aku kerap loya serta kerap muntah-muntah. Tubuhku tidak lagi montok seperti dulu, nampak kurus kering tak bermaya. Mana tidaknya setiap makanan yang masuk ke tekak, akan aku luahkan.

Monalah yang sentiasa membantuku ketika aku berada di dalam kesusahan ketika itu. Mona sentiasa menemaniku berjumpa doktor. Mona ada bertanyakan pada Dr. Salmah, "Dr. macam mana Mila boleh terkena kanser payudara?" "Ada banyak sebab terjadinya kanser dan salah satu penyebabnya ialah akibat penggunaan produk kecantikan yang mengandungi bahan kimia berbahaya. Pengawet seperti paraben biasanya terdapat dalam produk kecantikan dan losen badan termasuklah deodorant, boleh meniru hormon **estrogen**. Hormon estrogen berlebihan akan merangsang pertumbuhan sel kanser payudara. Selain itu bahan pewangi, pewarna, **mineral oil, liquidum paraffinum, paraffin oil, paraffin wax, petrolatum** adalah berbahaya kerana boleh menyerap melalui kulit dan

mengalir ke seluruh badan kita melalui saluran darah. Bahan pengawet seperti methylparaben, ethylparaben, p-propylparaben, isobutylparaben, n-butylparaben, benzylparaben, propylene glycol, butylene glycol, dihydroxy alcohol dan polyethylene glycol boleh menyebabkan kerosakan pada hati, jantung dan buah pinggang. Bahan-bahan ini juga membawa risiko tinggi untuk terjadinya pelbagai jenis kanser," jelas Dr. Salmah.

Terkedu aku dan Mona mendengar penjelasan dari Dr. Salmah. "Saya harap cik bersabar, mujurlah kanser Cik Mila belum sempat merebak ke organ-organ lain. Insya-Allah sama-sama kita berusaha dan berdoa agar kanser Cik Mila dapat dirawat sepenuhnya. Tapi Cik Mila sendiri kena kuatkan semangat ya," kata Dr. Salmah memberi kata-kata dorongan kepadaku. "Betul apa yang Dr. Salmah tu cakap Mila. Kau kena kuatkan semangat ok!" kata Mona sambil diringi dengan senyuman. "Produk apa yang selamat untuk dipakai ya Dr. Salmah? Maklumlah, perempuan suka menjaga kecantikan diri," tanya Mona sambil gelak kecil. Dr. Salmah mengesyorkan produk **Zai's Beauty Formula** ciptaan Dr. **Tunku Zaidar** kerana ianya paling selamat dan tidak mengandungi bahan kimia seperti pewangi, pewarna, pengawet, penyatu dan pemekat. Proses pembuatannya adalah melalui proses penapaian. Dr. Salmah sendiri sudah lama menggunakan rawatan serta produk Zai's Beauty Formula.

"Alangkah baiknya jika aku mengetahui mengenai produk Zai's Beauty Formula sebelum ini dan menggunakannya tanpa sebarang kesan buruk. Insya-Allah selepas selesai menjalani rawatanku, aku akan pakai produk Zai's Beauty Formula yang disyorkan oleh Dr. Salmah itu," azamku di dalam hati. Aku telah kehilangan suaminya dan kini mendapat penyakit kanser. Adakah ini semua suatu ujian besar untuk diriku? Ya Allah, aku bertaubat dan berilah aku hidayah untuk memulakan penghidupan baru...

*Zai's Beauty Formula produk kecantikan tanpa kimia beracun. Tanpa Pengawet, Pewangi, Pewarna dan Penyatu. Proses pembuatan mengikut Ilmu Penapaian cara tradisional Rahsia Warisan DiRaja. Pengilangan & penjualan produk Zai's Beauty Formula dilakukan sepenuhnya oleh Zaimal Sdn. Bhd. (Pemilik Produk Zai's Beauty Formula & Salon Alam Kecantikan Zai's Beauty Formula). Zai's Beauty Formula tidak menggunakan khidmat pengilang kontrak (Contract Manufacturer) & tidak ada pengedar. Mutu & keselamatan produk terjamin.*

**Rujukan: -**

<http://www.organicconsumers.org/bodycare/breastcancer090604.cfm>

<http://www.charityadvantage.com/mhop/cosmeticsandfragnanced.asp>

<http://www.preventcancer.com/>

<http://www.ewg.org/>

<http://www.webdeb.com/cancer/propylene-glycol.htm>

Dapatkan juga promosi Zai's Beauty Formula di:  
Majalah MASTIKA isu bulan Mei, Julai & Ogos 2011  
Majalah WANITA isu bulan April, Jun & Ogos 2011

Dapatkan perawatan muka "Smooth2 ZBF" (untuk melancarkan pembuangan toksin) pada harga promosi RM65.00 sahaja. Sah sehingga 30 April 2011

(Sila bawa keratan asal ini)

\*Satu isu rawatan promosi layak ditebus hanya untuk sekali sahaja.

**Zaimal Sdn Bhd & Makmal Kosmetik Zai's Beauty Formula,**  
Shah Alam, Selangor **Tel: 03-7842 2331 / 7843 0532**

**Salon-Salon Alam Kecantikan Zai's Beauty Formula:** ♥ Tmn. Tun Dr Ismail Kuala Lumpur  
**Tel: 03-7727 3457** ♥ Tmn. Dato Razali Ampang, Selangor **Tel: 03-4257 3457** ♥ Seksyen 10 USJ  
Subang Jaya, Selangor **Tel: 03-5635 4835** ♥ Seksyen 9, Shah Alam, Selangor **Tel: 03-5880 5658**  
♥ Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, Selangor **Tel: 03-8925 8457**

Laman Web: <http://www.zaimal.com>, <http://www.zaisbeautyformula.com>

Laman Portal : <http://portal.zaimal.com>

Alamat e-mel pertanyaan: [enquiry@zaimal.com](mailto:enquiry@zaimal.com)



Zai's Beauty Formula

# Pemuda dirasuk syaitan Black Metal



Oleh: Dr. Mahyuddin Ismail

E-mel: [mahyuddin09@gmail.com](mailto:mahyuddin09@gmail.com)

“**S**HAHRUL, awak ada terlibat dalam kumpulan Black Metal tak?” tanya saya sebaik sahaja melangkah keluar dari biliknya.

Entah apa yang terjadi malam itu, kaki saya terjelus ke dalam lubang ketika membuat tinjauan di sekitar halaman rumah bapanya.

Oleh kerana kain yang saya pakai sudah kotor, maka saya minta kebenaran Shahrul untuk menggunakan biliknya bagi menukar seluar.

Ketika berada dalam biliknya, saya terpandang poster sebuah kumpulan muzik dari Barat yang dijadikan *cover* buku. Gambar tersebut menarik perhatian saya kerana saya tahu kumpulan tersebut mempunyai unsur-unsur Black Metal.

Apa yang saya saksikan itu merupakan petunjuk dari Allah bagi menyelesaikan kes Shahrul ini. Menurut bapanya, anak sulungnya

itu tiba-tiba menjadi murung, pendiam dan tidak mahu bercakap dengan sesiapa.

Sewaktu diadakan sesi runding cara, sepatah kata pun tidak keluar dari mulutnya. Hampir semua soalan yang dikemukakan kepadanya terpaksa dijawab oleh bapanya. Teruk juga kali ini.

Biasanya pesakit yang kami rawat paling tidak akan menjawab soalan kami walaupun sepatah. Puas juga kami memerah otak untuk menyelesaikan masalahnya ini.

Bulan lepas, Shahrul berhenti kerja secara mendadak. Beliau menghantar notis berhenti kerja 24 jam. Majikannya sangat terkejut kerana Shahrul adalah salah seorang pekerjanya yang cekap dan mempunyai kemahiran yang tinggi.

Puas dipujuk, beliau tetap dengan keputusannya. Alasannya mudah... fikiran buntu dan tidak dapat fokus pada kerja.



Menurut bapanya, gangguan yang Shahrul alami bermula sejak tiga tahun lepas. Pada permulaannya, beliau mengalami masalah tidak dapat tidur. Puas dipejam mata, tidak juga mahu lelap.

Keadaan menjadi makin parah apabila beliau mula mendengar bisikan-bisikan ghaib yang menyuruhnya melakukan jenayah termasuk membunuh!!!

Kami membuat pemeriksaan terhadap Shahrul dan kedua-dua ibu bapanya untuk melihat sama ada wujud unsur saka atau tidak.

Hasilnya, negatif. Buntu juga fikiran kami. Apa sebenarnya yang menjadi punca gangguan yang dialami. Persoalan tersebut mungkin terjawab dengan apa yang saya saksikan ketika berada di bilik Shahrul.

“Awak suka ke dengar lagu-lagu kumpulan tu?” soal saya apabila melihat matanya terkebil-kebil memandang saya.

Shahrul mengangguk perlahan. Raut wajahnya masih kelihatan seperti orang yang tidak mempunyai perasaan.

“Awak ada simpan lagi CD-CD kumpulan tu?” soal saya lagi, macam seorang peguam pula. Dia mengangguk lagi.

“Boleh tak bawak CD-CD tu keluar, kami nak tengok,” pinta saya apabila melihat respons Shahrul yang agak perlahan.

Shahrul lantas bangun menuju ke biliknya. Tak lama kemudian, dia datang dengan membawa satu kotak besar.

Wahh! Banyak betul CD-CD kumpulan Black Metal yang disimpannya. Saya kira hampir 60 bekas CD yang ada.

Mungkin para pembaca hairan dan tertanya-tanya apa kaitan antara lagu-lagu ini dengan gangguan yang dialami Shahrul.

Saya mulakan dengan kisah yang berlaku kepada pelajar saya yang bernama Zaki Yamani atau lebih suka dipanggil Mat Jack. Kisah ini berlaku ketika saya mula-mula berkhidmat di Kolej Antarabangsa IKIP, sekitar tahun 2002.

Zaki ni jenis orang yang suka berseloroh dan buat lawak. Satu hari, saya terserempak dengannya selepas habis kuliah. Saya terpancang dua keping CD yang berada di tangannya... tertulis perkataan Iron Maiden dan Black Sabbath pada covernya.

“CD apa tu Zaki?” soal saya.

“Tak ada apa-apa ustaz. CD kumpulan rock je!” jelas Zaki.

“Awak tak usah dengarlah lagu-lagu gitu. Itu semua lagu-lagu yang ada unsur pemujaan,” tegas saya.

“Tak ada apa la ustaz. Lagu biasa-biasa je. Buat halwa telinga. Saya dengar je, takda nak *feeling-feeling*. Nak buat senaman urat leher, *banging* sikit aje.”

“Takpa la Zaki, ikut suka awaklah. Saya pesan je. Kalau berlaku apa-apa, awak tanggunglah!” ujar saya.

Dalam mendidik anak murid ni, dalam beberapa keadaan, kita terpaksa biarkan mereka melalui sendiri pengalaman-pengalaman untuk mereka percaya. Kita doakan

agar mereka diberikan petunjuk.

Keesokan paginya, Zaki tergesa-gesa datang menemui saya. "Assalamualaikum ustaz."

"Walaikumussalam! Hah! Zaki. Ada apa? Napa muka awak semacam je ni?" tanya saya bila melihat mukanya yang berlainan dari hari biasa.

"Ustaz, saya nak cerita satu benda ni..." ujar Zaki dalam nada berbisik. Matanya memandang ke kiri dan ke kanan, melihat takut-takut ada rakan-rakan yang mendengar.

"Macam ni ustaz, malam tadi saya dengan member-member pasang CD yang saya tunjuk semalam tu. Kita orang dengar la sampai pagi. Sambil dengar tu, kami *banging* la kepala!" cerita Zaki bersungguh-sungguh.

"Hah, pastu apa jadi?" sampuk saya, saja nak mainkan dia.

"Kami tertidur. Saya ingat dalam pukul 3.00 pagi macam tu, saya terkejut bila dengar ada benda dok cakar *sliding door* balkoni rumah kami. (Pada masa itu, sebahagian pelajar IKIP menginap di Apartmen Palm Court). Saya kejutkan member-member saya. Memang kuat bunyi benda tu dok mencakar pintu *sliding!*"

"Awak tak nampak binatang apa yang dok mencakar tu?" Duga saya, saja nak menyakat si Zaki yang suka mengusik pelajar lain.

"Ustaz, bilik kami tu kat tingkat 3, mana ada binatang boleh panjat tinggi tu. Tak usah kata binatang, manusia pun tak boleh nak buat gitu!" balas Zaki. Jelas nampaknya dia serius, tak seperti selalu, suka

melawak.

"Lama ke benda tu mencakar?" soal saya lagi.

"Ada dalam 3-4 minit. Pastu senyap. Lepas tu ada macam bunyi benda besar terbang!" balas Zaki.

"Hah... itulah bendanya!" tiba-tiba saya menyampuk.

"Apa bendanya tu ustaz?" soal Zaki lagi dengan muka konfius.

"Ya lah... kan saya dah cakap semalam. Jangan dengar lagu tu! Awak tak nak dengar! Kalau awak nak tahu, itulah bendanya yang diseru dan dipuja kumpulan rock tu!" tegas saya, memulakan syarahan panjang kepada Zaki tentang rahsia sebenar kumpulan-kumpulan seperti *Sad Theory, Eterno, Betrayed, Letal Solaris, Profecia, Darkmoon, Argur, Incarnatus, XIV Dark Centuries, Tenebrosus, VLE Venterriket* dan lain-lain.

Saya masih teringat ketika saya menuntut di Kelas Thanawi Dua di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, ustaz yang mengajar saya ketika itu menghuraikan perkataan '*mizmar as syaitan*'.

Menurut beliau, alat muzik yang digunakan syaitan ialah alatan yang bertali dan yang ditiup. Menurut beliau, syaitan dan jin amat tertarik dengan bunyi petikan dan siulan. Mereka akan cepat-cepat datang ke arah bunyi-bunyian tersebut.

Sebab itu, tiupan serunai atau petikan gitar boleh mempengaruhi jiwa dan perasaan pendengarnya. Ada sesetengah pengamal pertahanan diri seolah-olah diresapi semangat dan

tenaga dalaman yang kuat tatkala mendengar tiupan serunai. Begitu juga pendengar muzik, ada yang merasa dibuai perasaan dan hanyut tatkala mendengar petikan gitar atau alunan muzik tertentu.

Ketika rawatan dijalankan, Shahrul secara tiba-tiba tidak sedarkan diri dan dikuasai oleh sesuatu (sama ada syaitan atau jin) yang berdiam dalam tubuhnya. Beliau ketawa seolah-olah mengejek saya. Lalu saya cepat-cepat menumpukan rawatan di bahagian tubuhnya yang panas. Ketika itulah dia bertempik!

“Aduh sakitnya!” jerit makhluk yang menguasai tubuh Shahrul.

“Dari mana engkau datang?” soal saya.

“Teruntum!” jawabnya ringkas. Saya tidak pasti sama ada Taman Teruntum atau Kompleks Teruntum.

“Macam mana masuk?” soal saya lagi.

“Masuk ikut lagu!” melalui dialog tersebut, saya dapat tahu yang Shahrul selalu sertai *jamming* di situ dan beliau salah seorang gitaris yang popular di kalangan mereka.

Mungkin muzik yang dimainkan menyebabkan jin dan syaitan yang mendiami kawasan itu meresap masuk ke dalam tubuhnya, wallahualam.

Hasil penelitian saya terhadap CD-CD kepunyaan Shahrul, terdapat banyak perkara yang sangat menakutkan. Yang pertama ialah *cover* CD yang mengandungi gambar-gambar yang mengerikan.

Gambar orang makan orang

(kanibal), gambar salib, gambar iblis, gambar Jesus, gambar hantu, gambar lucah dan bermacam-macam lagi. Yang kedua ialah lirik-lirik lagu yang bertentangan dengan ajaran agama dan adab kesopanan. Saya tulis sedikit lirik lagu bertajuk *Murder Fantasies*.


*I want to kill you, Take away your life, In torture as you die, I want to kill you, Your death I want to feel. Create your corpse in murder fantasies,*

Ini pula lirik dari lagu bertajuk *Pleasure To Kill*.

*My only aims is to take many lives, The more the better I feel, My only pleasure is to hear many cries, from those tortured by my steel, The colour of your blood from your open body, Is all I wanted to see, Tasting the blood from your lips as you die, means satisfaction to me.*

Tidak hairanlah jika Shahrul didatangi bisikan iblis supaya melakukan pembunuhan kerana lagu itu sendiri menggalakkan pemberontakan dan pembunuhan.

Jika para pembaca mempunyai anak-anak, adik-beradik atau ahli keluarga yang suka mendengar lagu-lagu terutamanya lagu-lagu yang mempunyai unsur-unsur Black Metal, berhati-hatilah!

Amat dibimbangi kalau-kalau suatu hari nanti suara-suara syaitan itu akan mempengaruhi minda kita untuk melakukan pelbagai kemungkaran dan jenayah. Dan tidak hairan jika ada di antara mereka yang mendengar bisikan-bisikan supaya melakukan pembunuhan! 



# Pegawai polis dibelasah, dibakar & ditoreh di Tanah Suci

Seperti yang diceritakan oleh Ustaz Shahrin Abdul Rahman,  
kepada wartawan Mastika, Desi Ernita.

**P**ADA tahun 1990, hati saya terbuka untuk ke Mekah. Ketika itu saya bekerja sebagai seorang anggota polis berpangkat inspektor di Kluang, Johor. Saya bertugas sebagai anggota polis sejak tahun 1982.

Kebetulan ibu saya dapat duit hasil jualan tanah pusakanya. Lalu duit itu dibahagikan antara kami adik-beradik. Dapatlah saya empat ribu.

Pesan mak agar saya gunakan wang itu untuk ke Mekah. Pada waktu itu, jumlah duit sebanyak itu sudah mampu menampung tambang pergi balik ke Tanah Suci.

Namun, saya berniat mahu pergi bersama-sama isteri saya, Nozini Mohd Nor. Memandangkan wang tambang untuk isteri belum cukup, saya tunda niat untuk ke Mekah. Saya bagi tempoh setahun mahu kumpul wang untuk mencukupkan tambang dan perbelanjaan kami berdua.

Selama setahun itu juga, selain mengumpul wang, saya turut hadir pelbagai majlis keagamaan dan kursus haji sebagai persediaan dari sudut kerohanian.

Setiap malam saya tak pernah tinggal melakukan solat taubat. Tujuannya agar saya benar-benar 'bersih' dan segala dosa saya diampunkan sebelum menjejakkan kaki ke Tanah Suci kelak.

Alhamdulillah, niat saya akhirnya dimakbulkan Allah. Pada pertengahan tahun 1991, impian saya dan isteri terlaksana. Kami bertolak

menaiki kapal terbang dari Senai. Ketika itu saya berusia 30 tahun manakala isteri 29 tahun.

Semasa dalam penerbangan, saya rasa yakin tiada apa-apa yang akan berlaku.

"Alah, sudah beratus-ratus solat taubat aku buat. Tentu semua dosa dah diampunkan!"

Begitulah tanggapan saya waktu itu. Sampai di Jeddah, saya mula rasa lain macam. Rasa sayu, takut dan tiba-tiba menangis sampai isteri terkejut dengan perubahan saya. Entah mengapa saya mula rasa tak sedap hati.

Kami menaiki bas menuju ke Madinah. Sampai di depan hotel penginapan, sebaik saya turun dan menjejakkan kaki ke tanah, tiba-tiba saya tidak dapat bernafas. Dada terasa senak bagai dihimpit sesuatu yang berat. Bagaikan tiada oksigen dalam ruang udara di kota Madinah itu.

Saya tersandar ke dinding deretan kedai. Saya cuba bernafas tetapi terasa amat sukar mahu menyedut udara di situ. Isteri saya sudah cemas. Diurut-urutnya dada saya.

"Mungkin ini balasan Tuhan!" kata-kata itu bermain dalam fikiran saya.

Dalam hati, saya hanya mampu beristighfar dan memohon ampun dari Allah. Lebih kurang 10 minit kemudian, barulah saya pulih dan dapat bernafas seperti biasa. Setelah itu, saya dan isteri berpisah kerana menuju ke bilik masing-masing di hotel penginapan yang disediakan.

## Terima 'pukulan ghaib' di Masjid Nabawi


**S**EBELUM masuk waktu Asar, saya pun pergi ke Masjid Nabawi. Sampai di sana, saya solat seperti biasa. Selepas solat, saya pergi ke Raudhah, kawasan antara mimbar dan makam Nabi. Kebetulan kawasan di situ agak lengang. Niat di hati mahu berzikir sementara menunggu masuknya waktu Maghrib.

Saya pun duduk bersila. Tangan kanan memegang tasbih. Baru saja saya buka mulut mahu berzikir, tiba-tiba...

Dushh! Dushhh!

Bertubi-tubi

t u m b u k a n  
melayang ke  
wajah saya.  
Tak sempat  
saya nak



**"Saya hanya mampu menghalang wajah semasa ditumbuk bertubi-tubi."**

**- Ustaz Shahrin.**

angkat muka, pukulan itu tidak henti-henti menyerang saya. Dari kiri, kanan, depan dan belakang.

Bukan hanya wajah saya ditumbuk bertalu-talu, malah terasa tubuh badan saya turut disepak, diterajang! Tak ubah bagaikan ada berpuluh orang yang sedang memukul saya serentak.

Saya hanya mampu menghadang muka dengan kedua-dua belah tangan sambil menahan kesakitan. Sakitnya bukan kepalang, tak ubah seperti sedang dibelasah puluhan lelaki serentak. Bagaikan ditumbuk dan diterajang beribu-ribu kali. Lebih kurang satu minit begitu, tiba-tiba segala pukulan itu berhenti.

Saya angkat muka, pandang di sekeliling saya. Kosong! Tiada sesiapa yang lalu di sebelah saya. Saya memang perasan semasa dipukul tadi, tiada kelibat sesiapa. Aneh, pukulan bertubi-tubi itu datang bagaikan angin lalu. Tasbih di tangan terjatuh, tubuh saya juga seakan bergoncang menahan pukulan tadi.

Saya lihat sekeliling dan tiada siapa perasan apa yang saya alami. Seluruh wajah dan badan saya terasa amat sakit, tak ubah bagai baru lepas kena belasah. Saya bangun, terhuyung-hayang badan saya hendak berjalan kerana menahan kesakitan.

Saya terus berjalan keluar dari Masjid Nabawi. Saya batalkan niat untuk berzikir. Saya mahu pulang ke bilik hotel. Semasa berjalan, terasa ada cecair hangat mengalir di dahi. Saya seka. Darah!

Sampai di bilik penginapan, saya lihat cermin. Anehnya, tiada sebarang kesan lebam pada wajah atau seluruh badan. Malah, tiada tanda luka pada kepala saya. Jadi, dari mana darah tadi mengalir? Seluruh badan saya pula sakit-sakit, tak ubah seperti baru lepas bertumbuk.

Saya menangis seorang diri. Terasa apa yang saya lalui tadi salah satu balasan Tuhan. Agaknya, beginilah yang dirasai oleh orang yang pernah saya belasah dulu.

Saya teringat, sepanjang berkhidmat sebagai pegawai polis, agaknya sudah beribu orang yang kena pelempang, penumbuk atau sepak terajang saya.

Maklumlah, kadangkala bengang dengan pesalah atau dalam usaha menangkap penjenayah, memang kaki dan tangan saya pun turut sama 'mengerjakan' mereka. Setakat pukul orang sampai berdarah, itu perkara biasa!

Saya yakin apa yang berlaku ada kaitan dengan apa yang saya lakukan dalam tugas. Mungkin, sebab saya suka memukul suspek atau penjenayah menyebabkan saya kini dibalas dengan pukulan ghaib di Tanah Suci.

Saya ceritakan kejadian itu pada isteri. Dia juga sependapat dengan saya. Kerana sakit seluruh tubuh badan akibat dipukul, malam itu saya hanya solat di dalam bilik sahaja.

Keesokan paginya, saya pergi semula ke Masjid Nabawi. Saya bersolat seperti biasa. Selesai solat,

saya berhasrat mahu mengaji.

Saya buka helaian al-Quran. Bismillahirrahmanirrahim...

Dushh! Dushh!

Belum sempat saya mula membaca surah, saya ditumbuk lagi bertubi-tubi. Sama seperti semalam, seluruh tubuh saya 'dibelasah'. Saya hanya mampu menutup muka dengan kedua-dua tangan sambil membongkok menahan segala pukulan itu. Selepas seminit, pukulan itu hilang.

Orang di sekeliling langsung tidak perasan apa yang saya alami. Hanya saya seorang yang merasakannya. Saya menangis lagi. Saya sangka balasan semalam sudah berakhir. Rupanya tidak.

Begitulah seterusnya yang saya lalui sepanjang berada di Madinah. Setiap kali saya mahu melakukan amalan sunat, belum sempat memulakannya, saya akan dibelasah. Saya terima balasan dalam dua cara. Pertama, dibelasah bertubi-tubi oleh 'orang ghaib'. Kedua, pasti ada orang yang akan melanggar tubuh saya.

Pernah semasa mahu mula berzikir, muncul seorang lelaki Arab lalu terus menyepak saya hingga terpelanting tasbih saya. Dia terus berlalu tanpa menoleh, jauh sekali meminta maaf.

Kelakuan itu amat berbeza kerana selalunya orang Arab jika terlanggar kita, mereka akan terus memeluk sambil meminta maaf. Namun berlainan dengan apa yang saya alami.

Sepanjang berada di Masjid

Nabawi, hanya semasa sedang solat sahaja saya tidak diganggu. Selebihnya, jika mahu melakukan amalan sunat seperti mengaji atau berzikir, memang takkan dapat. Tiap kali itu juga saya akan terus dipukul, diterajang dan dilanggar. Yang peliknya, apabila berada di luar kawasan Masjid Nabawi, tidak pula berlaku kejadian itu.

Selama lapan hari berada di Madinah, saya tidak dapat melakukan amalan sunat di Masjid Nabawi. Hanya sekadar dapat bersolat sahaja. Sepanjang lapan hari itu juga saya tidak terlepas dari pukulan ghaib dan sepak terajang sepanjang berada di Masjid Nabawi.

Pada awalnya, saya menangis memohon pada Allah agar diampunkan dosa dan dihentikan pukulan-pukulan itu. Namun, akhirnya saya redha. Bagi saya, jika ini balasannya kerana perbuatan saya yang suka memukul orang, biarlah Allah bayar di atas muka bumi ini daripada di akhirat kelak. Walaupun badan terasa sakit hingga ada kalanya sukar hendak bergerak, saya pasrah dan terima ia sebagai bayaran *cash* dari Allah.

Dalam menanggung dugaan itu, ada juga peristiwa yang menggembirakan saya. Antaranya pada hari ketujuh, saya dapat khabar gembira bila isteri disahkan hamil anak kelima. Selain itu, saya juga berpeluang dibenarkan oleh pengawal keselamatan untuk melihat dari dekat makam Rasulullah.

## Empat jam 'dibakar' di Arafah

**H**ARI kesembilan, kami bertolak pula ke Mekah. Ketika ini saya tak putus-putus berdoa agar Allah ampunkan dosa saya supaya saya boleh menjalani ibadah haji tanpa halangan.

Alhamdulillah, sepanjang berada di Mekah menunaikan ibadah, tiada masalah yang saya hadapi. Semuanya dapat dilakukan dengan sempurna tanpa sebarang halangan. Kerana itu, saya sangka balasan saya sudah habis. Rupanya tidak!

Selepas 27 hari berada di Mekah, kami kemudian bertolak dengan bas menuju ke Arafah untuk wukuf. Ketika itu merupakan tahun pertama Malaysia memperkenalkan pemakaian gelang besi sebagai tanda pengenalan diri. Sebelum bertolak, saya ketatkan gelang itu dengan playar kerana takut terlucut semasa mengerjakan wukuf.

Sampai waktu wukuf, saya bersama jemaah lain duduk di bawah khemah yang disediakan. Kipas turut dipasang dalam khemah itu. Selepas menunaikan fardu Zuhur, semua orang mula berzikir sementara menunggu masuk waktu Asar.

Saya duduk bersila, mula berzikir. Tapi, tak sampai lima minit berzikir, saya mula rasa panas. Bahang panas itu makin lama makin meningkat. Yang hairannya, saya lihat orang lain macam biasa saja. Seperti tiada apa yang berlaku.

Saya pula tidak senang duduk.



Kepanasan yang saya rasa semakin membara. Semakin lama semakin panas.

Panas! Panas! Tolong ya Allah... Panasnya!

Saya menjerit dalam hati. Sungguh, ketika itu saya rasa tak ubah bagai sedang dibakar api. Terlalu panas. Pergelangan tangan saya terasa mahu putus kerana gelang besi yang melekap pada kulit tak ubah bagaikan besi panas yang boleh mencairkan kulit hingga ke tulang.

Saya berpeluk tubuh, menangis. Orang lain menangis kerana terasa syahdu, insaf dan tanda penyesalan, tetapi saya pula sebenarnya menangis kerana sedang menanggung kesakitan akibat 'dibakar'.

Zikir, doa semua hilang. Yang ada dalam fikiran saya hanyalah meminta ampun daripada Allah. Sakitnya tidak terperi. Tak ubah bagaikan saya sedang duduk dalam kawah berapi.

Hampir empat jam saya 'dibakar'. Bermula selepas waktu Zuhur hinggalah masuk waktu Asar. Saya hanya mampu menangis tanpa dapat melakukan amalan sunat.

Kemudian, terdengar laungan azan menandakan sudah masuk waktu Asar. Sebaik saja azan selesai, tiba-tiba saya terdengar satu suara lelaki berkata: "Pada hari ini Allah buka pintu syurga dan angin syurga pun keluar. Dan sesiapa yang berada di Arafah akan merasai angin syurga ini. Dan pada hari ini Allah ampunkan

segala dosa manusia!"

Sebaik selesai suara itu berkata-kata, tiba-tiba saya terasa ada angin sejuk yang bertiup ke arah saya. Angin itu menghilangkan api kepanasan yang saya rasai. Malah, semakin lama angin itu semakin sejuk hingga akhirnya saya menggigil kesejukan bagaikan berada di kawasan salji, padahal ketika itu musim panas.

Menggigil saya berjalan ke arah tempat mengambil wuduk. Hanya saya seorang yang rasa begitu. Jemaah lain seperti biasa saja. Selepas mengambil wuduk, barulah saya dapat rasakan suhu sekeliling seperti biasa. Waktu itu saya



**"Pisau itu menoreh kepala saya dari atas hingga ke bawah."  
- Ustaz Shahrin.**

bersyukur sangat. Tak sanggup rasanya dibakar hidup-hidup lagi.

### Ditoreh pisau cukur

SAYA sangka balasan dibakar itu adalah paling maksimum dan yang penghabisan. Tidak juga!

Malam itu saya berlepas ke Mina untuk melontar, melakukan tahlul pertama. Selesai melakukan tahlul, saya pun pergi bercukur kepala.

Semasa tukang cukur sedang asyik melorek pisaunya pada kepala saya, tiba-tiba datang seorang polis lalu merentap tangan si pencukur itu.

Zappp!

Pisau kecil bermata tajam itu menoreh kepala saya sebelah kiri, dari atas hingga ke bawah. Ini kerana rentapan polis itu benar-benar sewaktu si pencukur sedang menekan mata pisaunya pada kulit kepala saya.

Apa lagi, terus meleleh darah membasahi muka saya. Mujurlah hanya luka kecil walaupun kesan lorekan pisau itu jelas kelihatan. Polis dan si pencukur itu berulang kali memohon maaf pada saya. Polis itu datang menangkap pencukur itu kerana berniaga tanpa lesen.

Saya hanya tersenyum. Dalam hati saya berkata: "Rupanya ada lagi!"

Sungguh, insiden bercukur itu saya sangka yang penghabisan. Tidak juga. Masih ada yang 'menanti'!

Selesai bertahlul, saya kembali semula ke Mekah. Saya pun mem-

*Tanpa mengucapkan maaf, lelaki itu terus berlalu selepas memberi 'hadiah' terakhir untuk saya. Sekelip mata saja dia hilang dari pandangan. Batal solat saya. Cepat-cepat saya beristighfar. Rupanya, ada lagi last payment dari Allah*

buat persiapan untuk pulang dan melakukan tawaf widak atau tawaf selamat tinggal.

Sebelum melakukan tawaf, terlebih dahulu saya buat solat sunat musafir. Semasa sedang sujud yang terakhir, tiba-tiba... burrr! Bersembur air dari mulut dan hidung saya. Terasa bagai mahu patah hidung dan gigi saya apabila terkena penyepak seorang lelaki Arab bertubuh besar. Hampir saya tersembam dibuatnya.

Tanpa mengucapkan maaf, lelaki itu terus berlalu selepas memberi 'hadiah' terakhir untuk saya. Sekelip mata saja dia hilang dari pandangan. Batal solat saya. Cepat-cepat saya beristighfar. Rupanya, ada lagi *last payment* dari Allah.

Saya ambil semula wuduk dan solat semula. Alhamdulillah, saya selesai mengerjakan rukun yang terakhir dan akhirnya selamat pulang semula ke tanah air.

SEMUA kisah yang saya lalui di atas tidak pernah saya ceritakan pada sesiapa kecuali isteri saya. Walaupun banyak pengalaman pahit sewaktu kali pertama berkunjung ke rumah Allah, namun saya tidak serik. Malah, saya memasang niat akan kembali semula ke sana suatu hari nanti.

Selepas pulang dari Mekah, ramai juga teman-teman seragam yang bertanya tentang pengalaman saya, namun saya katakan tiada apa yang berlaku. Ketika itu seorang demi seorang yang pernah pergi ke Tanah Suci menceritakan pengalaman mereka di sana.

Seorang kawan wanita bercerita semasa dia pergi ke Mekah, dia langsung tidak boleh melihat Kaabah. Yang peliknya, dia seorang saja yang tidak nampak. Selepas mutawif menasihatkannya buat solat taubat, akhirnya dia nampak Kaabah.

Saya teringat juga kisah seorang pesara polis yang mengerjakan haji bersama saya ketika itu. Dia memang sering pergi ke Mekah sama ada menunaikan umrah atau haji.

Namun, setiap kali dia masuk ke kawasan Mekah, kakinya tiba-tiba jadi lembik, langsung tak boleh berjalan. Jika keluar dari kawasan Mekah, elok semula kakinya. Terpaksalah dia mengupah orang untuk mengusungnya bagi menjalankan ibadah semasa di Mekah.

Katanya, puas dia berdoa memohon pada Allah agar diampunkan dosanya namun mungkin belum


dimakbulkan kerana keadaannya masih tetap begitu setiap kali ke Mekah.

Ada pula seorang rakan setugas saya yang berpesan agar saya berhati-hati jika ke Mekah kerana katanya di sana 'kotor'.

"Kat Mekah tu penuh dengan najis. Kat mana-mana atas lantai penuh tahi termasuklah di sekitar Kaabah. Orang Arab memang pengotor. Berak merata-rata," cerita teman saya itu yang terlebih dahulu ke Tanah Suci sebelum saya.

Saya pelik dengan dakwaannya itu. Mana mungkin Tanah Suci sekotor itu? Bila saya pergi, bersih saja di sana. Malah, kalau ada sedikit air yang tumpah, cepat saja petugas datang membersihkannya.

Rupanya barulah saya faham. Mungkin najis yang dilihat teman saya tadi adalah najisnya sendiri. 'Najis' yang mungkin dilakukannya semasa bertugas sebagai polis dulu.

Akhirnya, dia tidak dapat melakukan ibadah di sana kerana asyik mengelak daripada terpijak najis sedangkan hanya dia seorang yang nampak najis bertaburan merata-rata tempat. 

**Nota:** Setahun selepas pulang dari Mekah, Ustaz Shahrin, 50, mengambil keputusan meletakkan jawatan daripada bidang kepolisian. Beliau kemudian menyambung pelajaran dalam bidang perubatan alternatif Islam di Colombo dan kini mengusahakan pusat rawatannya sendiri di Kota Bharu, Kelantan.



# Munif Hijjaz

## Simbol Tanpa Keraguan

**S**EBUT sahaja Munif Ahmad, barangkali orang ramai tidak mengenali siapa gerangan empunya nama. Namun apabila sebut sahaja Munif Hijjaz, tidak keterlaluan jika dikatakan satu Nusantara pasti mengenalinya. Dari seluruh pelosok negara hingga ke Brunei, Indonesia dan Singapura.

Bertapak dan berkecimpung dalam arena hiburan nasyid hampir 15 tahun lamanya. Dengan 14 album tidak termasuk koleksi album zikir dan selawat, Munif Hijjaz adalah peneraju utama kumpulan nasyid Hijjaz bersama-sama dengan ahli lain iaitu Isman, Faizal dan Ariffin.

Selain itu, Hijjaz juga memiliki

syarikat-syarikat yang memfokuskan dalam bidang yang berlainan seperti Hijjaz Records Sdn. Bhd., Hijjaz Records Publishing, Teratak Hijjaz dan lain-lain lagi.

Selain itu, Munif Hijjaz juga telah menubuhkan syarikat peribadinya sendiri iaitu Munif Hijjaz Sdn. Bhd. berganding dengan seorang usahawan juga bekas jurutera berjaya, Encik Abdul Malek Manap.

Syarikat Munif Hijjaz Sdn. Bhd. yang memfokuskan tentang penghasilan dan penjualan produk-produk halal yang berlandaskan syariah ini telah genap menyambut ulang tahunnya yang pertama pada 26 Disember 2010 yang lalu.

Buat permulaan, Munif Hijjaz Sdn. Bhd. memfokuskan produk pertamanya iaitu berasaskan haruman pati asli dari bunga-bunga yang bebas alkohol serta suci dan halal di bawah jenama Munif Hijjaz Perfumes.

Munif Hijjaz Perfumes adalah rangkaian wangian untuk lelaki dan wanita di dalam konsep botol tunggal Set 1 dalam 1 (8 ml). Sebanyak 18 wangian Set 1 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes telah dilancarkan dan terbahagi kepada enam untuk lelaki dan 12 untuk wanita. Setiap satu Set 1 dalam 1 berharga RM22.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM25.00 bagi Sabah dan Sarawak.

Sambutan yang diterima bagi Set 1 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes ini adalah amat menggalakkan hingga menembusi pasaran sekitar Indonesia, Brunei dan Singapura.

Ini kerana permintaan terhadap produk-produk berlandaskan syariah ini adalah amat baik sekali. Dengan kepercayaan terhadap jenama Munif Hijjaz Perfumes yang tidak perlu diragui dari segi syariahnya, adalah menjadi pencetus mengapa produk wangian ini mendapat sambutan di negara tersebut.

Berkat kejayaan Set 1 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes, Munif Hijjaz Sdn. Bhd. telah melancarkan produk keduanya, juga berasaskan wangian iaitu Set 3 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes. Didatangkan di dalam set yang berisi wangian 4 ml setiap satu, botol yang unik dan

agak trendy serta pek bungkusan kotak yang menarik serta berwarna-warni, Set 3 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes telah mendapat sambutan yang hangat di kalangan semua peringkat golongan terutamanya golongan remaja dan para pelajar.

Berharga RM34.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM37.00 bagi Sabah dan Sarawak, Set 3 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes dijangka akan terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Set 3 dalam 1 Munif Hijjaz Perfumes ini adalah merupakan pilihan utama Munif Hijjaz.

Diinspirasikan daripada haruman antarabangsa seperti Hugo Boss, Dunhill dan lain-lain lagi. Dengan pilihan wangian yang terbaik, ramai di antara pengguna Wangian Munif Hijjaz kini beralih arah daripada pengguna kepada peniaga ataupun stokis.

Dengan modal minimum se-  
rendah RM250.00, RM500.00 hingga RM3,000.00, ramai di antara peniaga ataupun stokis telah berjaya dalam perniagaan mereka.

Dengan sokongan padu dari pihak Munif Hijjaz Sdn. Bhd. melalui program pengiklanan yang berterusan di TV, radio serta akhbar dan majalah, para peniaga dan stokis ini mudah untuk melakukan jualan dan seterusnya menghasilkan keuntungan yang lumayan. Maklumat lanjut boleh hubungi di talian infoline 012-343 9058 atau layari [www.munifhijjazperfumes.com](http://www.munifhijjazperfumes.com).

Munif Hijjaz... Simbol Tanpa Keraguan.



~~APRIL  
FOOL'S  
DAY~~

# Bahana *April Fool!*

“UDIN, bos nak jumpa sekarang!” Bergegas Udin masuk ke dalam bilik ketuanya. Seminit kemudian, dia keluar dengan muka merah padam.

Ha... ha... ha...! Teman-teman pejabatnya semua tertawa sambil berkata: “*April Fool!*”

Geram betul Udin. Tak pasal-pasal jadi bahan gurauan teman sepejabat. Malu benar dia dengan majikannya sebentar tadi. Udin jadi mangsa kerana tarikh hari itu ialah 1 April!

Bukan hanya Udin, ramai lagi di luar sana yang mengenakan orang atau ‘terkena’ apabila tiba tarikh 1 April.

Popular betul rupanya gurau senda *April Fool* ini. Asal tiba tarikh ini, mulalah dalam kepala

masing-masing pasang taktik nak mengenakan mangsa. Sudah tentu mangsa *April Fool!*

Begitulah tiap kali tarikh ‘keramat’ ini tiba. Orang kita jadi ‘sibuk’. Sibuk berfikir dan merangka strategi untuk mempermainkan orang lain.

Suka benar bila melihat mangsa yang terkena gurauan *April Fool*. Gelagat mangsa yang malu, muka merah padam, cemas atau takut apabila diusik bagai sesuatu yang menghiburkan dan harus ditertawakan.

Sungguh sedih bila melihat orang Islam sendiri turut ‘gembira’ mengamalkan sambutan *April Fool* ini.

*Mastika* cuba bertanya pada segelintir muda-mudi kita tentang budaya *April Fool*, jawapan mereka

mudah!

“Saja untuk suka-suka. Setakat kenakan orang untuk bergurau, takkan itu pun salah? Bukan lawak yang teruk pun, gurau biasa-biasa je untuk seronok!” beritahu seorang pemuda bernama Zack.

Zack memberitahu dia pernah mengenakan rakan baiknya mengatakan adiknya *accident* dan berada di hospital. Bila sampai di hospital rakannya meraung-raung. Selepas itu barulah dia memberitahu: *April Fool!*

Tak baik Zack kenakan rakan baik macam tu! Berdosa! Apa lagi hal ini melibatkan kemalangan dan perkara yang penting melibatkan keluarga.

Macam mana kalau ada orang kenakan Zack mengatakan ibunya meninggal dunia sedangkan itu cuma gurauan semata-mata?

Zack marah tak?

Zack hanya tersengih sambil memberitahu: “Agak-agaklah kalau nak buat kejutan *April Fool* jangan sampai melibatkan soal mati!”

Zack tahu tak apa makna di sebalik *April Fool* tu? Bagaimana sejarah kisah di sebalik permulaan *April Fool* tersebut?

“Entahlah kak. Tak tahu pula. Selalu dari zaman sekolah dulu member-member suka kenakan satu sama lain bila tiba *April Fool*. Tujuannya sekadar nak bergurau je!” beritahu Zack tersengih.

Memang itulah antara jawapan yang selalu *Mastika* terima bila tanya muda-mudi kita.

Tapi, jawapan macam ni lagi

*best*: “Sejarah? Tak ada masa la nak kena kaji pulak sejarah *April Fool* ni. Buang masa je!” beritahu seorang gadis bernama Wati.

Hmm... tak apalah Zack, Wati dan adik-adik sekalian. Apa kata luangkan sedikit masa baca info ini ya. Info tentang bagaimana sejarah *April Fool* bermula. Dapat juga menambah ilmu di dada.

Begini kisahnya...

### Tragedi berdarah orang Islam!

PADA abad ke-8 Masihi, Sepanyol berkembang menjadi sebuah negara Islam yang maju dan makmur apabila ditadbir oleh penguasa Islam.

Keadaan ini tidak disenangi oleh golongan kafir yang berjiran dengan Sepanyol. Mereka mahu lihat Islam hancur tetapi kebanyakan usaha mereka untuk menaklukkannya gagal.

Akhirnya pihak kafir menemui jalan untuk menghancurkan penduduk Islam di Sepanyol. Caranya mudah.

Dengan melemahkan iman mereka melalui serangan pemikiran dan budaya untuk memecahkan perpaduan umat Islam. Strategi ini berjaya dan akhirnya sedikit demi sedikit Sepanyol jatuh ke tangan tentera Salib.

Tentera Salib amat kejam. Masyarakat awam termasuk wanita dan kanak-kanak dibunuh tanpa perikemanusiaan. Satu demi satu daerah di Sepanyol berjaya ditakluki sehinggalah tentera ini tiba di

wilayah terakhir iaitu Granada.

Penduduk Islam di wilayah ini terpaksa bersembunyi di dalam rumah untuk menyelamatkan diri. Lalu tentera Salib membuat satu taktik penipuan.

Mereka mengumumkan penduduk Granada dibenarkan untuk keluar dari penempatan mereka dengan selamat dan dibenarkan menaiki kapal yang telah disediakan untuk keluar daripada Sepanyol.

Percaya dengan apa yang dijanjikan tentera Salib, maka ribuan penduduk Islam di wilayah itu keluar dari rumah lalu berkumpul di pelabuhan.

Tentera Salib yang bersembunyi lantas membakar keseluruhan penempatan di situ termasuk golongan Islam yang masih terus bersembunyi di dalam rumah.

Ribuan umat Islam yang sudah berkumpul di pelabuhan hanya tergamam tanpa dapat berbuat apa-apa bila melihat tentera Salib bukan saja membakar rumah-rumah mereka, malah turut membakar kapal yang dijanjikan untuk membawa mereka keluar dari wilayah itu.

Mereka semua terkepung. Lalu tentera Salib dengan kejam menyerang dan membunuh kesemua umat Islam di pelabuhan itu termasuklah wanita dan kanak-kanak tanpa belas kasihan.

Yang kedengaran hanyalah gema takbir diiringi jeritan dan tangisan. Tiada seorang pun penduduk Islam yang terselamat. Granada bermandi darah!

Mayat bergelimpangan, laut yang biru bertukar menjadi merah. Dan tragedi berdarah ini berlaku pada 1 April tahun 1847 Masihi dan dikenali sebagai 'The April Fool Day' oleh golongan Kristian.

### Cerai talak tiga angkara April Fool!

ADIK-ADIK sekalian, jika orang kafir merayakan *April Fool* sebagai hari untuk mengenang kemenangan mereka membunuh dan 'memperbodohkan' orang Islam berdasarkan tragedi Granada di Sepanyol, apa pula motif kita sebagai orang Islam untuk turut sama 'berlawak' mengenakan orang lain pada 1 April?

"Alah kak, saja untuk bergurau senda je. Bukan ada apa-apa pun!" itulah jawapan paling mudah diberi seorang gadis bernama Emy.

Emy memberitahu dia sengaja mengenakan rakannya seperti meletakkan katak di dalam kasut, beri hadiah olok-olok atau ular tiruan sebagai cara hendak menyakat atau membuat kejutan.

"Kami nak bergurau, sengaja nak kenakan kawan-kawan sempena *April Fool*. Setakat ini apabila diberitahu itu cuma *April Fool* kawan-kawan yang terima katak atau ular tak marah!" kata gadis bernama Emy ini.

Pernahkah Emy dan kawan-kawan terfikir jika gurauan itu ada kalanya mungkin boleh mencetuskan pergaduhan atau penyesalan yang berpanjangan?

Gadis ini hanya menggeleng-



kan kepala! Hmm, adik-adik bayangkan, jika seorang suami yang jahil berkata kepada si isteri: "Aku ceraikan engkau dengan talak tiga!"

Bila si isteri terpinga-pinga dan mula meraung, si suami dengan selamba berkata: "April Fool!"

Tapi, si suami pula yang meraung bila dapat tahu lawaknya itu secara sah telah menjatuhkan talak ke atas isterinya. Tak ke haru dibuatnya.

"Kes sebegini memang pernah berlaku. Asalnya si suami nak melawak. Tapi, walaupun lafaz itu dilakukan secara tak sengaja atau tanpa niat, talak tetap jatuh! Begitu juga jika si suami melawak contohnya: Abang ceraikan sayang dengan talak seribu.

"Jika diikutkan talak seribu memang tak ada. Tapi tetap jatuh talak. Cuma, talak berapa, itu akan diputuskan oleh mahkamah semasa perbicaraan.

"Boleh jadi jatuh talak tiga sekali gus kerana lafaznya merujuk kepada jumlah talak yang 'tertinggi,'" ujar Ustazah Jamilah Muhammad Jamil, Penolong Pengarah Bahagian Perundangan Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Ustazah Jamilah turut mengingatkan muda-mudi kita supaya tidak mengikut budaya *April Fool* sebab amalan sebegini tidak sesuai dengan budaya orang Islam.

"Islam melarang kita sengaja



**Ustazah Jamilah  
Muhammad Jamil**


mempersendakan atau mempermainkan orang lain biarpun tujuan asal kita sengaja hendak melawak atau main-main.

"Sudahlah melawak kerana *April Fool*, buat lawak pula yang membabitkan soal hukum agama. Akhirnya merana diri bila bahan lawak benar-benar terjadi!" katanya mengingatkan.

Ustazah Jamilah berkata, tidak salah untuk mengusik orang seka-dar gurauan, namun jangan jadikan ia sebagai gurauan hanya semata-mata kerana 1 April sudah tiba, apatah lagi apabila gurauan itu memalukan mangsa atau mendatangkan kesusahan padanya.

Seperti sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan Abu Dawud: "Neraka wail bagi sesiapa yang apabila bercakap lalu berbohong dengan tujuan untuk mentertawakan pihak-pihak tertentu. Neraka waillah bagi orang itu!"

Oleh itu adik-adik sekalian, lupakanlah jenaka yang ingin dirancang sempena menyambut ketibaan 1 April ini. Dengarlah nasihat Ustazah Jamilah tu, tak elok sengaja mempermainkan atau memperbodohkan sesama orang Islam.

Sudah-sudahlah tu! Nak berlawak pun biarlah bertempat dan berhemah, bukan membabi buta hanya menurut budaya Barat semata-mata! – Desi Ernita. 



Lelaki kaya

SEORANG lelaki kaya memberhentikan kereta mewahnya di hadapan pejabatnya. Ketika dia membuka pintu kereta dan mahu keluar, tiba-tiba sebuah lori meluru laju di tepi keretanya hingga melanggarnya menyebabkan pintu keretanya tercabut.

Orang ramai yang datang berkerumun hairan bila melihat lelaki itu menangis kerana meratapi keretanya yang sudah kemik.


Orang ramai di situ menggeleng-gelengkan kepala sambil berkata: "Engkau memang seorang yang mata duitan, cuma tahu harta benda sahaja!"



"Kenapa pula kamu semua berkata demikian?" tanya lelaki kaya itu kehairanan.


"Yalah, engkau menangis sakan sebab kereta kau kemik, tidakkah engkau tahu yang lengan kiri kau sudah terputus diseret lori tadi?" jawab orang ramai di situ.

Mendengar jawapan itu, lelaki kaya itu menjerit dan meraung lebih kuat: "Alamak... habislah jam tangan Rolex aku!"



Duit 50 sen

SUATU hari, Pak Pandir pergi ke masjid untuk bersolat jemaah. Kebetulan dia membawa wang 50 sen dalam kocek bajunya. Pak Pandir bercadang, pulang



Uploader: LeeSha / Url: http://torrent.jiwanng.cc

dari masjid nanti dia mahu belikan gula-gula untuk anaknya.

Ketika sedang rukuk, tiba-tiba wang 50 sen Pak Pandir terjatuh dan tergolek di hadapan saf jemaah lain.

Mulanya Pak Pandir diamkan saja, tapi bila memikirkan takut ada orang lain akan mengambil wangnya itu, Pak Pandir pun bersuara perlahan-lahan.

- Pak Pandir** : "Tolong jangan ambil duit aku tu ye!"  
**Jemaah 1** : "Eleh! Tak hairan setakat 50 sen tu!"  
**Jemaah 2** : "Wei, orang sembahyang mana boleh cakap!"  
**Pak Pandir** : "Habis... yang kau bercakap tu!"  
**Jemaah 3** : "Nasib baik aku tak bercakap!"

## Disko

**JULIA** mengadu masalahnya pada teman baiknya, Zita, tentang suaminya yang kaki berdisko.

- Julia** : Aku terpaksa minta cerai dari suami aku.  
**Zita** : Eh! Kenapa pula?  
**Julia** : Aku tak tahan lagi. Tiap malam kerjanya asyik keluar masuk disko je.  
**Zita** : Oh! Kaki diskolah laki kau tu ya. Hmm... memang patut kau minta cerai!  
**Julia** : Yalah! Aku tak tahan tiap malam dia ulang alik ke disko nak cari aku!!





# Ilusi bunuh diri di bilik berpuaka!

**C**UTI musim panas tahun 1929 mengajar Leslie Grant supaya menjadi lebih peka dan prihatin terhadap isterinya, Joan Grant yang mengalami ilusi psikik yang luar biasa.

Kisahanya bermula apabila pasangan suami isteri ini bercadang untuk bercuti di Belgium, lalu mereka menginap di sebuah hotel di tengah bandar Brussels.

Hotel tiga bintang itu menawarkan penginapan tambahan percuma selama semalaman buat pelanggan yang telah menginap bagi tempoh dua malam berturut-turut.

Tawaran menarik ini mendorong Leslie berminat untuk mengambil pakej tersebut, tambahan pula sewa hotel yang begitu murah berbanding hotel-hotel lain yang berada di sekitar bandar Brussels.

Sebaik sahaja mendaftar masuk ke dalam hotel, isterinya mengomel kerana kelengkapan di hotel tersebut membuatkan dirinya tidak begitu selesa dan rimas.

Joan rasa tidak senang dengan persekitaran dalam bilik tersebut yang berkuap sehingga menyuarakan hasrat untuk keluar menginap di bilik lain.

Bagaimanapun, Leslie tidak mengendahkan keluhan dan ketakutan yang dialami isterinya itu dan menganggapnya sebagai karut.

Selepas itu Leslie berlalu keluar menuju ke kedai runcit berhampiran untuk mendapatkan sedikit barangan keperluan dan makanan.

Joan yang tinggal sendirian cuba menyurutkan perasaan takutnya dengan berendam air panas dalam tab mandi. Namun begitu, wanita ini masih merasa tidak sedap hati dan berdebar-debar, seolah-olah ada sesuatu akan berlaku.

Joan mandi tergesa-gesa. Selesai mandi Joan berbaring atas katilnya. Beberapa ketika kemudian, tiba-tiba dia mengalami kejadian yang sangat aneh. Sesuatu yang tak terduga berlaku pada pandangan ilusi matanya sendiri!

Joan berasa sangat pening, ruang biliknya yang tadi luas tiba-tiba menjadi semakin sempit. Dia melihat seorang lelaki berbadan kurus, berpakaian kemeja lusuh meluru keluar dari bilik air dan terus terjun dari tingkap.

Joan tersentak lalu menjerit ketakutan! Dia menunggu hingga bunyi jatuh berdebuk jasad lelaki tersebut, malangnya tiada satu pun bunyi jasad ataupun objek yang jatuh kedengaran.

Tidak semena-mena, ilusi itu ber-

laku sekali lagi pada pandangan matanya. Kejadian ilusi itu berlaku berkali-kali hingga membuatkan wanita ini tidak tentu arah.

Joan cuba keluar, malangnya ilusinya itu telah mengaburi matanya mencari pintu keluar. Joan begitu tertekan, dia mahu keluar daripada ilusi tersebut.

Akibat terlalu takut, Joan hampir mengikut kata hatinya untuk terjun dari tingkap seperti dilakukan jasad lelaki tadi tatkala wanita itu terdesak mencari jalan keluar.


Tapi, belum sempat Joan hendak terjun dari tingkap, tiba-tiba suaminya muncul dari belakang menahannya. Leslie terus membawa isterinya itu keluar dari bilik puaka tersebut.

Rupa-rupanya, lima hari sebelum Joan dan Leslie menginap telah berlaku kejadian bunuh diri di bilik sama yang didiami pasangan berkenaan.

Wajah lelaki berpakaian kemeja lusuh yang dilihat melalui ilusi Joan itulah mangsa yang membunuh diri akibat tekanan jiwa semasa berada di hotel berkenaan. **m**



# Rod besi terpacak di kepala



**P**ADA 11 September 1847, Phineas P. Gage, seorang fomen rel kereta api sedang menggunakan batang besi padu sepanjang tiga kaki tujuh inci untuk memampatkan peledak.

Tujuannya ialah untuk meletupkan rel, namun malang tak berbau peledak tadi meletup dan melantun terus menghentam kepalanya.

Batang rod seberat hampir lima kilogram dan berdiameter dua inci terus menusuk melalui otak dan menembusi pipi rahang kiri lelaki yang berumur 25 tahun itu.

Gage terus pitam selama beberapa jam sehinggalah dia tersedar di hospital dan bertanya tentang kerja yang belum disudahinya itu dan pitam semula.

Selepas beberapa hari, Gage tersedar dan meludah keluar bebe-




**Phineas P. Gage**

rapa keping tulang dan cebisan otak yang sudah hancur. Kepingan tulang yang hancur itu turut keluar bersama butiran halus seperti pasir dan lendir.

Pakar bedah berjaya mengeluarkan rod besi yang terpacak dalam kepala Gage. Menariknya lelaki ini berada dalam kesihatan yang normal sehinggalah

keajaibannya menjadi catatan dalam jurnal Sains Perubatan Amerika dan Jurnal Perubatan British.

Walaupun begitu, Gage kehilangan pandangan mata kirinya serta kewarasan akalnya. Ya, kesan daripada kemalangan dia menjadi tidak siuman namun yang menjadi misteri bagaimana Gage boleh terselamat daripada kemalangan yang sebegitu teruk tanpa nyawanya melayang? **m**



# Payu dara 'digiling' elak dirogol!

## KISAH 1

**D**EIONDRE terbaring di atas lantai di dapur rumahnya. Nafasnya turun naik. Tangannya menggeletar menahan rasa takut melihat ibunya sedang memanaskan batu giling di atas tungku dapur.

Setelah 15 minit, batu itu pijar. Beralaskan sedikit kain, ibunya memegang hujung kedua-dua batu itu lalu dibawa menghampiri Deiondre. Tanpa belas kasihan, si ibu terus menekapkan batu panas itu pada buah dada anak gadisnya yang telanjang bulat.

Deiondre meronta-ronta, melolong, kesakitan. Panas, pedih,

ngilu! Bagaikan mahu cair dadanya itu. Namun, jeritan dan tangisan gadis kecil berusia 10 tahun itu tidak dihiraukan.

Si ibu terus menenych batu panas itu pada kedua-dua buah dada anak gadisnya. Pekikan dan tangisan si gadis tidak dihiraukan. Batu panas itu dilekap, ditekan-tekan pada dada anaknya, tak ubah bagai menseterika baju. Setelah 15 minit berlalu, barulah si ibu menghentikan 'seksaan' itu.

## KISAH 2

**N**AKEISHA baru berusia sembilan tahun. Suatu hari ibunya memanggil si



- **Gambar kiri: Kayu sepanjang setengah meter ditekan untuk meratakan buah dada.**
- **Gambar tengah: Batu giling ditengah supaya payu dara 'mati'.**
- **Gambar kanan: Budak ini digiling dadanya oleh si ibu mengikut budaya Cameroon.**

anak kecil itu lalu menyuruhnya berbaring. Pakaian atas dadanya ditanggalkan. Si ibu kemudian menuang air panas ke dalam besen. Berkepul-kepul asapnya naik.

Lalu sehelai tuala kecil dicelup ke dalam air panas itu. Si ibu melilit tangannya dengan sehelai kain tebal agar mudah dia memegang tuala panas itu. Diambilnya tuala yang direndam tadi, dilurutnya agar berkurangan airnya.

Kemudian, tuala yang masih panas itu terus dilekapkan pada dada Nakeisha. Apa lagi, terjerit-jeritlah si gadis kecil itu. Menggelupur menahan kesakitan. Si ibu tidak peduli. Dia terus menekan tuala panas itu.

Selepas beberapa saat, si ibu berhenti menekan. Tuala itu dicelur

semula dan kemudian dilekapkan lagi pada dada Nakeisha. Selepas 15 minit, barulah ibunya berhenti.

Nakeisha menyangka 'deraan' itu sudah berakhir. Tapi, ibunya melilitkan sehelai kain panjang pada dada Nakeisha. Lilitan itu sangat kuat dan menyakitkan tubuh si kecil. Ia tidak boleh dibuka.

Lilitan itu hanya dibuka dua kali sehari, iaitu ketika sampai waktu untuk dada Nakeisha 'dirawat' dengan lekapan kain panas. Dan rutin ini berlarutan sehingga enam bulan lamanya.

### KISAH 3

**S**I IBU sedang asyik memanggang kayu pencanai di atas dapur gas. Setelah kayu sepanjang setengah meter itu





benar-benar panas, si ibu tadi terus menekankan kayu itu pada buah dada sebelah kanan Endam, anak perempuannya yang baru berusia 11 tahun.

Menjerit-jeritlah Endam meronta kesakitan. Sakitnya tidak terperi. Tapi Endam tahu, menangis air mata darah sekalipun dia tidak mampu menghentikan perbuatan si ibu yang asyik menggiling buah dadanya.

Setelah lima minit, si ibu berhenti lalu kembali ke dapur gasnya untuk memanaskan semula kayu tersebut. Setelah panas, dia kembali lagi menggiling buah dada sebelah kiri Endam pula.

Walaupun kulit sekitar dada anak gadisnya merah dan hampir melecur, namun sedikit pun tiada perasaan belas kasihan di hati si ibu.

ANDA sanggup baca tiga kisah di atas? Hish! Hish! Ngeri, bukan! Apa yang dialami gadis-gadis kecil tadi hanyalah sebahagian daripada cebisan kisah yang berlaku di wilayah Cameroon di Afrika.

Dera? Oh, tidak! Tidak!

Kanak-kanak perempuan tadi bukan didera. Tapi perbuatan itu hanyalah sekadar tradisi yang diamalkan turun-temurun di Cameroon. Tradisi ini juga popular disebut '*breast ironing*' atau men-seterika payu dara.

Fungsinya?

Mudah. Untuk 'menghancurkan' dan 'mematikan' buah dada anak

perempuan yang baru akil baligh.

Oh ya! Terlupa pula kami nak nyatakan bahawa tiga kisah di atas hanya sebahagian daripada teknik yang diguna pakai oleh masyarakat di Cameroon. Banyak juga teknik lain masih digunakan.


Contohnya, jika tidak mahu dibakar, batu giling tadi boleh juga 'direbus' terlebih dahulu. Bila batu itu sudah 'masak', barulah digilingkan pada buah dada anak perempuan mereka.


Kalau si ibu mahu cara yang kurang kejam, ada teknik lain. Kulit pisang dipanaskan atas bara api, kemudian dilekapkan pada buah dada si anak. Ada juga si ibu menggunakan beberapa jenis daun herba dibakar sehingga hampir rentung lalu dibalutkan pada dada gadis kecil itu.

Ada juga ibu-ibu menggunakan tempurung kelapa. Lagi mudah. Panaskan saja atas api dan kemudian tekankan saja tempurung yang berasap itu pada dada si anak perempuan.

Kaedah menggunakan senduk atau *spatula* turut digunakan. Caranya tetap sama. Panaskan dan kemudian lekapkan untuk 'melenyek' dada si gadis sunti tadi supaya rata.

Semua teknik ini, tujuannya hanya satu. Untuk menghancurkan sel dan tisu agar buah dada anak perempuan yang akil baligh tidak akan





**Buah dada kanak-kanak Cameroon ini dihancurkan bagi mengelakkan seks bebas. Hamil luar nikah memalukan keluarga.**

membesar seperti lazimnya.

Kenapa pula si ibu bertindak begitu?

Ini jawapannya. Bagi si ibu, tindakan begini bukanlah kejam, sebaliknya tanda sayang dan mahu melindungi anaknya daripada dijadikan 'habuan seks' lelaki ganas.

Soal diskriminasi, pemerdagangan manusia dan penindasan kaum wanita di Cameroon menyebabkan agak sukar mencari gadis berusia 13 tahun yang masih dara.

Ramai anak gadis di sana yang sudah akil baligh terdedah dengan seks bebas. Malah 30 peratus daripada gadis di Cameroon hamil tanpa berkahwin. Malah ramai yang mengandung pada usia semuda 12 tahun. Perkara sebeginilah yang menakutkan golongan ibu di sana. Hamil tanpa berkahwin adalah sesuatu yang memalukan bagi mereka.


Untuk itu, tradisi menseterika buah dada anak perempuan yang baru akil baligh dianggap sebagai satu kaedah yang paling efektif untuk mencegah anak gadis mereka terjebak hubungan seks sebelum

sampai waktunya.

Masyarakat di sana percaya puyu dara dianggap bahagian tubuh wanita yang paling berbahaya, boleh mengundang tarikan nafsu lelaki. Oleh itu, kaedah 'menghancurkan' buah dada anak perempuan yang baru akil baligh satu tindakan bijak yang boleh mengurangkan risiko si anak menjadi mangsa seks lelaki.

Selalunya, anak perempuan yang baru akil baligh akan menjalani kaedah ini dua kali sehari selama dua hingga enam bulan lamanya. Sehingga buah dada itu benar-benar 'mati' dan tidak membesar, barulah si ibu menghentikan amalan itu.

Melalui kaedah ini apabila anak perempuan itu dewasa kelak mereka dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa rogol, melakukan hubungan seks bebas dan mengandung anak luar nikah yang boleh memalukan keluarga.

Bagaimana dengan anak-anak gadis kita di sini? Apa langkah kita untuk mencegah mereka daripada terlibat seks bebas? 



# “Kita, wanita terbaik!”

Oleh: Chong Sheau Ching  
(Pengasas *Working@home Network*  
[www.eHomemakers.net](http://www.eHomemakers.net))

**S** EORANG wartawan singgah di kediaman saya untuk menemu ramah dan bertanyakan isu wanita yang berhenti kerja semata-mata menjaga anak-anak di rumah.

Wanita itu bertanya: “Jadi, apa yang suri rumah seperti puan buat sehari suntuk?”

Saya lontarkan jawapan dengan menerangkan bahawa ‘suri rumah’ bekerja seharian dengan mengemas, memasak dan menjaga keluarga. Golongan suri rumah begitu sibuk dan bekerja keras.

Terdapat juga sejumlah wanita menjana pendapatan untuk keluarga dengan bekerja dari rumah. Secara

tidak langsung, golongan seperti kami menyeimbangkan kehidupan bekerja dalam kehidupan sehari-hari.

Saya sangka wartawan ini memahami maksud saya. Dia bersungguh-sungguh hendak melihat aktiviti saya buat ketika berada di rumah. Sebaik sahaja melabuhkan punggung di sofa, wanita itu membisikkan sesuatu kepada saya.

“Puan tak rasa bosan ke tak buat apa-apa sepanjang hari?” katanya.

Kali ini saya ketawa berdekah-dekah, ketawa dengan penuh sinikal terhadap soalan yang sangat lucu! Sesungguhnya saya

telah dilontarkan soalan yang sama sejak 13 tahun yang lalu selepas mengambil keputusan untuk bekerja dari rumah sebaik sahaja melahirkan anak perempuan saya.

Ini keputusan yang waras buat seorang ibu moden. Langsung tidak menghakis sedikit pun nilai kewanitaannya dalam diri saya, malah menjadikan pengalaman saya lebih ranum dalam segala hal berkaitan kehidupan, termasuklah mengenal diri sendiri dengan perspektif yang berbeza-beza.

Ikatan kasih sayang antara saya dan anak begitu baik. Dia menjadikan saya sebagai idolannya. Nilai-nilai kekeluargaan dicerna dengan baik tanpa diperoleh daripada kelas formal di sekolahnya. Dia mempelajarinya daripada saya – ibu yang juga *teddy bear* teman tidurnya, badut sebagai penglipurlara dan juga teman rapat.

Jadual kerja yang fleksibel membolehkan saya muncul di saat-saat dia berada dalam kesulitan – dibuli dengan budak-budak lelaki yang nakal di sekolah; pelukan erat ketika dia sedang berduka; atau sebagai saksi terhadap pencapaiannya.

Para ibu daripada rangkaian *eHomemakers* sering mengeluh terhadap layanan prejudis orang luar terhadap kami. Mereka memandang kami sebelah mata, kononnya kami adalah wanita-wanita yang suka bersantai. Kami dilabel sebagai golongan yang 'gagal' dalam karier atau lebih mudah diberi istilah 'mengundur

ke belakang'.

Para ibu graduan dari universiti pula sering dipersoalkan dengan kata-kata pedas seperti: "Kenapa kalian mensia-siakan ilmu di dada semata-mata menjadi suri rumah sepenuh masa?" dan "Bukankah mencari duit itu lebih penting daripada menjaga keluarga sepanjang masa?"

Kami tersentak. Kenapa agaknya mereka ini mampu bertanyakan soalan-soalan seperti itu? Salahkah golongan wanita seperti kami memilih jalan hidup dan karier sendiri?

Satu perkara yang tertinggal, bukan semua wanita menjadikan 'rumah' sebagai prioriti mereka, bergelar isteri. Terdapat juga golongan lain bergelar ibu tunggal, janda dan gadis bujang yang mengambil keputusan berhenti kerja semata-mata menjaga ibu bapa yang sedang sakit dimamah usia atau adik-beradik yang sakit. Terma 'suri rumah', dengan nada perli atau menghina boleh melukakan perasaan. Sangat pedih!

Buat mereka yang sudah berumah tangga, suami dan emak mentua adalah golongan yang paling dekat untuk melukakan hati mereka terhadap aktiviti 'tidak buat apa-apa' di rumah, sungguhpun mereka ini tadi telah pun menjaga hal ehwal rumah tangga dan sedikit sebanyak membantu pengaliran masuk pendapatan isi rumah.

Baru-baru ini seorang *homemaker* menyatakan hasratnya untuk kembali bekerja sepenuh masa sambil

air matanya berlinangan. Emak mentua dan suaminya memandang enteng terhadap aktiviti suri rumah yang mereka sifatkan sebagai 'membuang masa' sungguhpun dia membantu hampir sebahagian pendapatan isi rumah melalui kerja-kerja perundingannya. Malah, dia memasak, mengemas rumah dan lelah mengasuh tiga orang anaknya.

Saya pernah menjadi panel di suatu forum berlangsung di universiti, seorang pelajar bertanya pada saya:


"Puan telah banyak menulis tentang isu kewanitaan dan perihal memperkasakan wanita dengan pemikiran positif, namun sekarang puan memilih untuk menjadi suri rumah? Kenapa puan mengalah dalam memperjuangkan hak puan sebagai wanita berkerjaya dan mengambil langkah ini dan tinggal di rumah?"

Saya tergelak.

"Maksud anda dengan menyokong hak kewanitaan perlu 'mencampak' anak-anak sendiri pada orang lain untuk diasuh?"

Memperkasakan wanita adalah dengan membantu wanita ini membina keyakinan diri dan memberi pilihan pada kami untuk memilih. Seandainya dia memilih untuk lebih masa bersama keluarga, itu adalah hak mutlak seorang wanita. Seorang pun tidak boleh mempersoalkannya!


Di sebuah majlis sosial yang saya hadiri, saya perasan apabila memberitahu bahawa saya seorang 'homemaker', secara perlahan-



Gambar hiasan.

lahan wanita-wanita berkerjaya profesional ini mengundur diri dan tidak mahu berbual lagi dengan saya. Sehinggalah saya diwartakan pernah bertugas bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh hos majlis, barulah mereka ini akan beri perhatian pada saya!

'Homemaker' bukanlah kerjaya mulia di mata mereka. Walau bagaimanapun, saya percaya kelak 'homemaker' bakal membantu sektor domestik ekonomi Malaysia dan kami adalah orang yang paling gembira akan perkhabaran ini.

Buat masa ini, 'homemaker' jangan sekali-kali berpatah arang mengasuh anak-anak dan keluarga, tidak kiralah apa pun pandangan orang lain. Sungguhpun kita bujang dan tidak ada orang peduli terhadap sambutan hari-hari istimewa seperti Hari Ibu, kita mesti menyambut hari-hari istimewa ini dengan berkata sendiri: "Saya adalah yang terbaik!" 



**C**incin emas takkan tampan  
Cbermata kaca.

Gadis yang cantik dan har-  
tawan takkan sejodoh dengan  
orang miskin dan hodoh.

**B**erteras ke hujung  
Bdahan.

Suami yang tunduk  
di bawah arahan iste-  
rinya.

### Ibu

**K**alau ibu kaya, anak jadi puteri,  
Kalau anak kaya, ibu jadi bu-  
dak.

Beza antara kesayangan se-  
orang ibu dengan kesayangan  
seorang anak.

### Rumah tangga

**A**ir sama air, sampah ke tepi  
Ajuga.

Jangan masuk campur perse-  
lisihan orang bersaudara, apabila  
mereka berbaik semula, kita akan  
tersisih ke tepi.

**J**angan terjamah benda bertuan,  
Alamat nyawa akan melayang.

Orang yang mengganggu ru-  
mah tangga orang lain tidak dapat  
tidak akan menerima akibatnya.

**B**ersalai tidak berapi.

Perempuan yang belum  
bersuami tetapi sudah mengan-  
dung.

### Orang bijaksana


**B**urung gagak itu jika diman-  
dikan dengan air mawar seka-  
lipun, tiada akan menjadi putih  
bulunya.

Orang yang sudah biasa mem-  
buat jahat itu biar bagaimanapun  
dinasihati namun tabiatnya tidak  
dapat diubah.

**A**pakah gunanya kemenyan di-  
simpan sebesar tungku, kalau  
tidak dibakar.

Kepandaian hendaklah diajar-  
kan kepada orang lain, kerana  
kalau disimpan ia akan hilang be-  
gitu saja.

# Fenomena James Dean



**P**ADA awal 1950-an, ramai peminat John Wayne dan Marlon Brando terkejut apabila melihat aksi dua aktor pujaan mereka hanya memakai baju yang berleher bulat dan berbentuk huruf T dalam filem yang ditayangkan di panggung wayang. Itulah kali per-

tama fesyen seperti itu ditonton.

Pengaruh lakonan dua bintang filem Hollywood yang bertubuh sasa itu dilihat amat seksi serta mengujakan muda-mudi sehingga ramai yang terikut-ikut dengan fesyen berkenaan.

Lima tahun kemudian, aktor

James Dean, pelakon yang paling ranggi pada masa itu memakai baju-T yang dipadankan dengan kemeja serta leher terbuka dalam filem *Rebel Without Cause* terbitan tahun 1955.

Gaya kasual James Dean dalam filem berkenaan amat memukau penonton. Fesyen ala James Dean itu terus meletup.


Seluruh dunia terpengaruh dengan fesyen terbaru itu. Pada musim panas di Eropah fesyen baju-T ala James Dean terus menjadi pilihan ramai.

Sejak itulah baju-T merujuk kepada baju berleher bulat tanpa kolar menjadi satu industri paling menguntungkan di Amerika Syarikat.

Industri baju-T berkembang pesat hasil permintaan ramai sehingga ke seluruh Eropah. Fesyen itu seterusnya merebak ke seluruh pelosok dunia, dari Asia Timur dan Asia Barat sehingga ke Afrika.

Fesyen baju-T seterusnya menjadi lebih canggih apabila kumpulan hipi pada tahun-tahun 1960-an mencelup baju-T dengan teknik ikat. Apabila proses saring sutera menjadi lebih canggih, baju yang dicetak juga semakin laku. Pelbagai fesyen dikeluarkan tetapi industri baju-T tetap menguntungkan.

Di Amerika Syarikat sahaja mi-




**Marlon Brando.**

salnya, industri baju-T bercetak mencatat jualan lebih daripada satu bilion dolar setahun.

Sebenarnya, baju-T mula diperkenalkan sejak Perang Dunia Pertama lagi. Askar-askar Amerika di Eropah dibenarkan memakai baju berleher bulat dan nipis bagi menghadapi cuaca musim panas.

Sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua, baju-T menjadi suatu kebiasaan dipakai oleh askar-askar Amerika di medan perang.

Idea memakai baju-T hanya merebak ke seluruh dunia melalui filem hasil fenomena James Dean. Lagipun, baju-T diterima ramai kerana inilah antara ciptaan paling ringkas pada zaman moden. 

## Mastika

- Unta mempunyai tiga kelopak mata, manakala merebus telur burung unta sehingga masak mengambil masa 40 minit.
- Hampir semua lipstik mengandungi sisik ikan.





## Siapa kata orang gemuk **tidak cantik?**

**J**URUJUAL itu langsung tidak senyum kepada Ayu, malah hanya menjeling sahaja sambil memberitahu: “Maaf, tak ada saiz.”

Ayu, 32, merasa dirinya terhina seolah-olah manusia bertubuh besar sepertinya tidak mendapat tempat dalam masyarakat.

Ketika memandu pulang ke rumah dari kedai pakaian tadi, Ayu menangis sendirian di dalam kereta. Hatinya begitu terharu sekali mengenangkan layanan jurujual tadi.

Memang itu bukan kali pertama dia berhadapan dengan situasi itu, tetapi sebagai seorang insan dia punyai hati dan perasaan. Meskipun tubuhnya besar tetapi hatinya kecil juga apabila ‘terusik’.

Ayu akur dengan ketentuan takdir, dia pasrah dengan setiap penghinaan dan ejekan yang dilemparkan kepadanya. Ayu tidak minta dilahirkan dalam keadaan tubuh bersaiz XXXL.

Kalaulah Tuhan memberikannya pilihan sudah pasti dia akan memilih untuk memiliki batang

tubuh yang menarik dan ramping bagaikan seorang model.

Tapi Ayu juga tidak pernah kesal dilahirkan ke dunia dalam saiz begitu. Baginya tiap-tiap yang berlaku ada hikmahnya. Ciptaan Tuhan itu sudah cukup sempurna, menghinanya samalah seperti menghina hasil ciptaan Tuhan.

Bersyukur, itulah yang diungkapkan olehnya setiap kali dia sedih dengan sikap sesetengah orang yang seakan mendiskriminasikan dirinya.

Ya! Ayu bersyukur kerana dia cukup sifat, boleh berjalan dan bergerak secara normal.

Namun tubuh yang besar dan kelihatan gagah ini punyai hati yang lembut, hati seorang insan bernama wanita. Hatinya tetap sama dengan wanita-wanita lain yang bertubuh ramping dan cantik, lembut dan mudah tersentuh.

“Dulu masa kecil ketika saya sekolah rendah kawan-kawan gelar saya dengan bermacam-macam gelaran. Mereka panggil saya dengan panggilan badak air dan gajah.

“Saya memang tak puas hati dengan panggilan itu, kadangkadangkang saya rasa macam hendak menangis. Tapi itu cerita dulu!” luah Ayu mengimbas kenangan silam.

Ketika menuntut di sekolah menengah, Ayu terus menjadi ‘bahan’ ejekan oleh kawan-kawan sebayanya. Dia dipanggil dengan panggilan mak cik pula dan sering diketawakan dan ditempelak ‘makan banyak’ dan ‘kuat makan’

sebab itu badannya gemuk gedempol macam badak air.

Sakitnya hati Ayu hanya Tuhan sahaja yang tahu. Tiada siapa yang dapat memujuk dirinya melainkan dirinya sendiri. Meskipun telah berulang kali Ayu menepis ejekan dan usikan dari kawan-kawannya tapi penghinaan begitu tetap datang menghimpit dirinya.

Akibatnya Ayu hilang keyakinan diri, dia jadi malu untuk bergaul dengan rakan sebayanya, tambahan semua rakannya kurus dan memiliki bentuk badan yang menarik. Ayu teringin memiliki bentuk badan yang menjadi tarikan kaum lelaki.

“Tak ada siapa yang nak kat saya sebab saya gemuk, saya sedih. Kawan-kawan saya yang lain semuanya ada teman lelaki tapi saya tak ada. Saya pun ada hati juga, mengharapkan seorang *prince charming* dalam hidup saya. Tapi nak buat macam mana, saya rasa diri saya tak cantik sebab badan saya gemuk,” luah Ayu.

Di bangku sekolah menengah Ayu hanya menjadi ‘posmen’ yang membantu menyampaikan surat-surat cinta kawan-kawannya. Kesedihan Ayu tiada siapa yang tahu kerana Ayu tabah memujuk hatinya.

“Masa dulu memang saya rasa iri hati tengok perempuan kurus dan cantik. Saya teringin sangat nak jadi macam tu, nak badan cantik macam Erra Fazira tapi nak buat macam mana Tuhan dah jadikan saya gemuk, mahu tidak mahu saya kena terima.



**“Tenguklah, makan nasi sepinggan pun tak habis,” kata Ayu.**

“Saya tak boleh terus rasa rendah diri, saya kena terima kenyataan saya tidak boleh jadi macam kura-kura asyik nak menyorok, tak ada *self confident*,” beritahunya.

Ayu mengaku suatu masa dulu, dia masih mentah, suka berfikir bukan-bukan tapi bila sudah dewasa barulah boleh merasionalkan dirinya. Kini Ayu boleh nampak hikmah mengapa Tuhan menciptanya berbadan besar.

“Tuhan Maha Adil, Dia cipta hamba-Nya dengan adil dan saksama. Setiap orang akan ada kelebihan dan kekurangan, so kita tak boleh nak kata diri kita tak bagus, orang lain bagus ataupun sebaliknya sebab masing-masing ada kelebihan tersendiri,” luah Ayu.

Dengan kuasa Allah, ditakdirkan suatu hari Ayu berkenalan dengan seorang jejaka di laman *cyber*. Lama juga Ayu berkenalan dengan jejaka tersebut sehinggakan hatinya mula rasa berbunga. Di alam maya mereka berkenalan dengan lebih dekat, di sana juga Ayu dan jejaka

tersebut cuba mengenali hati budi masing-masing.

Di awal perkenalan Ayu berasa rendah diri dan takut-takut kerana dia sedar dia tidak secantik perempuan lain. Ayu merasakan dirinya gemuk dan tidak sesuai untuk bercinta, tambahan jejaka yang dikenalnya itu bukanlah seorang yang gemuk malah segak.

Tapi perasaan rendah diri itu datang sekejap sahaja, lama-kelamaan Ayu memberanikan diri kerana dia tidak mahu terus dibelenggu perasaan negatif yang akan merugikan dirinya.

Ayu harus mencuba. Untung sabut timbul, untung batu tenggelamlah jawabnya.

Setiap hari Ayu berhubung dengan jejaka tersebut melalui ruang sembang di Internet. Pelbagai perkara yang dibualkan selain bertukar-tukar pandangan dan pendapat sehinggakan Ayu mula berasa suka pada jejaka itu. Namun Ayu faham dia tidak boleh cepat jatuh cinta kerana bimbang dirinya akan merana.

Sampailah pada suatu hari Ayu merasakan hubungannya dengan jejaka tersebut semakin rapat. Jejaka tersebut juga menampakkan yang dia sukakan Ayu, tapi Ayu tidak mahu cepat melatah.

“Saya beritahu pada lelaki itu yang saya ni tak cantik, badan saya ni gemuk, lagipun kami belum pernah berjumpa bertentang mata.

Tapi lelaki tu kata semua tu tak penting.

“Hmm! Bila dia cakap yang rupa paras tak penting saya rasa seronok sangat-sangat. Saya nampak peluang saya dengan dia kononnya *prince charming* saya dah datang. Saya ajak dia jumpa dulu, biar dia tengok saya. Kami janji untuk berjumpa di taman bunga pukul 2.00 petang,” cerita Ayu.

Berbaju kurung biru Ayu ke tempat yang dijanjikan, sementara menunggu pukul 2.00 petang Ayu membeli makanan ringan untuk dimakan ketika berbual-bual bersama *prince charming* yang akan menemuinya nanti.

Tepat pukul 2.00 petang Ayu duduk di sebuah kerusi panjang dan menghubungi jejaka itu, bahawa dia telah tiba di lokasi yang dijanjikan.

Beberapa minit kemudian jejaka itu mengirim khidmat pesanan ringkas bertanyakan baju apa yang dipakai Ayu supaya dia dapat mengenali Ayu.

Sejam berlalu bayang jejaka itu tidak kelihatan. Ayu menghubungi jejaka itu tetapi gagal, dua jam Ayu menunggu tapi jejaka yang dinanti tidak kunjung tiba. Ayu hanya tersenyum dan pulang ke rumah dengan hati yang pasrah. Selepas peristiwa itu Ayu gagal menghubunginya lagi. Sedarlah Ayu antara dia dan jejaka itu tiada jodoh.

“Itu cerita lama, cerita masa zaman muda. Sedih tu memanglah sedih tapi sekarang ni bila diingating balik rasa kelakar pula,” ujar

Ayu sambil tersenyum.

“Saya harap masyarakat janganlah pandang rendah pada orang gemuk macam saya ni. Masyarakat perlu ubah jangan kaitkan orang gemuk dengan sifat bodoh, lembap dan kuat makan.

“Jangan asyik nak pandang serong pada kami je. Ramai orang gemuk yang jadi cerdik, pandai dan berjaya. Contohnya macam Adibah Nor, Sharifah Aini, Afdlin Shauki dan ramai lagi,” tegas Ayu.

Hah! Kepada orang-orang kurus janganlah hendak menghina orang berbadan besar! Tak baik kita mengata orang dan melabelkan orang dengan berbagai-bagai perkataan yang boleh menggores perasaan.

Kecantikan adalah kurniaan Allah. Bila-bila masa sahaja Dia boleh tarik balik. Seperkara lagi, ada yang berpendapat orang berbadan besar ini seorang yang suka berfikir dan memiliki banyak idea yang bernas.

Bukan itu sahaja, selain memiliki kualiti kepimpinan orang berbadan besar juga dikatakan lebih *caring* dan *loving* berbanding orang bertubuh kurus. Apa pendapat anda? Ada sesiapa hendak komen?

Kepada Ayu, *Mastika* ucapkan tahniah kerana sedang berbadan dua, hamil anak keduanya! Ayu sudah menemui *prince charmingnya*.

Siapa kata orang gemuk macam Ayu bersaiz XXXL tidak ada peminatnya? – Muhd. Ridhwan Abdul Jalil@Erwanz 

# Awas! Patung Lambaian Puteri tundukkan suami!



Oleh: Kairul Anwar Yusop

E-mel: [nuar\\_yusop@yahoo.com.my](mailto:nuar_yusop@yahoo.com.my)

**W**ANITA berusia 44 tahun ini menyeluk sesuatu di dalam sebuah beg yang diletakkan di atas katil. Ah! Wanita tadi lantas mengeluarkan seutas rantai berloket dan sehelai kain kuning.

“Inilah yang saya nak tunjuk,” beritahu wanita berdarah cam-

puran Melayu, Siam, dan Arab yang dipanggil Kak Ani kepada *Mastika*.

Rantai berloket tadi dihulur. Terdapat sebuah patung dengan tangan seperti melambai-lambai yang dimasukkan ke dalam sebuah bekas khas dijadikan loket.

“Orang Siam panggil Lam Kuak.

Maksudnya Lambaian Puteri,” beritahu Kak Ani mengenai keunikan loket tersebut. Kak Ani juga memberitahu dia kini merupakan salah seorang pembekal patung Lam Kuak kepada wanita yang berminat.

Apa guna loket patung Lam Kuak ini?

Kak Ani tersenyum sambil memberitahu: “Patung Lam Kuak ni banyak gunanya, istimewa digunakan para isteri untuk tundukkan suami!”

Oh begitu! Terkejut *Mastika* mendengar pengakuan Kak Ani.


Patung Lam Kuak sebesar ibu jari lengkap dengan rantai itu dijual pada harga RM600 setiap seutas.

“Patung ni mendapat permintaan tinggi dari isteri-isteri VIP, orang biasa, pondan, pelacur dan sebagainya. Semuanya untuk menarik perhatian atau mengikat hati suami. Isteri VIP takut suami lari ikut perempuan lain,” terang Kak Ani tanpa teragak-agak.

*Mastika* mendapat tahu khasiat patung tersebut sama seperti penggunaan minyak dagu atau minyak pengasih yang sering digunakan golongan lelaki. Bezanya patung tadi digunakan oleh golongan wanita.

Patung wanita dengan tangan seolah-olah melambai itu dibekalkan khas oleh rakannya dari Thailand.

“Patung yang sampai ini kosong, tak ada apa-apa. Tapi bila ada orang nak, baru Kak Ani puja dan memasukkan ‘isi’ ke dalam patung ni.



**Tali pusat bayi yang digunakan kak Ani untuk menjinakkan anak-anak.**

“Kak Ani puja tiga malam Jumaat berturut-turut. Kak Ani hanya perlu nama penuh orang yang hendak dipuja. Selepas masukkan isi, rantai itu boleh dipakai,” jelas Kak Ani.

Patung Lambaian Puteri yang siap diisi dengan semangat itu kemudiannya akan dimasukkan ke dalam bekas khas dan dipasang dengan rantai sebelum dijual.

Sehingga kini sudah lebih seribu tangkal pengasih tersebut berjaya dijualnya terutama kepada pelanggan wanita Melayu beragama Islam.

Wanita ini mendakwa apabila seseorang itu memakai rantai patung Lam Kuak, apa yang diinginkan mudah tercapai. Pemakaiannya juga mempunyai pelbagai khasiat istimewa terutama sebagai penambat kasih dan membuatkan lelaki tergila-gilakan si pemakai.

“Kalau dia nak pikat suami, suaminya akan tertarik kepadanya. Kalau pelacur, GRO atau pondan guna pula untuk tarik pelanggan,” jelas Kak Ani yang mempelajari ilmu Siam ini daripada arwah ibunya.

Namun begitu si pemakai rantai ini turut mempunyai pantang larang

yang perlu dipatuhi.

“Sesiapa pakai dila-  
rang berjalan di bawah  
ampaian kain. Sekiranya  
pantang larang ini  
dilanggar khasiat patung  
tersebut akan lenyap.  
Pulangkan semula patung  
ni kepada Kak Ani untuk  
diisi semula khasiatnya,”  
beritahu Kak Ani.

Kenapa tidak boleh berjalan di  
bawah ampaian?

Lalu Kak Ani bercerita kisah asal  
usul Puteri Lambaian. Kisah itu  
diceritakan oleh nenek moyangnya.  
Menurut ceritanya, Puteri Lambaian  
merupakan anak kepada seorang  
yang berpengaruh ketika itu di  
Siam. Malah dia seorang puteri  
yang amat cantik.

Suatu hari, ketika hujan mula  
turun si ibu berpesan pada anaknya  
itu supaya mengangkat kain di  
jemuran. Tapi puteri ini angkat  
lambat. Bila hujan makin lebat  
disusuli angin kencang baru puteri  
ini hendak mengangkat kain.

Sedang angkat kain tiba-tiba tali  
ampaian terputus dan terbelit pada  
leher si puteri tersebut dan akhirnya  
mati akibat terjerut.

Semasa mati, ahli keluarganya  
melihat segala jenis ilmu di tubuh  
puteri ini terbang naik ke langit.

“Selepas kejadian itulah keluarga  
dan orang kampung yang bersedih  
dengan kematian puteri mengukir  
patung wajahnya. Tangkal ini adalah  
wajah puteri itulah. Sebab itulah  
pemakai dilarang berjalan di bawah  
ampaian,” jelas Kak Ani serius.



**Loket dan kain patung  
Lambaian Puteri atau Lam  
Kauk yang dibekalkan kak Ani.**

Kak Ani juga mengingatkan  
si pemakai agar patung puteri  
ditanggalkan apabila mengerjakan  
solat.

“Bukan apa, tak elok sebagai  
umat Islam, sembahyang bawa  
patung,” jelas Kak Ani mengakhiri  
perbualan.

“Bukankah memakai rantai patung  
tersebut boleh memesongkan aki-  
dah seseorang? Jatuh syirik!”

Kak Ani mengaku dia tidak  
berniat untuk memesongkan aki-  
dah umat Islam tetapi kaedah ini  
merupakan salah satu cara untuk  
menolong mereka yang dalam  
kesusahan.

“Kak Ani nak bantu orang saja.  
Kalau tak nak guna patung, Kak  
Ani boleh buat guna minyak ilmu  
pengasih. Tak nak berubat cara  
Siam, Kak Ani boleh guna cara  
Sakai atau Jawa.

“Tak pun guna kain bergambar  
patung Lambaian Puteri ni,” beritahu  
Kak Ani sambil menunjukkan  
sehelai kain segi empat berwarna  
kuning tertera gambar patung  
Lambaian Puteri.

Kain kuning tersebut juga sama

khasiatnya tetapi lebih kepada pelaris perniagaan, pendinding diri atau mengelakkan duit kering.

“Selepas Kak Ani masukkan ‘isi’, simpan dalam dompet. Nanti duit tak akan kering!” beritahu Kak Ani penuh yakin.

Kak Ani memberitahu apa yang penting adalah niat dan tujuan si pemakai.


“Kalau niatnya baik, baiklah jadinya. Tapi kalau si pemakai berniat jahat iaitu niatnya tak sama ketika beritahu Kak Ani, khasiat patung ni akan hilang. Jadi tawar. Kalau orang lain curi dan pakai juga khasiat patung ni tak berkesan. Dia hanya berkesan pada pemilik saja,” Kak Ani memberi penjelasan.

Sebenarnya bukan setakat rantai patung tersebut yang dibekalkan Kak Ani tapi banyak lagi khidmat yang ditawarkannya.

“Kak Ani ada buat mandian pengantin untuk naikkan seri pengantin, buang saka, santau, pulihkan dara, atau nak jinakkan anak pun boleh.

“Kalau nak jinakkan anak, selepas lahir simpan tali pusatnya. Selepas tu bawa datang jumpa Kak Ani. Kak Ani akan buat. Nanti anak akan ikut cakap kita. Anak tak melawan,” beritahu Kak Ani lagi.

Wah! Wah! Nampaknya lelaki hari ini perlu berhati-hati. Wanita kini menggunakan secara halus untuk menundukkan ego lelaki. Patutkah lelaki ditunduk secara halus begitu?

Lagi satu yang tambah memelikkan mengapa agaknya ramai wanita Melayu kita masih percaya kepada tangkal, patung dan sebagainya berbanding berdoa untuk kerukunan rumah tangga? 

---

## Mastika

---

- *Jenis katak terbesar ialah katak Goliath (Conraua Goliath) yang boleh ditemui di Cameroon, Afrika Barat. Tubuhnya boleh membesar sehingga 30 cm panjang dan seberat sekitar 3.3 kilogram.*
- *Katak tidak minum, sebaliknya menyerap air melalui kulit.*
- *Titik di atas buruf i disebut ‘title’.*
- *Unta memiliki tiga kelopak mata.*
- *Nama negara Filipina berasal dari nama Raja Phillip manakala Arab Saudi berasal dari nama Raja Saud.*
- *Darah sama kental dengan air laut.*
- *Haiwan yang memiliki suara paling kuat ialah ikan paus biru. Suaranya lebih kuat daripada bunyi motor Harley Davidson dan bunyi ledakan bom. Kuat suara ikan tersebut ialah 188 desibel! Angka ini sama dengan sejuta kali lebih kuat bunyi jet (yang mencapai tingkat kekuatan 120-130 desibel).*



**PAPAN  
KENYATAAN  
mastika**

1  
**Hubungi Mastika 019-3753058**  
Sahidan Jaafar 019-3411902  
Kairul Anwar 019-3404301

Taip **MASTIKA**<jarak>  
mesej anda<jarak>  
nama anda sms ke **33995**



- Siapa perempuan bernama *Mastika*?
- Pengumpul Mastika sejak 70 tahun!
- Pembaca lahir 1 Jun 1941!

Uploader: LeeSha / Url: http://torrent.jiawang.cc



**S**ALAM sejahtera, buat pembaca semua! Pada 1 Jun 2011 ini maka genaplah 70 tahun usia *Mastika* sebagai majalah tertua dan terulung di negara kita.

Jadi, sempena dirgahayu 70 tahun usia majalah nombor satu negara ini kami ingin uar-uarkan untuk mencari siapakah pembaca bertuah yang bernama MASTIKA. Ingat hanya yang bernama MASTIKA ya, bukan Mustika, Mestika atau Masatika!

Jika anda memiliki nama yang paling bertuah ini sila hubungi kami segera melalui nombor tertera. Pembaca bertuah ini akan kami raikan pada sambutan ulang tahun ke-70 *Mastika* pada 1 Jun ini di sebuah hotel terkemuka di Kuala

Lumpur.

Bukan itu saja kami juga ingin meraikan pembaca dan pengumpul *Mastika* paling lama sejak majalah kesayangan ramai ini diterbitkan di Cecil Street, Singapura, 70 tahun lalu.

Tidak kira di mana jua anda berada, jika anda seorang penyimpan koleksi *Mastika* dari keluaran pertama hingga sekarang atau pembaca yang memiliki koleksi berharga edisi *Mastika* tahun-tahun 1940-an, 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1980-an juga boleh juga menghubungi kami.

Selain itu kami juga sedang mencari pembaca bertuah yang dilahirkan pada 1 Jun 1941 sama dengan usia *Mastika*. Pembaca bertuah ini juga akan diraikan pada sambutan ulang tahun ke-70 nanti.

Jika anda termasuk dalam senarai-senarai di atas sila hubungi kami segera! Kami amat menghargai anda pembaca setia *Mastika*!

### Edisi Khas Bumper *Mastika* 70 tahun!

**K**AMI juga ingin memaklumkan sempena ulang tahun ke-70 pada 1 Jun ini, kami akan menerbitkan edisi khas *bumper Mastika* setebal 164 muka surat berbanding 132 muka surat sekarang. Ingat *bumper Mastika* ini bukan sebuah koleksi tetapi terbitan khas istimewa untuk edisi bulan Jun sahaja.

Edisi khas *bumper Mastika* ini adalah sebagai memenuhi



### *Mastika* Mac 2011.

permintaan daripada pembaca setia yang mahu kami menerbitkan *Mastika* yang lebih tebal isi kandungannya, penuh dengan cerita-cerita menarik terkini, sensasi dan kontroversi termasuk kisah yang pernah menggemparkan sebelum ini seperti mayat berulat, tulisan penulis veteran dari Singapura, Othman Wook yang terkenal dengan kisah seramnya di *Mastika*

Juga melalui keluaran ini, anda nanti akan tahu siapa pembaca setia *Mastika* yang bernama Papa Jis yang selalu hantar SMS lawaknya, siapa Ipoh Mali atau siapa pengumpul *Mastika* paling lama dan siapa pembaca bernama *Mastika*. Juga siapa bapa mithali beristeri empat yang sama-sama jadi peminat setia *Mastika*

Tunggulah kemunculan edisi khas *bumper Mastika* terbitan Jun 2011 di pasaran!

Okeylah mari kita lihat apa

pembaca setia *Mastika* perkatakan terhadap majalah ini.

**SMS pembaca:** *EN.SAHIDAN Sempena menyambut ulang tahun ke 60 nanti.. Buatlah MASTIKA tebal-tebal!! Biaq setebal limonam kaki... Harga DUAP-PLOHZ pong takpa... Papa Jis.*

**Nota Mastika:** Hah! Hah! Cadangan Papa Jis diterfima. Kami dah uar-uarkan tadi kita akan buat bumper *Mastika* tapi tidaklah tebal sangat, hanya tambah 32 muka surat. Kami nak betulkan sikit, bukan ulang tahun ke-60 tapi *Mastika* dah masuk 70 tahunlah Papa Jis!

### Ustaz & ustazah sebat pelajar tahfiz!

**SMS pembaca:** *Sekolah tahfiz yang saya SMS hari tu dah ditutup pada 21 Jan lalu. Polis dan ibu bapa pecahkan pagar sbb ada 8 report polis terhadap ustazah sekolah tu. Antaranya rotan lebih 40 sebatan. Menampar muka . Pukul kemaluan pelajar perempuan. Bogelkan pelajar lelaki depan pelajar perempuan dan berpuluh jenis lagi kesalahan lain. Apa nak jadi dengan ustazah dan ustaz di sek tahfiz ni. Takut sekolah tahfiz lain macam ni jugak. Bila Mastika nak jumpa saya? Penat tunggu ni? - Ipoh Mali.*

**Nota Mastika:** Dahsyat betul ya Ipoh Mali, *Mastika* pun tak sanggup nak dengar! Baguslah sekolah tahfiz tu ditutup, tak guna aniaya pelajar! Sebenarnya *Mastika*

dah beberapa kali cuba bertemu Ipoh Mali tapi tak ada rezeki lagi, nanti kita interviu kisah menyayat hati ini.

### Madah pujangga!

**SMS pembaca:** *Saya skong ruangan madah pujangga yg brmula bln Feb, sgt brinformasi. - Min BLG.*

**Nota Mastika:** Terima kasih Min BLG. Sebagai memenuhi permintaan pembaca, mulai bulan ini ruangan *Madah Pujangga* disiarkan dua muka surat.

### Pedoman dan Iktibar

**SMS pembaca:** *En. Sabidan, sy ada cite mengenai kematian seorang gadis utk di jadikn tauladan pd semua ibu bapa. - azrin swk.*

**Nota Mastika:** Terima kasih Azrin, nanti kami hubungi anda untuk dapatkan kisah lanjut kematian gadis ini untuk ruangan pedoman dan iktibar!

### Al-Quran 30 juzuk

**SMS pembaca:** *Salam.. Sy sgt suka artikel sila dail talian 24434, keluarn mac 11. Sy lihat ada 1 keslhn info iaitu Al-Quran ada 30 juzuk, bukn 37 spt yg dtulis dlm artkel tu.. Hope mastika trus mbri ksdrn pd msykt.. Good luck - puteh*

**SMS pembaca:** *Ralat utk kluaran mac blmn 17, al-quran*

ada 30 juzuk bkn 37 - ust ikmal.

**Nota Mastika:** Betul tu Puteh dan Ustaz Ikmal! Al-Quran 30 juzuk! Terdapat kesilapan dalam ruangan *Sila Dail Talian Allah*. Terima kasih Ustaz Ikmal.

### Peringatan untuk Su

**SMS pembaca:** Sy tarik bile bca artikel kami tiada dara pd keluaran mac. Syabas! Su..bangga sy bca pngakuan Su tmpoh ari. Tnpa malu dn kesal mceritakn kkebatn dosa2 yg dilakukn. Hebat betul Su, sy pn xleh nk challenge, kih!kih!kih!..hebat! hebat! Berzina dn mbunuh janin xbrdosa seolah2 dunia ni xbtuhan, ckrit pn tdk mrase gerun ngn hukum Allah s.w.t..katanye kalau brcinta tnpa check in, ibarat tin kosong..pe die ingt bile wt cm2 die bleh jd tin yg berisi? Ibarat tin srdin yg pdat ngn ikan srdin, kah!kah!kah!..hmmm mmg pdat, pdat berisi dosa...tobat la wei sblum tlmnt. Kite sume ni pun bkn hidup mnongkat langit. Setiap pbuatan, samaada baik atau jahat ade ganjaran. Takutla akn blsan Allah. Azab Allah s.w.t amat lab dasyat. - **Manis**

**Nota Mastika:** Peringatan Manis itu bagus untuk gadis macam Su yang mudah lupa diri!

**SMS pembaca:** Dah spai masa ibu2 bwk bkl menntu pompuan cek dara di klinik n ank lelaki kna wat sumpah laknat msb teruna sblm

# “Kami tiada dara!”

**M**ALAM minggu, baru-baru ini, Mastika berjumpa dengan seorang rakan lama bernama

## Keratan artikel “Kami tiada dara” edisi Mac 2011.

*nikah.geram bca kami tiada dara.*  
- **Azfa**

**Nota Mastika:** Hmm! Bagus! Ada sokongan?

### Tahniah untuk Hospital Kajang!

**SMS pembaca:** Sy stuju sgt ttg phargaan hsptal kajang. Sy prnah bsalin di sana. Wpun sy slh seorg dr single parent, tp staff beri layanan istimewa n staraf dgn ibu2 yg lain. Tabniab yg tramat julang buat Hspital Kajang. # alyna #

### Mengigau malam!

**SMS pembaca:** Akum En. Sabidan, blh x tlg kupaskn isu mengenai mengigau waktu tdr. Sbb mgkn manusia ada mengalami ms mengigau waktu tdr. Sy slh seorg dpd nya. Smpaiken ada 1 ms tu sy mengigau mahu mbuka pintu & keluar rmb.. Nsib kwn sy psan & memanggil sy. Br sy tsdr. & blh x tlg bg ayat2 al-quran utk d bc sblm tdr. Tma ksh. - **Dr org swak**

**Nota Mastika:** Terima kasih orang Sarawak. Menarik cadangan anda! Kami akan cuba tunaikan. **m**

Uploader: LeeSha / Url: http://torrent.jiawang.cc



~~VALENTINE DAY~~

# Valentine haram, tapi...



Oleh: Desi Ernita

E-mel: [nita\\_sensasi@yahoo.com](mailto:nita_sensasi@yahoo.com)

**P**ETANG itu, saya berjalan-jalan di sekitar Bukit Bintang dan KLCC, *port* lepak yang popular di kalangan remaja Kuala Lumpur. Saya mahu 'survey' bagaimana agaknya persiapan muda-mudi kita nak sambut Valentine malam ini.

Beberapa hari lalu, kerajaan telah mengingatkan kepada muda-mudi Islam supaya tidak menyambut *Valentine Day* yang jatuh pada 14 Februari, setelah difatwakan ha-

ram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Ketika sedang meninjau-ninjau, saya lihat gadis-gadis sedang sibuk menjual bunga. Penjual bunga segar ini cukup mudah kelihatan di tepi jalanan. Gadis-gadis ini menjinjing bakul yang sudah terisi kuntuman bunga ros.

"Sekuntum hanya RM10 je kak!" teriak seorang gadis sambil tersenyum.

Gadis penjual bunga itu memberitahu, kalau hari biasa, sekun-

tum ros hanya berharga RM3.00 saja. Tapi kerana hari itu hari Valentine, harganya jadi berlipat kali ganda. Wah! Tinggi sungguh 'saham' hari Valentine ya sampai harga bunga pun berlipat kali ganda.

Rata-rata gadis si penjual bunga yang saya temui bukan berbangsa Melayu. Saya tanya juga ada tidak budak-budak Melayu yang membeli bunga.

"Hmm... tak ada sangatlah kak. Yang beli ni kebanyakannya orang bukan Islam. *Maybe* orang Melayu pun tau Valentine tu haram kat Malaysia," ujar gadis Cina si penjual bunga.

Wah! Bangsa lain pun tahu fatwa yang mengharamkan Valentine di Malaysia. Apatah lagi mereka yang beragama Islam. Tentu lebih arif!

Mungkin ada benarnya apa yang didakwa gadis bunga tersebut. Dari pemerhatian, saya lihat yang datang membeli bunga semuanya yang bukan beragama Islam.

Bagus! Muda-mudi kita dah ada kesedaran nampaknya. Saya *survey* pula di kedai-kedai yang menjual pelbagai hadiah termasuk kad-kad

ucapan Valentine. Aneka pemberian yang comel seperti coklat dan *teddy bear* sempena Valentine dipamerkan.

Pun sama, yang membeli kad-kad ucapan adalah bangsa asing. Muda-mudi kita tak pandang pun kad-kad cinta ni semua. Bab hadiah pula ada juga beberapa kerat remaja Melayu yang membelinya.

"Alah kak, beli sebab kami suka makan coklat. Lagipun kami suka dengan *teddy bear* yang kecil-kecil ni. Comel. Takde kena mengena dengan Valentinelah," jawab si gadis remaja itu.

Bagus... bagus! Nampaknya remaja kita sudah tidak hairan lagi dengan Valentine. Tak perlu lagi kita nak sambut Hari Kekasih itu macam di Barat.

Saya jejak pula beberapa restoran yang menyediakan pakej hidangan istimewa sempena Hari Kekasih. Sempatlah saya berbisik dengan beberapa pelayan di situ, ramai ke pasangan kekasih Melayu yang menikmati hidangan Valentine?

"Tak juga kak. Kebanyakannya



Gambar hiasan.



bukan Islam. Adalah dalam sepuluh peratus *couple* Melayu. Ada antaranya sebab mereka berkenan dengan sajian istimewa yang kita promosikan. Itu saja!” begitu jawab si pelayan.

Bagus! Nampaknya remaja kita sudah mula sedar bukan budaya orang Islam untuk sambut Valentine. Tidak lagi tak-sub dengan sambutan Hari Kekasih. Betul ke?

Tidak lama kemudian, saya ternampak tiga remaja lelaki yang sedang melepak di bahu jalan di tepi Sungai Wang. Saya tegur mereka. Sapaan saya disambut baik. Mereka memperkenalkan diri sebagai Adi, Joe dan Rizal.

“Valentine? Tak ada maknanya kami nak sambut Valentine kak. Haram tuuu!” mereka tertawa.

“Awek pun takde kak. Nak sambut apa. Haa... cuba akak tanya Joe, dia ada awek! Dia sambut Valentine agaknya,” ujar Adi tertawa.

Joe mencebik lantas menjawab: “Tak kuasa aku nak habiskan duit untuk Valentine ni. Daripada beli bunga sekuntum berbelas ringgit, baik aku gi makan. Bunga, hadiah semua mahal masa Valentine nih. Buat perabih duit je!”

Wah! Bagus juga pandangan Joe. Buat apa bazirkan wang untuk se-

suatu yang bukan amalan budaya kita. Baguslah adik-adik semua. Tak perlu raikan tanggal 14 Februari. Apa kata raikan ‘Hari Kekasih orang Islam’ pada esoknya iaitu 15 Februari.

“Kenapa dengan 15 Februari? Ada apa?” Remaja ini terpinga-pinga bertanya.

Eh! Kan esok kita perlu raikan. Esoklah Hari Kekasih yang sepatutnya kita sebagai orang Islam sambut. Takkan tak tau kut?

Adik-adik sekalian, esok kan Maulidur Rasul. Hari memperingati kelahiran ‘kekasih’ umat Islam iaitu Rasulullah s.a.w.

“Oooo...Lupa la kak!” jawab ketiga-tiga remaja itu hanya tersengih.

Tahu tak apa yang disarankan untuk memperingati sambutan Maulidur Rasul?

Errr.... adik-adik ini hanya menggelengkan kepala.

“Alah kak, kalau pasal ni kena buka buku agama la. Kitorang bukan *terror* pun pasal semua ni. Kitorang bukan orang alim!” jawab mereka.

Hmm... begitu mudah jawapan remaja belasan tahun ini. Saya tinggalkan mereka. Saya merewang lagi. Jumpa pula dua orang gadis *rugged* berusia awal 20-an yang sedang rancak berborak. Di jari masing-masing terkepit sebatang



Gambar hiasan.

**Rata-rata muda-mudi Islam tahu Valentine haram tapi...**



Uploader: LeeSha / Url: http://torrent.jiwanng.cc

rokok.

Sapaan saya disambut mesra oleh kedua-dua gadis yang memperkenalkan diri sebagai Emy dan Nadia. Saya terus bertanya tentang Valentine. Jawab Emy: "Alah kak, kitorang tak hairanlah dengan Valentine ni. Nak raikan kekasih, tiap-tiap hari boleh. Buat apa nak tunggu 14 Februari!"

Kedua-dua gadis ini akui sudah ada *boyfriend*. Tapi mereka tak kisah pun tak sambut Valentine. Bak kata Nadia: "*Boyfriend* kitorang *sporting*, romantik dan pandai ambil hati. Tiap hari pun macam Hari Kekasih!"

Lagi bagus idea Nadia dan Emy. Memang tak ada faedahnya pun meraikan sambutan Valentine ni. Kemudian, Nadia buka cerita. Ada juga temannya yang buat *special dating* malam ni.

Ha! *Special dating*? Macam mana tu?

"Senang je kak. Ada yang pergi *dinner* pastu tempah bilik hotel. Lepas tu... ehem... ehem... faham-faham jelah. Tak pun ada juga yang pergi *clubbing*, *enjoy* dengan air

setan. Cuma bezanya malam Valentine, *enjoynya* lebih maksimum daripada *enjoy* hari biasa!"

Hish! Sampai begitu sekali. Tak takut kena cekup ke?

"Nak takut apa kak. Member-member kami tu bukan orang cikai. Semua jenis ada duit. Tak mainlah hotel-hotel murah ni. Ada member saya cerita, 'balak' dia bawa pergi makan best-best, dapat hadiah mahal pastu siap tempah hotel lagi.

"Member saya tu pun bukan tak biasa buat hal-hal macam tu. Tapi mungkin sebab malam Valentine, *feel* dia lain sikit kut, lagi syok agaknya," cerita Nadia tertawa sambil menyedut rokok di jarinya.

Emy pula mencelah: "Saya pun pelik la kak. Apa beza buat 'projek' hari biasa dengan malam Valentine. Kalau nak buat maksiat, bila-bila pun boleh kan? Tak payah tunggu malam Valentine la!"

Betul tu Emy. Kalau dah namanya maksiat, berlaku bukan kira hari atau tempat. Tak kira Valentine atau tidak, ada je orang buat maksiat.

Kalau begitu janganlah cik adik



ikut perangai tak senonoh teman-teman tu. Lebih baik esok pergi masjid dengar ceramah atau ikut perarakan.

“Masjid? Perarakan apa kak?”

Alah, majlis sempena sambutan Maulidur Rasul la. Takkan tak tau pulak?

“Oh! Ya ke? Esok ya kak? Lupa la pulak. Hmm... tak pe lah kak. Kitorang bukan ustazah!”

Begitu ya. Kalau nak sambut Maulidur Rasul, kena jadi ‘ustazah’ dulu rupanya!

Saya tinggalkan Emy dan Nadia. Saya merewang lagi. Saya nampak sepasang kekasih sedang asyik memadu asmara di persekitaran taman KLCC.

Si gadis melentokkan kepala pada bahu kekasih hatinya. Yang jantan pula mengelus-elus jari-jemari si jantung hati, bagai tidak mahu melepaskannya pergi. Romantik sungguh!

Saya ‘kacau’ pasangan ini. Asyiknya memadu asmara, maklumlah malam Valentine ya?

“Eh! Tak adalah kak. Saja je jumpa lepas rindu. Takde kena mengena dengan Valentine la. Lagipun, majlis agama kan dah keluaran fatwa raikan Valentine haram. Bukan budaya kita sambut Hari Kekasih ni!” jawab si jantan yang masih berpelukan dengan si gadis

Oh! Bagus sungguh jawapan jantan rambut berketak-ketak ini. Pandai menyedarkan orang dengan fatwa serta haram dan halal. Err... tapi duduk berdua-duaan bukan




**Gambar hiasan: Kami saja nak lepas rindu, tak ada kena mengena dengan Valentine.**

mahram begini fatwa mana yang halalkan ya?

“Alah, kami bukan buat tak senonoh. Duduk pun kat tempat awam. Bukan sorok-sorok. Kalau nak ‘merendek’, takkan kami nak duduk kat sini!”

Amboi, sentap pula si gadis genit ini. Mencuka saja wajahnya.

Jangan marah-marah dik. Tak baik. Lagipun esok kita nak sambut Maulidur Rasul. Kan baik kita muhasabah diri dan kenang semula perjuangan Rasulullah? Itu lebih bagus daripada berdating, manjakan diri dengan kekasih hati di malam Valentine.

Apa pula pandangan pembaca? 



## Maruah diri

**B**iar mati ditangkap harimau, jangan mati digigit anjing.

Alah di tangan orang yang kuat lebih baik daripada alah di tangan orang yang lemah.

**B**iarlah mati di mata pedang, janganlah mati kena tendang.

Biarlah binasa kerana memper-tahankan kehormatan diri daripada binasa dalam kehinaan.

## Bakhil

**D**i padang orang berlari-lari, di padang sendiri berjengket-jengket.

Orang yang hanya suka makan percuma atau menerima hak orang lain tetapi hak sendiri disimpan atau disembunyikan.

## Nasihat

**E**nak lauk dikunyah-kunyah, enak kata diulang-ulang.

Nasihat yang baik perlu diulang-ulang menyebutnya untuk mendapat natijahnya.

## Orang bijaksana

**K**uda yang pantas tiada berkehendakkan cemeti.

Orang yang rajin

dan pandai membuat pekerjaan tidak perlu diawasi.

**I**kan terkilat, jala tiba.

Sangat cepat menangkap maksud perkataan seseorang, mampu bertindak pantas.

**A**lim bagai katak di tepi air.

Orang yang alim banyak ilmu tetapi dia sendiri tidak dapat faedah daripada ilmunya.

## Hilang kuasa

**B**ila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi.

Apabila orang yang ditakuti sudah tidak berkuasa lagi, maka orang pun berleluasalah melakukan sekehendak hati.





## “Aku Muslim bro!”

**K**ALAU sebentar tadi wartawan *Mastika*, Nita membawa anda meninjau liku-liku perjalanan malam Valentines di Jalan Bukit Bintang, *port* popular anak-anak muda *dating* dan ‘merendek’.

Kali ni *Mastika* nak bawa anda terus ke sebuah pusat hiburan tidak jauh dari Bukit Bintang iaitu Jalan Sultan Ismail. Di sini berlangsungnya konsert rock artis dari Sacramento, Amerika Syarikat yang begitu popular menggelar diri mereka Deftones.

Kenapa konsert rock? Macam tak kena pula muzik rock dengan malam yang romantik ini.

Ya, tertera tulisan ‘*Wicked Va-*

*lentes*’ pada poster promosi konsert yang julung-julung kali diadakan ini. Siapa tahu apa itu ‘*Wicked Valentines*? Penulis turut tertanya-tanya apa maksud ‘*Wicked Valentines*?’ Adakah konsepnya seperti pesta hantu ‘*Halloween*’ yang disambut pada bulan Oktober?

Hmm... *Mastika* tertanya-tanya juga, adakah usaha syarikat telekomunikasi yang membawa kumpulan Deftones ke Malaysia ini sempena sambutan Valentines? Pasti tidak pada hemat penulis kerana kumpulan Deftones sedang mengadakan konsert jelajah seluruh dunia sempena mempromosikan album terbaru ‘*Diamond Eyes*’.

Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina tidak terlepas aksi mereka. Mungkin sekadar kelebihan tarikh, syarikat ini mengambil kesempatan mempromosikan Hari Valentines. Secara tidak langsung mana-mana individu yang menghadiri konsert ini menyambut Valentines. Setuju?

“Oh tidak! Gua tak setuju sama sekali bro! Penganjur nak *promote* Valentine ke, Hari Belia ke, itu dia punya hal! Gua datang nak tengok Chino Moreno *perform*.”

“Gua dah lama tunggu mereka datang, ini band membangkitkan memori zaman remaja gua waktu sekolah! Maaflah, gua tak setuju pendapat lu! Gua tak sambut Valentines walaupun gua ada awek,” jelas seorang responden yang sempat *Mastika* soal.

Kamal, 28, terus menaiki *escalator* yang tidak berfungsi bersama beberapa rakan-rakannya

yang lain menuju ke dalam pusat hiburan tersebut. Kesemuanya lelaki. Mereka kelihatan begitu teruja untuk menyaksikan konsert ini.

Agak lewat berada di lokasi walaupun persembahan sudah pun bermula. Pusat hiburan tersebut betul-betul padat hinggakan penulis terpaksa menyelit-nyelit untuk mendapatkan pandangan pentas yang lebih baik.

Tak perlulah *Mastika* cerita lebih lanjut persembahan Deftones ini, dah nama pun konsert rock, pastinya pembaca sekalian lebih arif dengan suasana konsert. Mereka merupakan pemuzik profesional, sudah tentunya persembahan yang bertenaga, dan berkualiti dapat anda bayangkan. Maklumlah, tiket masuk sahaja hampir mencecah seratus hingga empat ratus ringgit!

Berbalik kepada audiens yang datang menonton, *Mastika* dapat



Walaupun harga tiket ratusan ringgit, anak-anak muda ini tetap beresak-asak menonton konsert rock.

lihat bermacam-macam ragam dan keletah anak-anak muda. Mereka terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Tidak kurang juga kehadiran bangsa asing yang tinggal di Malaysia turut memeriahkan malam itu.

Ramai yang bawa teman masing-masing, namun kebanyakannya datang secara berkumpulan tidak kiralah lelaki mahupun perempuan. Kebanyakannya memakai baju berwarna hitam. Namun begitu ramai juga gadis-gadis turut kelihatan memegang kuntuman bunga ros merah. Wah!

Suasana dalam pusat hiburan itu makin panas dengan dendangan lagu-lagu keras Deftones tanpa henti. Para peminat kelihatan bertepuk tangan, bersorak-sorai dan menyanyi bersama-sama mereka. Ramai betul peminat Deftones di sini.

Kadang terdengar jeritan beberapa peminat Deftones yang

menjerit-jerit seperti histeria. Melompat-lompat terkinja-kinja dan tidak kurang ada di kalangan peminat ekstrem melakukan aksi *bodysurfing*, iaitu memanjat atas badan orang lain dan meluncur hingga diangkat dan diarak sebelum tergolek jatuh di celah-celah kepadatan penonton ini tadi. Meriah! Lebih meriah daripada konsert Akademi Fantasia!

Malam semakin larut, persembahan mereka akhirnya tamat. Sebaik saja *Mastika* keluar dari pusat hiburan tersebut, *Mastika* terus mendapatkan beberapa responden untuk ditemu ramah.

*Mastika* menghampiri sekumpulan remaja yang sedang bergambar pada *banner-banner* besar yang terpampang di kawasan luar pusat hiburan berkenaan. Rataratanya memberi jawapan yang hampir sama seperti Kamal tadi.

“Aku datang bukan sebab nak sambut Valentines. Kau ingat aku apa? Aku Muslim bro! Aku datang semata-mata Deftones sahaja!” jelas Wan, 28, ditemui sedang melepak-lepak bersama-sama rakan-rakannya selepas konsert dengan nada yang begitu tegas.

*Mastika* menghampiri satu pasangan yang lain pula: Anuar dan Fifi, pelajar yang berasal dari Sarawak, kedua-dua pasangan kekasih ini mengaku keluar



**Wan (paling kiri) bersama rakan-rakannya tolak sambutan Hari Valentines.**



**"Kami datang tengok konsert, bukan sambut Valentines," - Norashikin dan Mastura.**

*dating.*

"Memang kami keluar dating hari ini, tapi kami keluar secara berkumpulan. Lagipun kami pergi tengok konsert rock, bukannya buat perkara tak senonoh," jelas Fifi.

Hmm... ibu bapa tahu tak kalian keluar bersama ini? Penulis terus bertanya pada mereka.

"Tahu. Lagipun keluarga kami sudah mengenali satu sama lain. Ala bang, kalau nak cakap kami sambut Valentines pun sebenarnya mungkin ini kali pertama agaknya kami sambut. Sebelum-sebelumnya tak ada. Lagipun bukan selalu sambutan *Wicked Valentines* ni," jelas Anuar secara sinikal kepada penulis.

Pasangan ini terus berlalu. *Mastika* terus mencari pasangan yang lain. Kali ini *Mastika* mendekati pasangan adik-beradik, Norashikin Abd. Rahman, 31, dan Siti Mastura Abd. Rahman, 27. Mana pasangan masing-masing?

"Kami datang berdua saja malam

ini. Buah hati saya sekarang berada di utara tanah air," kata Norashikin selamba.


"Maaflah, saya tak sambut Valentines. Malam ini datang menonton konsert pun sebab kami adik-beradik dari zaman remaja minat kumpulan Deftones. Tak ada isu sebenarnya kami sambut Valentines," jelas Norashikin lagi.

"Saya pula masih belum berpunya. Memang jauh sekali nak sambut Valentines!" kata Mastura pula sebaik ditanya penulis.

Penulis hanya tersenyum mendengar jawapan dua gadis manis yang bertudung ini. Esok harinya Maulidur Rasul, ibu bapa tak marah keluar malam balik sampai lewat pagi?

"Mak tahu kami datang sini, kami bukan buat perkara tak elok. Sempena sambutan Maulidur Rasul pun kami sambut, solat berjemaah bersama keluarga," kata Norashikin ringkas.

Baguslah kalau macam tu. Mungkin kesedaran terhadap pengharaman sambutan Hari Valentines sudah berjaya disasarkan kepada golongan anak muda kita.

Pucuk pangkalnya, diri sendiri yang mengawal diri. Jangan jadi macam cerita remaja-remaja yang ditahan oleh jabatan agama Islam yang bakal disajikan oleh wartawan eksekutif Kairul Anwar dan wartawan Ridhwan Abdul Jalil selepas ini pula... - Mohd. Nazirul Afiq Ismail 

# OPS VALENTINE

## Hmmm!

Anak-anak kita naik van jenazah  
di malam *Valentine*...

*Kalau berpacaran memang banyak pantang larang,  
Menjaga susila ibu, bapa, adik, abang,  
Apabila berdua carilah tempat yang terang,  
Agar tidak pula mencuba aksi terlarang.*

*Boleh pandang-pandang, jangan pegang-pegang,  
duduk renggang-renggang bertambah sayang,  
biar malu-malu, biar segan-segan,  
kerna malu itu perisai orang beriman.*


**P**AK cik dan mak cik pernah dengar lagu ini, Kalau Berpacaran nyanyian Ana Raffali, Suhaimi Mior Hassan dan Altimet. Lagu ini tengah popular sekarang dan sering berkumandang di corong radio KL FM.

Pak cik dan mak cik hendak tahu apa anak-anak pak cik dan mak cik buat di malam Valentine's Day yang dirayakan pada 14 Februari lalu?

Begini. Mastika tidak mahu lagi bercerita tentang kisah cinta seorang paderi bernama Valentino yang memulakan sejarah Valentine sebab rasanya pak cik, mak cik dan anak-anak dah tahu. Buka Internet semua ada!

Lagipun, ulama negara kita dah melarang muda-mudi meraikan Valentine's Day yang sudah difatwakan HARAM. Jadi Mastika

"Saya baru je datang,tak buat apa-apa pun," beritahu gadis ini kepada anggota bertugas.



Lelaki ini menggelabah puyuh selepas dikejut oleh anggota Penguat Kuasa.

pun ingin tahu adakah muda-mudi kita ni ambil kisah fatwa ulama dan nasihat supaya jangan sambut Hari Kekasih pada 14 Februari?

Untuk mengetahuinya, pada malam itu, 14 Februari 2011, kami berada di Bukit Ampang. Tempat ini port paling popular lagi canggih di pinggir ibu kota tempat muda-mudi kita berkasih sayang.

Hmm! Betul. Sewaktu tiba pukul 1.00 pagi kawasan ini memang hot. Kasihan betul! Mengapa dalam banyak-banyak tempat di ibu kota mereka pilih untuk meraikan Hari Kekasih berdua-duaan di dalam kereta.

Mastika tidak mahu fikir perkara bukan-bukan pasal anak-anak pak cik dan mak cik ni, mungkin mereka sengaja untuk meraikannya secara sederhana dengan pasangan mereka.

Tapi apa mereka buat dalam kereta di tempat yang gelap dan sunyi? Maklum sajalah kalau sudah duduk berdua-duaan, lelaki dan perempuan, sudah pasti ada pihak ketiga... syaitan.

Mastika lihat mereka bukan sahaja saling berpandangan tapi mereka ada berpegang-pegang. Mereka tidak duduk renggang-

renggang tapi mereka duduk rapat dan berkepit macam belangkas.

Ya! Mereka ber... ber... di dalam kereta sehingga tidak peduli orang lalu-lalang. Ke mana terbangnya perasaan malu dan segan? Mereka tidak malu pada diri mereka sendiri, orang lain, dan alam ciptaan Tuhan.

Satu lagi tangan-tangan mereka macam ulat bulu naik daun, merayap sana sini. Kasihan anak-anak pak cik dan mak cik ni dah dirasuk syaitan.

Mujurlah malam itu ada pegawai penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID), PEKIDA, dan ahli kariah Masjid al-Azim, Pandan Indah.

Pak cik dan mak cik hendak tahu apa berlaku seterusnya?

Apabila cermin kereta diketuk dan disuluh dengan lampu

mereka menggelabah puyuh. Semuanya jadi tidak tentu hala, panik dan macam-macam lagi sampai tertelan air liur macam kambing jantan terbatuk.

"Belum!" itulah jawapan yang diberikan apabila ditanya sudah berkahwin ke...

Hendak tahu apa lagi alasan anak-anak pak cik dan mak cik



beri?

Hah! Mereka kata baru datang, ada yang kata tak buat apa-apa, cuma duduk-duduk sahaja, ambil angin!

Ish! Pak cik dan mak cik percaya mereka ambil angin, duduk dalam kereta di tempat yang gelap tak buat apa-apa?

Kalau ya pun hendak ambil angin carilah tempat yang terang, tempat yang ramai orang supaya tak menimbulkan syak bak lirik lagu Suhaimi Mior Hassan dan Ana Raffali tadi 'agar tidak pula mencuba aksi terlarang.'

Lebih teruk lagi ada anak-anak mak cik dan pak cik yang cuba lari! Nasib baiklah tak ada mana-mana anggota penguat kuasa yang tercedera atau maut akibat dirempuh kereta anak pak cik dan mak cik tu yang berdecit mengundur.

### Silakan naik van jenazah!

SEWAKTU kami sedang mengekor penguat kuasa, tiba-tiba muncul van jenazah di Bukit Ampang.

Pengunjung yang berada di gerai berhampiran tidak jadi makan melihat van jenazah menyusur di tepi jalan.

Siapa yang mati?

Oh! Rupanya tiada siapa yang mati, anak-anak pak cik dan mak cik semuanya selamat.

Hah! Silakan naik!

KAH! KAH! KAH! Mastika terdengar beberapa orang ketawa terbahak-bahak sambil menyindir anak-anak pak cik dan mak cik yang disuruh menaiki van jenazah ini.

Kesian! Mastika tengok muka anak-anak pak cik dan mak cik ni macam kena demam kura, gemetar, menggigil badan apabila disuruh naik van jenazah.

Rupa-rupanya van jenazah ini digunakan untuk membawa anak-anak pak cik dan mak cik ke Masjid al-Azim.

Hmm! Baguslah bawa van jenazah angkut anak-anak mak cik dan pak cik tu, biar mereka insaf.

Mastika ada rakam gambar mereka untuk kenang-kenangan.

Bukan senang nak dapat naik



Tengoklah pak cik dan mak cik, pandai sungguh mereka berposing di dalam van jenazah.



**Comel-comel sungguh anak-anak pak cik dan mak cik setelah menutup aurat. Ala-ala wanita solehah gitu!**

van jenazah sempena Hari Kekasih pulak tu.

Nanti! Pak cik dan mak cik lihatlah sendiri. Muka mereka terpaksa kami tutup sebab tidak mahu memalukan sesiapa, apatah lagi nama baik pak cik dan mak cik.

Gambar-gambar ini diharapkan jadi pedoman dan iktibar kepada muda-mudi lain. Maafkan kami ya pak cik dan mak cik!

Eh, ke mana pula nak dibawa budak-budak tu?

Oh, ke masjid! Untuk dikahwinkan? Bukan! Bukan untuk dikahwinkan tapi untuk diberi kaunseling!

### **'Surat cinta' JAIS direnyuk, dilempar ke tanah!**

SEBAIK van jenazah tadi tiba di Masjid al-Azim anak-anak gadis pak cik dan mak cik tadi disuruh turun dan memakai telekung yang disediakan. Maklumlah anak-anak pak cik dan mak cik terlalu seksi, pakaiannya terdedah, terbonjol sana sini.

Selepas diambil maklumat diri, mereka disuruh duduk dalam kumpulan dan diberi nasihat oleh

petugas-petugas PERKID pula.

Mereka juga diberi surat cinta oleh JAIS.


Tapi... ketika inilah berlaku peristiwa cukup menyayat hati. Surat cinta pemberian JAIS tadi direnyuk dan dilempar ke tanah oleh anak gadis pak cik dan mak cik. Beginikah balasan muda-mudi kita kepada pihak berkuasa? Otak semua bijak-bijak, pelajar universiti, tapi...

Namun pegawai JAIS tenang saja menghadapi situasi ini. Entah kenapa anak gadis itu berkelakuan demikian Mastika sendiri kurang pasti. Anak gadis ini seakan mahu menangis, wajahnya menunjukkan perasaannya bercampur-baur antara sedih, kecewa dan marah.

Apa sebenarnya yang terjadi?

Mastika tatap 'surat cinta' yang direnyuk tadi. Hmm! Surat itu terkandung maklumat peribadi anak gadis kita berserta tarikh supaya mereka menghadirkan diri bagi menjalani sesi kaunseling dengan pegawai JAIS. Oh, patutlah mereka bengang!

Aduhai... dah buat salah janganlah hendak tunjuk keras kepala pula. Sepatutnya berterima kasihlah



**Maaflah, muka anak-anak pak cik dan mak cik yang handsome ni terpaksa kami tutup. Takut malu.**

dengan JAIS dan petugas lain yang sanggup korbakan masa tidurnya demi menyelamatkan anak-anak bangsa dari hasutan syaitan.

Kairul Anwar tolong ceritakan sedikit betapa besarnya pengorbanan anggota JAIS dan sukarelawan lain untuk menyelamatkan anak-anak kita tadi... Tidak sanggup rasanya penulis hendak bercerita, sebab, sedih pun ada!

### **Terima kasih selamatkan maruah gadis kita!**

TERIMA kasih Saudara Ridhwan Abdul Jalil... betul tu mak cik dan pak cik. Kita sepatutnya berterima kasih kepada anggota JAIS, pegawai Masjid al-Azim, PEKIDA, PERKID dan wakil dari beberapa masjid datang membantu menyelamatkan maruah anak-anak kita daripada terus menconteng arang di muka mak cik dan pak cik.

Kalau tak ada mereka, siapa nak selamatkan muda-mudi kita ni? Tolong jawab!

Cuba pak cik dan mak cik bayangkan. Mereka ini sanggup

bersengkang mata lebih daripada enam jam, berkhidmat tanpa upah, tak kira masa dan sanggup tinggalkan anak-anak, isteri serta suami.

Sepatutnya muda-mudi kita berterima kasih sebab cuba sedarkan mereka, bukan renyuk-renyukkan kertas sesi kaunseling yang diberi oleh JAIS.

Kami lihat petugas-petugas ini memang ikhlas kerana Allah semata-mata ingin menyelamatkan masa depan 68 anak-anak kita pada malam berkenaan.

Kalau tiada Ops Valentine yang diketuai Ustaz Ahmad Nawi Osman serta para sukarelawan, kami tidak tahulah apa jadi pada muda-mudi kita malam berkenaan! Mungkin ada gadis kita yang jadi kain buruk pada malam itu.

Sebab, rata-rata mereka yang ditahan JAIS malam itu berusia antara 16 hingga 30 tahun. Peliknya ramai antara mereka pelajar IPTA dan IPTS yang otak bijak dan bergeliga tapi jenis Melayu lupa diri!

Ingat anak-anak mak cik dan pak cik yang ditahan ini boleh



**Tunduk insaf atau tunduk malu cik adik oii!?**

didakwa di bawah Seksyen 31, Enakmen Jenayah Syariah Jabatan Agama Islam Selangor 1995 kerana berdua-duaan di dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak serta berkelakuan tidak sopan di tempat awam.

Fuhh! Kami geleng kepala. Ingatkan pada malam Maulidul Rasul yang kebetulan jatuh sehari selepas Valentine Day tiada maksiat, tapi melambak!

Mak cik dan pak cik cuba bayangkan ada anak gadis kita ditahan malam tu masih di bawah umur. Bagaimana anak-anak gadis itu boleh keluar lewat malam dan berpacaran dengan 'balak' masing-masing?

Macam mana ibu bapa boleh benarkan? Bukan itu sahaja, ada anak gadis yang datang dari luar Kuala Lumpur termasuk Singapura dan Sabah semata-mata ingin bertemu kekasih mereka di Bukit Ampang.

Kalau tiada operasi dijalankan malam itu, Mastika percaya sembilan bulan kemudian, sudah barang tentu ada antara pak cik dan mak cik bakal menimang cucu tak bermenantu. Heh! Heh! Seronok ke?

Pak cik dan mak cik perlulah berterima kasih kepada mereka yang menjalankan operasi Ops Valentine sebab, anak-anak yang ditahan dibawa ke Masjid al-Azim dan mesti menghadiri sesi kaunseling kelak.

Semua ini percuma. Anak-anak mak cik dan pak cik tak perlu




**Petugas-petugas Ops Valentine mendengar taklimat sebelum memulakan operasi.**

bayar sesen pun. Mereka hanya perlu hadirkan diri saja. Semua ini dilakukan ikhlas oleh pihak masjid dan JAIS untuk menyedarkan anak-anak pak cik dan mak cik agar tak terus hanyut dibuai mimpi alam cinta.

Itu saja yang Mastika hendak beritahu kepada pak cik dan mak cik. Kepada semua yang menyelamatkan anak-anak muda kita pada malam Ops Valentine, Mastika ucapkan syabas!

Teruskan! Mudah-mudahan tahun ini kurang sikit masalah buang bayi di negara kita! 



**Ahmad Nawi Osman**

# Sambut Valentine Day ikut perangai Abu Lahab



**P**ERANGAI orang Islam yang menyambut *Valentine Day* atau Hari Kekasih, boleh disamakan musuh Nabi Muhammad dan umat Islam iaitu Abu Lahab.

Ustaz Syed Mohd. Norhisyam, ketika menyampaikan ceramah bertajuk *Maulidul Rasul Vs Valentine Day* menyifatkan mereka yang degil tetap menyambut Valentine Day tidak ubah seperti bapa saudara Nabi Muhammad, Abu Lahab.

Abu Lahab, ketika menyambut maulud atau kelahiran Nabi Muhammad sungguh gembira sehingga menyembelih unta. Malangnya selepas Nabi menyampaikan seruan Islam, Abu Lahab orang yang lantang menolak dan menentang seruan Nabi Muhammad. Malah Abu Lahab sanggup menggunakan hartanya

untuk memerangi dakwah Rasulullah seperti dalam Perang Badar.

“Begitu juga dengan orang Islam yang sambut Hari Kekasih. Mereka ini Islam, sudah dikata haram tapi Hari Kekasih tetap sambut juga. Bermakna mereka tetap tolak Islam sama seperti Abu Lahab,” tegas Ustaz Syed Mohd. ketika berceramah di Surau Al-Mujahidin Desa Surada, Bangi.

Selain dikaitkan dengan kematian tragis seorang paderi bernama St. Valentine yang dibunuh oleh seorang Maharaja Romawi yang bernama Raja Claudius II pada 268-270M terdapat satu lagi versi mengatakan *Valentine Day* ialah hari kejatuhan Islam di Cordova, Sepanyol.

Paderi St. Valentine ialah orang yang memainkan peranan penting dalam usaha menjatuhkan negara

Islam itu pada 14 Februari 1942. Jasa St. Valentine dianggap kekasih rakyat.

“Jika kita sambut bermakna kita bersorak atas kejatuhan agama Islam. Kita kufur pada Allah. Jika kita tahu keharamannya tetapi tetap melakukannya bermakna kita melakukan dosa besar,” tegas Ustaz Syed Mohd. tegas.

Kemudian Ustaz Syed Mohd. turut bercerita pengalamannya ketika masih menuntut dulu.

Pernah suatu malam, Ustaz Syed Mohd. dan kawan-kawannya berpakat untuk mengetahui apakah sebenarnya yang berlaku dalam suatu majlis ketika meraikan Hari Kekasih di sebuah kelab di hotel.

Lalu Ustaz Syed Mohd. dan kawan-kawannya menghantar seorang sahabatnya yang kacak ke dalam kelab di hotel itu untuk melaporkan apa yang berlaku di dalam kelab tersebut.

“Orang yang masuk juga perlu datang berpasangan. Kawan saya yang masuk seorang diri mulanya tak dibenarkan masuk. Tapi kami ajar kawan ni melalui SMS kata teman wanitanya akan masuk kemudian.

“Bila dibenarkan masuk kawan kami beritahu kelab itu anjurkan pertandingan karaoke untuk pasangan kekasih. Bila tamat pertandingan itu, pihak penganjur sampaikan hadiah,” jelas Ustaz

*Jika kita sambut bermakna kita bersorak atas kejatuhan agama Islam. Kita kufur pada Allah. Jika kita tahu keharamannya tetapi tetap melakukannya bermakna kita melakukan dosa besar*

Syed Mohd.


Kemudian Ustaz Syed Mohd. menyambung: “Anda tahu apa hadiahnya? Hadiahnya ialah pasangan yang menang diberi bilik percuma untuk bermalam di hotel tersebut. Jadi kalau dah bermalam di hotel tu faham-fahamlah apa yang berlaku seterusnya,” cerita Ustaz Syed Mohd. lagi

Oleh itu, tegas Ustaz Syed Mohd. tidak perlulah umat Islam meraikan Hari Kekasih yang banyak mendatangkan kesan negatif. Malah ia bukan budaya kita dan ajaran Islam.

Jika hendak sambut juga, sambutlah Hari Maulidul Rasul. Sayangilah pada Nabi kita!

Ingat tu muda-mudi kita, HARAM dan BERDOSA sekiranya muda-mudi Islam sambut *Valentine Day* atau Hari Kekasih seperti yang difatwakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. 

# Menelusuri denai silam



**Penulis bersama karyanya bertajuk 'Tsunami' yang telah diterima untuk *Not-The Turner Art Exhibition London.***



Oleh: Dr. Rahmat Ghazali

E-mel: [dr.rahmat\\_ghazali@yahoo.com](mailto:dr.rahmat_ghazali@yahoo.com)

“Hidupkah aku  
jika sekadar  
pelukis jalanan?”

**A**KU tidak menyesal meninggalkan kilang gas di Perai itu. Aku percaya ada rezeki lain yang menunggu. Apa yang perlu ialah berdoa dan berusaha!

Kira-kira sebulan setelah aku berhenti kerja, aku didatangi oleh seorang lelaki berpakaian kemas, berambut pendek. Aku tidak mengenali dia.

“Kamu Rahmat?” katanya ketika aku baru kembali dari sawah menolong datuk merumput di tanah sekangkang kera miliknya.

“Ya encik, saya Rahmat,” kataku dengan seribu persoalan yang bersipongang dalam fikiran. Berpusu-pusu pula persepsi genjot yang menerpa, “Siapa dia ini yang tahu namaku? Mengapa dia mencari aku? Apa yang telah aku buat? Poliskah dia?”

Aku cuba mencongak-congak apakah kedatangan lelaki itu ada kaitannya dengan kejadian di kawasan kilang tempoh hari.

“Saya Halim. Saya dapat nama Rahmat daripada rakan-rakan Rahmat juga,” katanya penuh dengan nada kejujuran.

Bertambah kencang degup jantungku. Pasti ada kaitan dengan peristiwa di kawasan perindustrian Perai itu.

“Ya saya Rahmat. Mengapa dengan saya? Ada hal yang tak kenakah encik?”

“Saya mengesan nama Rahmat kerana bakat melukis yang Rahmat miliki!” katanya pantas dalam senyumannya yang menjemput

salam persahabatan.

“Saya cuba mengesan bakat-bakat muda pelukis yang ada,” sambungnya lagi.

“Hmm...?” Aku tergamam tetapi penuh dengan kelegaan. Tertanya pula fikiranku: “Siapa agaknya yang berikan namaku kepada lelaki ini?” Tidak dapat aku elakkan, kecuali mengukir senyuman bangga kerana bakatku dihargai.

“Naiklah dulu Encik Halim, nanti saya bersihkan diri untuk solat dan kita berbincang lanjut,” kataku ketika nenek yang memandang Encik Halim dengan seribu soalan.

Setelah aku mandi membersihkan diri, aku kembali ke beranda rumah menemui Encik Halim dengan seteko kecil kopi dan kuih jualan nenek pagi tadi.

“Kalau boleh saya mahu Rahmat buat apa saja lukisan dan berikan kepada saya. Saya akan pameran pada galeri saya dan kalau terjual nanti saya akan bayar!”

Lagi sekali aku tergamam. Hmm! Profesionalkah aku untuk menghasilkan lukisan yang boleh dijual? Kemudian aku teringat suatu hari aku memberitahu ibu bahawa aku mahu menjadi pelukis bila dewasa kelak. Ibu menangis sayu mendengar kata-kataku itu.

“Bagaimana anak mak hendak hidup nanti? Cukupkah dengan melukis? Bolehkah mencari nafkah dengan sekadar melukis?”

Aku jadi serba salah dengan kata-kata ibu itu dan terus aku lenyapkan impian sedemikian. Dengan asakan hidup yang perit



“*Pelukis potret amat mudah mencari makan. Duduk sahaja di tepi jalan dan tawarkan khidmat melukis potret. Orang akan datang dan sanggup membayar untuk lukisan potret mereka. Ramai yang berbuat demikian di belakang Masjid India*”

dengan kemiskinan ini, aku tiada lagi menyimpan apa jua cita-cita. Apa sahaja yang datang itulah yang akan aku gapai.

“Nak melukis apa?” tanyaku kepada Encik Halim, seperti si dungu.

“Lukis apa sahaja dengan gaya yang tersendiri dan gunakan material apa sahaja,” jawabnya pantas.

“Hmmm... saya pernah memenangi hadiah melukis potret akhbar *Straits Echo*,” kataku untuk membenarkan bakat yang ada padaku. Tapi terasa juga malunya kerana hadiah yang diberikan hanyalah bernilai RM40 sahaja.

“Ya saya tahu!” balasnya pantas. “Tapi kalau boleh, elakkan lukisan potret, lukislah misalnya landskap atau alam benda. Saya akan berikan sebuah kekuda lukisan kepada Rahmat sebagai keyakinan saya pada Rahmat.

“Saya juga akan bekalkan kertas cat air dengan kadar porosnya 0010 saiz A3 beberapa keping. Nanti sebulan lagi saya datang dan saya harap Rahmat dapat menunjukkan pada saya beberapa buah lukisan hasil tangan sendiri.”

“Hmmm... baiklah Encik Halim!” berat mulutku untuk menjawab kerana pastinya ia akan menjanjikan komitmen yang tinggi.

Lelaki bernama Halim itu lantas ke keretanya mengambil kekuda lukisan dan kertas lukisan yang terbungkus rapi.

“Kekuda lukisan ini untuk saya? Percuma atau saya harus membayarnya?”

“Ya, percuma,” jawab Encik Halim ringkas.

Kegembiraan menyimbah seluruh tubuhku. Sudah lama aku inginkan kekuda lukisan kayu sedemikian. Ia simbol kehebatan seorang pelukis.

Aku terus melamun dan kemudiannya membelek-belek kertas lukisan berporos itu dan mencongak-congak harganya. Pastinya mahal. Tapi yang lebih penting ialah catnya. Aku perlukan modal untuk membeli cat air mahupun akrilik.

“Rahmat tahu, kalau di Kuala Lumpur, pelukis potret amat mudah mencari makan. Duduk sahaja di tepi jalan dan tawarkan khidmat melukis potret. Orang akan datang dan sanggup membayar untuk lukisan potret mereka. Ramai yang berbuat demikian di belakang Masjid India.”

Aku terus tersentak dengan kata-kata Encik Halim itu. Jadi pelukis juga boleh mencari makan?

“Yakah? Boleh hidupkah dengan sekadar melukis?”

“Eh, ramai yang dah kaya Rahmat,” balas Encik Halim.

“Mereka pakai bahan apa?” aku terus bertanya.

“Pastel kapur!” jawabnya ringkas.

“Ohh! Saya tahu dan saya ada satu set pastel kapur tapi dari jenama murahan buatan China!” kataku dengan nada bangga kerana aku tidak ketinggalan dalam soal bahan yang digunakan.

“Selalu pelukis menggunakan jenama Rembrandt,” katanya.

“Agak mahal juga. Satu set kira-kira RM120!” tambahnya lagi. Hatiku mula mengesahkan bahawa dia juga pastinya seorang pelukis.

Kemudian aku tunjukkan padanya beberapa potret yang pernah aku lukis, antaranya potret mantan pemimpin Palestin, Yasser Arafat, Tunku Abdul Rahman, P. Ramlee dan tidak ketinggalan wajah nenekku. Dia membelek-belek sambil tersenyum.

“Ya, Rahmat ada bakat besar. Tapi saya nak nasihatkan Rahmat kena gunakan ‘*fixitive*’ sebagai penamat kepada lukisan pastel kapur ini. Ia akan mengilatkan lukisan dan warna-warna kapur itu tidak akan luntur,” katanya lagi sedangkan aku tercengang memikirkan apa




**Gambar hiasan. Bolehkah aku hidup dgnn sekadar melukis?**

dia *fixitive* itu. Hah! Pasti mahal harganya.

“Sememangnya mahal Rahmat. Itulah sebabnya lukisan yang dihasilkan dijual dengan harga yang mahal juga,” tambah Encik Halim lagi seperti dia tahu gundah-gulana hatiku memikirkan modal yang besar untuk menghasilkan lukisan yang baik.

Perbualan kami kemudiannya banyak menyentuh kerja-kerja pelukis jalanan di Kuala Lumpur. Kalau aku benar-benar ingin ke Kuala Lumpur Encik Halim mahu aku mencari Cikgu Din (aku tidak ingat lagi nama penuhnya, sama ada Nordin atau Zainuddin). Dia ialah Setiausaha Agung Angkatan Pelukis Se-Malaysia (APS) yang berpusat di Jalan Tun Razak berdekatan dengan Jalan Ampang. Dia pasti boleh membantu melalui persatuan jika aku mahu bergiat dalam bidang seni lukis, jelas Encik Halim.

“Ahh! Mana aku tahu tempat-



**Gambar hiasan. Pelukis jalanan sedang tekun berkarya.**

tempat itu semua!” bisik hatiku. Namun tertunas pula keinginanaku untuk ke Kuala Lumpur, mencuba nasib berbekalkan bakat melukis yang ada padaku.

“Berapa yang biasanya dibayar untuk sebuah lukisan potret?” Aku lantas bertanya dengan minatku yang perlahan-lahan membukit.

“Hmm! Pada sekeping kertas lukisan saiz A3, biasanya dibayar RM80-100, bergantung kepada kualiti seni lukisan itu dan persetujuan pelanggan.”

“Ohh boleh tahan juga ya bayarannya?” hatiku seperti mula didorong keinginan mencuba nasib di Kuala Lumpur.

Kami terus berbual tentang hal yang berkaitan dengan kerja-kerja melukis dan ketika waktu Asar berlabuh, lelaki bernama Halim itu meninggalkan kawasan rumah nenekku dengan keretanya.

Dua minggu kemudiannya, aku telah menyiapkan dua buah lukisan untuk Encik Halim. Aku

masih ingat, ia sebuah lukisan landskap seorang kanak-kanak yang sedang membawa bakul di tengah-tengah sawah; dan sebuah lagi merupakan lukisan sawah yang menguning dengan beberapa pesawah sedang membanting padi. Aku menggunakan cat air.

Latar tempat itu tidak lain merupakan kawasan persawahan di kampung aku juga. Aku memanipulasikan cahaya matahari pagi dengan bayang-bayang subjek yang melirik ke permukaan sawah.

Aku suka cat air untuk lukisan landskap sedemikian, terutamanya ‘basah atas basah’. Aku rasa aku ada kemahiran bermain dengan pelbagai warna cat air yang tercerna bersama permukaan basah yang terserap pada kertas dengan kadar poros yang tertentu.

Namun dalam hati kecilku, masih banyak yang perlu aku pelajari dan baiki. Sejak itu aku terus diasak dengan keinginan untuk terus

serius bergiat dalam bidang lukisan.

Pada satu malam tiba-tiba keinginanku untuk mencuba nasib di Kuala Lumpur mencecah kemuncaknya. Lantas aku membelek-belek buku bank simpananku, ada RM90. Kemudian aku teringat tabung buluhku dan perlahan aku pecahkannya agar tidak didengari nenek atau datuk. Kini semua wangku berjumlah RM150.

Cukupkah untuk survivaiku di Kuala Lumpur? Kalau aku makan roti canai, sekeping baru 30 sen (ketika itu tahun 1977). Kalau sehari aku makan tiga keping, harganya baru 90 sen. Dengan air sirap sebagai pembantu, mungkin aku perlukan RM1.50 sen sehari. Ah, pasti aku boleh hidup.

Aku juga membelek-belek batang-batang pastel kapur murahan yang aku beli di Tanjong beberapa bulan lalu. Aku juga masih ada beberapa keping kertas lukisan permukaan bergerigis murahan untuk lukisan pastel kapur. Lima keping semuanya.

Aku mula mencongak-congak tambang bas ke Kuala Lumpur. Tapi di mana aku akan tidur? ...Ahhh mana lagi masjidlah. Hatiku seperti tidak mahu mengalah. Pasti banyak masjid di sekitar Kuala Lumpur.

Namun kalau ada tempahan lukisan yang meyakinkan pastinya akan dapat membantu survivaiku. "Beranikah aku?" Itu satu persoalan yang harus aku hadapi sebagai lelaki. Namun Allah ada. Allah sentiasa melihat. Allah tidak zalim. Allah pasti akan bantu. Itulah

peganganku untuk membina keyakinan diri yang kadangkala amat tipis sekali.


Keesokan harinya, subuh-subuh lagi aku menghadap nenek dan datuk; meminta izin untuk mencuba nasibku di Kuala Lumpur. Aku pesankan pada nenek supaya menyerahkan lukisan yang telah aku siapkan kepada Encik Halim kalau dia datang, dan aku minta nenek sampaikan salamku padanya. Nenek mula berleter namun datuk hanya mendiamkan diri sahaja. Aku tidak pedulikan leteran nenek, aku sudah bertekad. Aku akan pergi juga.

Pukul 10.00 pagi itu aku sudah pun berada di Bank Simpanan Nasional. Aku keluarkan RM80 wang simpananku. Pihak bank tidak benarkan aku keluarkan kesemua RM90 yang ada, jika tidak akaun aku ditutup.

Sebuah beg kecil pakaian, sebuah bungkusan plastik yang membalut kertas lukisan serta lukisan potret karya tulenku dan sebuah kekuda pemberian Encik Halim.

Pada pukul 12.00 tengah hari aku sudah pun berada di stesen bas Butterworth berhampiran jeti ke Pulau Pinang. Aku tercongak-congak mencari kaunter tiket bas ke Kuala Lumpur.

Setengah jam kemudian aku sudah pun terlentok dalam bas yang mula bergerak menuju ke Kuala Lumpur. Apa nak jadi, jadilah, Allah bersamaku; aku anak lelaki yang tidak gentar dengan cabaran....

**(Bersambung).** 



# *Kubawa Hati Ini* untuk Ferris

**A** GAK lama *Mastika* tidak dengar cerita tentang Ferris! Sudah berakhirkah usaha Elis Mokhtar untuk mendapatkan permata keşayangannya ini?

Sebelum ini *Mastika* pernah siarkan kisah Elis berkempen untuk dapatkan semula Ferris menerusi lagu *Buaian Rindu* yang dicipta oleh Aesar Mustafa dan dinyanyikan oleh Arrora Salwa.


Apa dah jadi Elis?

Elis yang juga Pensyarah Jurusan Seni Bina di sebuah kolej swasta semasa ditemui baru-baru

ini mengaku dia menyepikan diri selama tujuh bulan dari perhatian pihak media sebab tiada apa yang perlu diceritakan lagi.

Sejak Ferris dilarikan bekas suaminya pada 5 Mac 2009 lalu sehingga sekarang, tiada sebarang berita susulan diterimanya.

“Saya tak mahu keluar masuk akhbar hanya sekadar nak dapat perhatian semata-mata. Untuk apa lagi saya keluar surat khabar atau majalah? Cukuplah air mata ini berjurai tiap kali ditemu ramah, malangnya semua itu tidak dapat



**Kenangan bersama Ferris, saat anaknya masih dalam dakapannya.**

mengubah keadaan pun,” sambung Elis lagi.

Pada awal tahun lalu, Elis Mokhtar muncul semula di dada-dada akhbar dan di kaca televisyen mencanangkan produk rilisan terbaru hasil nukilannya, sebuah novel fiksi berjudul *Kubawa Hati Ini* terbitan Alaf 21.

“Sekurang-kurangnya ada perkara yang perlu saya ceritakan berkenaan dengan usaha saya untuk mendapatkan Ferris semula. Kali ini saya nekad, biarlah saya buat sendiri,” jelas ibu tunggal ini lagi.

Selama perjuangannya itu, Elis amat berterima kasih kepada para wartawan kerana banyak membantu menjadikan kes perebutan hak penjagaan Ferris diketahui ramai.

Penulis sempat membelek beberapa helai novel karangannya, tak dinafikan penggunaan bahasa Melayu dan sastera yang agak berat

pengisiannya. Agak-agak Elis, rakyat Malaysia dapat terima novel yang berbentuk sedemikian?

“Insya-Allah, dengan penambahan sedikit ilmiah, saya percaya rakyat Malaysia boleh membaca novel saya. Sekiranya pembaca tidak dapat menghadamkan isi yang tersirat dalam novel ini, maka ia menjadi rahsia!” sambungnya lagi.

Elis menceritakan sejak kecil lagi dia banyak membaca novel, khususnya karya para sasterawan negara kita dan Indonesia. Bapanya, seorang guru, sangat gemar membaca dan mengumpul novel karya Hamka.

Banyak novel hasil karya Hamka menjadi bacaan Elis sejak kecil lagi seperti *Di Bawah Lindungan Ka'abah*, *Merantau Ke Deli* dan *Terbenamnya Kapal Van Der Wijk*.

Malah novel *Hartini* karya Aziz Afkar turut dibaca Elis lebih daripada lima kali!



**Elis Syuhaila Mokhtar diwawancara DJ Mansor dalam slot webtv 'Apa khabar Selangor'.**

“Akhirnya kini, seakan tidak percaya saya mampu menghasilkan sebuah novel pula!” katanya.

Elis mengakui pastinya dalam penulisan novel ini, dia banyak terpengaruh dengan stail penulis besar antaranya pengaruh Sasterawan Negara, Arena Wati, terutama dalam novel *Sakura Mengorak Kelopak* dan *Kuntum Tulip Biru* yang dibacanya semasa berumur 12 tahun.

Tidak terkecuali, wanita ini menjadikan Sasterawan Negara, Profesor Emeritus Datuk Haji Shahnun Ahmad sebagai idolanya dalam penggunaan bahasa kasar dan tegas dalam pembinaan plot novel *Kubawa Hati Ini*.

Olahan secara deskriptif penulis pujaannya, Sasterawan Negara, S. Othman Kelantan turut menjadi tunjang pembinaan struktur ayat dalam penulisannya.

Novel pertama Allahyarham S. Othman Kelantan yang menjadi rujukannya ialah *Ustaz* (1991).

Novel inilah yang telah memberi sumber inspirasi kepada ibu malang ini apabila mula berjinak-jinak melahirkan hasil penulisannya sendiri.

Menurutnya lagi, helah penggunaan dan manipulasi ayat banyak terpengaruh dengan tulisan A. Samad Said, yang mana boleh dikatakan pada setiap penulisan beliau penuh dengan kata-kata yang tersurat dan tersirat.

Sekiranya diberi peluang, Elis ingin menghulurkan novel hasil tulisannya kepada para sasterawan tadi sebagai tanda penghargaan.

“Mereka lah sumber inspirasi saya, melalui tulisan-tulisan mereka lah juga punca saya zahirkan rentetan hidup sebenar saya dalam bentuk novel!” katanya sambil tersenyum.

Walaupun perolehan jualan novel ini bakal mengambil masa, tetapi itu tidak melemahkan semangat Elis untuk terus berkarya. Sekurang-kurangnya wanita kental ini berusaha daripada mendiamkan

diri dan hanya mengharapkan bulan jatuh ke riba.

“Saya percaya qadak dan qadar. Selagi termampu, saya akan tetap berusaha! Demi anak saya Ferris!” katanya berkobar-kobar.

Kini wanita ini sedang menulis novel kedua yang mengisahkan anaknya, Ferris. Dalam rilisan keduanya itu, Elis akan menceritakan bagaimana rentetan penderitaan kehilangan anak itu dan bagaimana dia bangkit meneruskan hidup ini tanpa putus asa memperjuangkan untuk mendapatkan anaknya kembali.

“Saya cuba untuk menyiapkan secepat mungkin. Semoga ia akan menjadi inspirasi pada semua para ibu. Insya-Allah!” katanya ringkas.

Bagi menggandakan usahanya, Elis juga turut membuat lukisan. Antaranya, lukisan catan yang menggunakan media akrilik atas kain kanvas. Ia bertemakan landskap atau lebih tepat lagi ‘urbanscape’ yang menggambarkan

“*Sekiranya diberi peluang, Elis ingin menghulurkan novel hasil tulisannya kepada para sasterawan tadi sebagai tanda penghargaan*”

bangunan-bangunan atau rumah-rumah yang diolah secara abstrak.

Lukisan-lukisan ini menggambarkan bandar-bandar di Eropah yang pernah beliau diami selama berkahwin bersama bekas suaminya. Konsep warna-warni diterapkan sebagai simbolik akan kerinduan terhadap anaknya, Ferris.

“Setiap kali merenung lukisan yang telah siap, tergambar di mata saya bagaimana keletah anak saya akan menolak kereta-kereta kecil mainannya ke atas lukisan tersebut! Seolah-olah saya melukis ‘trek’ untuk kereta-kereta mainan kecil anak saya...” katanya sambil bergenang air mata.

Menerusi nada perbualannya, jelas semangat wanita ini masih membara mahu mendapatkan kembali anaknya Ferris. Kini dia bergerak seorang diri, setelah seakan bosan menunggu harapan dan janji-janji kosong beberapa pihak yang kononnya mahu membantunya selama ini.

Hmm, nampaknya perjuangan Elis masih belum selesai dan kerinduannya pada Ferris tidak kunjung padam! Selamat berjuang Elis!  
– Mohd. Nazirul Afiq Ismail. 







# Pancing ikan atau RM?



Uploader: LeeSha / Url: <http://torrent.jiawang.cc>

**P**UKUL 10.00 malam, Yusof Harun, 38, atau lebih dikenali dengan panggilan Usop Hudlar meramas-ramas roti yang telah dipotong umpama dadu.

Roti itu sudah dicampur dengan cecair berwarna merah, merah pekat macam darah! Apa yang dicampur pada roti itu?

“Hah! Kalau aku cakap nanti kau kata aku menipu, bini aku datang bulan, aku campurkan dengan roti ni bagi *power* sikit. Kah! Kah! Kah!” usik Usop sambil ketawa terbahak-bahak. Boleh tahan juga lawak antarabangsa brader ni! Sabar je lah kan.

“Roti ni aku campur dengan perisa strawberilah, bagi tarikan sikit pada ikan. Nak campur perisa lain pun boleh macam pandan dan vanilla,” jelas Usop sambil melekatkan roti yang sudah digaul dengan perisa strawberi itu pada mata kailnya.

Ish! Ikan zaman sekarang berselera besar ya, bang! Betul ke, roti kena campur perisa baru ikan hendak makan?

“Eh, ikan sekarang ni dah pandai pilih terutama ikan patin, rohu dan tongsan. Kah! Kah! Kah! Tapi kalau dah rezeki bagilah umpan apa pun ikan makan juga. Perisa ni sebagai pemikat dan daya penarik kepada ikan-ikan dalam kolam ni,” beritahu Usop.

ZZZUUUUPPP!

Usop melontarkan umpannya ke dalam kolam. Agak-agaknya ikan apalah yang bakal menyambar umpan si Usop kali ini?

Malam itu juara akan membawa



“Roti ini dicampur perisa strawberi untuk mengumpan ikan.” - Yusof Harun.

pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10 ribu. Bukan RM20 ribu seperti diuar-uarkan sebelum ini. Huh! Lumayan juga. Siapa yang tidak teruja dengan hadiah yang dipertaruhkan!

Sebaik siren dibunyikan, penulis lihat tidak kurang dari 500 orang kaki pancing membanjiri Kolam Pancing Seven Lakes yang terletak di Kuala Pajam, Selangor.

Penulis juga tidak ketinggalan turut bersama Penolong Pengarang *Mastika*, Encik Sahidan Jaafar kita yang ingin merasai demam joran. Hmmm! Bayaran masuknya boleh tahan juga RM50 sejoran.

Sebenarnya penulis dan Sahidan datang bukan hendak rebut hadiah cuma hendak tahu bagaimana rasanya apabila diserang sindrom ‘gila memancing’. Penulis pun hairan, macam mana orang jadi gila joran sekarang! Hendak pancing ikan atau RM?

Kami lihat rata-rata yang datang berkobar-kobar, tali pancing berselirat. Baru hendak lontar umpan,



**Wow! Hadiah pertandingan memancing makin lumayan. Ramai kaki pancing meleleh air liur!**

ada pemancing yang mengomel: “Helo brader, nak baling tu agak-agaklah!”

Hai! Marah ke? Maaflah penulis pendatang baru dalam dunia pancing memancing. Inilah baru kali pertama pegang joran.

Maklumlah, semasa membaling ada umpan dedak yang terburai dan berdentum dalam kolam.

Sementara menunggu umpan mengena, Usop berkongsi pengalamannya selama 18 tahun ‘berkhidmat’ sebagai kaki pancing.

Hmmm... elok juga tu Bang Usop, tidaklah bosan sangat menunggu ikan membaham umpan. Pastinya kaki pancing macam Usop punya banyak cerita menarik untuk dikongsikan dengan penulis dan semua pembaca *Mastika*.

Jom kita dengar cerita Abang Usop yang berasal dari Sik, Kedah...

### Memancing hilang panas baran!

**M**ENGIKUT cerita Usop, beliau minat memancing sejak kecil lagi. Ketika itu Usop selalu memancing apabila selalu mengikut arwah ibunya

memancing di sungai dan sawah.

“Masa tu saya pancing ikan puyu, keli dan haruan. Dulu tak pakai batang joran macam sekarang ni, arwah mak buatkan saya joran dengan batang bertam,” cerita Usop.

Setiap kali memancing, Usop mesti ikut ibunya. Kalau tidak diajak Usop menangis sampai meraung-raung.

“Keluarga kami bukan orang senang, kami orang susah. Kalau tak memancing tak ada lauklah kami nak makan, jawabnya makan nasi dengan garam sajalah!” imbau Usop lagi.

Sedih juga dengar kisah silam Usop. Sambil itu mata Usop tidak lepas memerhatikan tali pancingnya. Usop terus bercerita bagaimana dari mengikut ibu itulah minatnya semakin mendalam biarpun sudah bertugas sebagai anggota tentera.

Biarpun pernah bertugas sebagai tentera tapi minatnya tidak pernah padam untuk memancing.

Ketika ditanya, adakah Usop mengamalkan apa-apa petua, bekas anggota tentera itu memberitahu: “Memang ada pakai petua!”

Petua macam mana tu? Ada bawa besi hikmat ke?

Usop menafikan dia menggunakan petua mengarut seperti itu. Lagipun ikan dalam air bukan peduli kita bawa besi hikmat atau tangkal tetapi hendak makan umpan.

“Kalau umpan kena dengan selera ikan, disambarnya!” beritahu Usop.

Petua yang dimiliki Usop bukan karut-marut tetapi ilmu macam mana hendak kawal panas baran.

“Memancing ni nampak mudah tapi kita kena ada kesabaran yang tinggi. Saya pernah minta nasihat daripada seorang orang tua di kampung, minta ilmu macam mana nak tingkatkan sifat sabar sebab saya ni mudah panas baran.

“Pesan orang tua tu dua sahaja: Pertama dia suruh saya jangan tinggal solat. Kedua: Dia suruh saya pergi memancing. Alhamdulillah bila saya memancing, saya dapat sifat sabar dan saya tak panas baran lagi macam dulu!”

Alamak, penulis ingatkan tadi ada jampi serapah rupa-rupanya, jangan tinggal solat dan suruh memancing. Dengar tu pembaca sekalian, walaupun gila memancing, jangan lupa solat.

Ingat rezeki anugerah Allah, kalau kita hendak memancing tapi tidak sembahyang lima waktu macam mana tu? Rezeki tak berkat!

Usop terus bercerita...

Tapi sifat sabar yang dicari tidak semudah itu diperolehnya biarpun selepas dinasihatkan pergi memancing.



Hah! Inilah Angah (kiri) joran kesayangan Usop Hudlar.

“Akibat sikap saya yang tak berapa nak sabar, tujuh set joran saya bersemadi dalam lombong sebab tali joran asyik sangkut.

“Tiga kali tali tersangkut terus saya campakkan ke dalam lombong. Tapi lama-kelamaan saya jadi orang yang sabar dan tak mudah melatah!” imbau Usop lagi.

Seronok dengar cerita Usop. Ketika itu suara pihak urus setia kedengaran mengumumkan ada tangkapan oleh peserta memancing malam itu.

Seorang demi seorang mengena. Ada nama Joko Joranlah yang dapat ikan, Raden Baguslah dan lain-lain. Tapi pancing penulis dan Sahidan tidak mengena! Pancing Usop pun masih tidak disentak ikan lagi.

Usop terus bercerita kisahnya yang minat memancing.

Selepas dipencenkan dari tentera atas masalah kesihatan pada 2005, Usop terus jadi pemancing sepenuh masa. Ketika itu anak sulungnya baru berusia lapan tahun. Bermakna

sekarang sudah 18 tahun Usop jadi pemancing sepenuh masa.

Hebat tu Abang Usop, pernah dapat ke hadiah, duit hasil pertandingan memancing?

Usop mengangguk. Tapi belum sempat bercerita...

“Wooo! Kena dah! Kena dah nil!” tiba tiba seorang pemancing di seberang kolam terpekik terlolong memberi tahu umpannya sudah mengena. Tidak lama kemudian terdengar pengumuman seekor ikan patin seberat lima kilogram berjaya ditangkap!

Usop memerhatikan jorannya, nampaknya belum ada tanda-tanda umpannya diusik ikan. Begitu juga dengan umpan yang digunakan penulis, walaupun umpan yang digunakan mahal tapi masih belum berjaya menjerat ikan.

Tidak mengapa pertandingan berakhir pukul 2.00 pagi, masih ada dua jam lagi sebelum masa tamat. Hendak tahu umpan apa yang digunakan penulis?

Kita sambung cerita Usop Hudlar dulu, panjang lagi ceritanya... Tidak sabar *Mastika* hendak dengar cerita seterusnya, teruskan Usop...

## Raih habuan lebih RM200 ribu

USOP memberitahu sepanjang 18, tahun terlibat dalam pertandingan memancing, dia berjaya meraih habuan lebih RM200 ribu. Kesemua wang tunai itu diperoleh hasil pertandingan yang disertainya.

“Saya bukan nak cakap besar atau nak bangga diri, tapi alhamdulillah berkat hasil duit memancing inilah saya berjaya membesarkan dua orang anak perempuan saya.

“Dengan duit hasil hadiah memancing ini jugalah saya dapat beli 12 ekar tanah dan dua buah rumah, sebuah rumah teres di kampung dan sebuah lagi rumah flat yang saya tinggal sekarang,” cerita Abang Usop lagi.

Usop mengakui kerjanya hanya memancing sepenuh masa. Tapi, tidak mahu memancing suka-suka di sungai dan kolam. Beliau hanya memancing dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan sahaja.

“Sebabnya saya memancing untuk duit bukan untuk ikan,” akui Usop.

Malah, batang joran dan mesinnya diibaratkan Usop bagaikan suami dan isteri, tidak boleh dipisahkan.

**Umpan yang diperam Usop untuk masuk pertandingan memancing.**



**Memang berbaloi sebab lebih RM200 ribu berjaya dimenangnya.**



Batang joran adalah suami mesinnya adalah isteri.

“Setiap set joran saya ada nama yang saya bagi. Macam yang saya gunakan sekarang, yang ini namanya Angah. Angah paling saya sayang sebab Angah dah banyak naikkan ikan.

“Achik dan Andak ada dalam bonet kereta, *standby* kalau-kalau Angah buat pasal! Kah! Kah! Kah! Kah! Dalam banyak-banyak set joran saya ada satu batang joran yang paling panjang namanya Pak Long. Pak Long ada saya simpan dekat rumah kalau nak tengok datangnya ke rumah panjangnya 15 kaki,” cerita Usop lagi.

Sudah banyak pertandingan dimasukinya, Usop pernah menang seribu ringgit, RM15 ribu dan paling sedikit RM100 pun ada juga.

“Banyak sangat dah menang hadiah sampai saya tak ingat. Kalau nak cerita semua empat hari empat malam pun tak habis!” cerita Usop.

### **Kena sakat hantu laut!**

Sepanjang 18 tahun pengalaman memancing, Usop tidak dapat melupakan insiden menakutkan ketika bersama dengan 14 rakan pemancing di laut berdekatan Kuching, Sarawak.

Kisah seram itu berlaku ketika Usop masih dalam tentera lagi.

“Masa tu kami tengah memancing di tengah laut dengan menaiki sebuah bot. Kawan-kawan saya duduk di bahagian belakang bot, saya pula duduk dekat belakang

dekat enjin bot.

“Ketika saya sedang memancing tiba-tiba muncul satu lembaga berbulu berwarna hitam. Saya rasa lembaga itu hantu air.

“Lembaga itu timbul dari dalam air, kedua-dua tangannya memaut belakang bot. Besar! Lembaga itu memang besar dan tinggi! Semua kawan-kawan saya lari masuk ke dalam rumah bot!” cerita Usop

Usop pula tidak dapat berbuat apa-apa, nak lari pun tak boleh sebab tergamam, terkejut dengan kewujudan lembaga hitam itu.

“Lembaga itu tarik bot kami ke tengah, memang jauh saya kira ada dalam 300 meter lembaga itu tarik. Daripada boleh nampak daratan sampai tak nampak darat. Masa itu saya hanya ingat untuk laungkan azan, selepas laungkan azan barulah lembaga itu melepaskan bot kami dan hilang!” katanya

Tapi kejadian itu tidak mematahkan semangat Usop untuk teruskan minatnya memancing.

“Malam itu umpan saya dibaham ikan yu yunan seberat 91 kilogram. Sejam setengah bertarung barulah saya dapat naikkan ikan yu itu. Itulah ikan paling berat pernah saya daratkan dalam hidup saya...” cerita Usop tersengih.

### **Minggu lepas menang RM34 ribu!**

**P**ANJANG betul cerita Usop sampaikan tak sedar masa berlalu. Masa pertandingan tinggal lima minit sahaja lagi. Aduiiii! Apa cerita pula kita ni?

“Sabar kalau ada rezeki tu adalah ikan yang makan kejap lagi. Kalah menang tu adat bertanding,” ujar Usop sambil menukar umpan.

Masa berbaki dua minit, penulis dan Usop mencuba lagi meskipun sudah di minit-minit akhir.

“Memancing ni kena sabar, tak boleh gopoh-gopoh. Nak mengharap sangat pun tak boleh, rezeki Tuhan yang tentukan. Kalau takdir kata menang malam ni kejap lagi pasti ada ikan sambar umpan,” kata Usop.

Tiba-tiba tali pancing Usop bergoyang, Hah! Dah mengena ke umpannya? Usop geleng-gelengkan kepalanya sahaja sambil mencebik bibir. PRRREETTTTTT!!!

Wisel penamat ditiup. Aduh! Tak ada rezekilah penulis nampak gayanya. Sia-sia sahaja penulis beli satu beg cacing dengan harga RM2.50, seekor ikan pun tak sudi hendak jamah, ciss! Lahanat betul! Rasanya inilah umpan yang cukup digemari semua golongan dan peringkat usia ikan. Lepas ni kena cuba roti berperisa pulalah.

“Dah tak ada rezeki nak buat macam mana Erwan, kita cuba lain kali pula,” beritahu Usop kepada penulis.

Tenang sahaja muka Usop, siap boleh sengih-sengih lagi, kenapa?

“Biarlah bagi orang lain pulak, minggu lepas baru je menang,” ujar Usop tersenyum.

Me... me... menang! Minggu lepas? Kat mana Usop menang?

“Minggu lepas 13 Januari saya dah menang kat Kolam Pancing Seri

Bayu Tekala, Semenyih. Dapat ikan patin seberat 13 kilogram, menang tempat pertama, RM34 ribu,” balas Usop.

Fuhhh! RM34 ribu! Banyak tu! Rupa-rupanya Abang Usop sudah menang besar patutlah dia senyum lebar sahaja. Esok ada pertandingan lagi dekat Pusat Rekreasi Air di Wetland, Putrajaya sempena Hari Wilayah Persekutuan dan Wetland.

Abang Usop pergi tak?


“Mestilah pergi, kalau tak pergi saya terpaksa bagi MC, ialah kerja saya kan memancing. Kah! Kah! Kah! Kah!” balas Usop.

Memang Abang Usop kaki pancing. Pagi itu kami balik pukul 3.00 pagi. Esok pukul 7.30 Abang Usop sudah terpacak di Putrajaya ikut pertandingan memancing.

Sebelum berpisah malam itu kira-kira pukul 3.00 pagi, Abang Usop sempat berpesan: “Memancing memang bagus, selain dapat ikan, memancing dapat didik diri kita jadi orang yang penyabar. Tapi ingat pancing ikan bukan pancing perempuan tau! Kah! Kah! Kah! Kah!”

Pembaca semua ada yang kaki pancing? Kalau ada perturunkanlah serba sedikit petua dan ilmu untuk dikongsi dengan *Mastika*.

Encik Sahidan apa pula cerita di Putrajaya? Dah banyak peserta dapat ikan? Dengar kata Encik Sahidan orang Pahang, pandai pancing ikan, serata ceruk lubuk sungai pernah pergi?

Apa cerita di Putrajaya? – **Muhd. Ridhwan Abdul Jalil@Erwanz** 

## ”کمبالیکن حق ایت کڏ ڦمیلیقن!“

سواتو هاري، ابو جعفر منصور ساورغ نلاين یغ صالح برجای منگکڏ  
سایکور ایکن. مالغن سبلوم سمثت ممباوا ڦولغ، ساورغ ڦغالو کراجان  
مرمقس ایکن ترسبوت دان مموکولن.

لالو ابو جعفر بردعاء: ”یا توهنکو، اڱاوتله منچیتاکن اکو دالم  
کادان لمه دان اڱاوتله چیتاکن دي دالم کادان کاڱه ڦرکاس سهیڱک دي  
داقت مغانیای اکو. کواساکنله دي ڦد ساتو مخلوق دان جادیکن دي سباڱاي  
ڦلاجرن باڱي سموا قوم مسلمین!“

ستله ڦغالو کراجان ایت تيبا درومهن، دي مڱوریه ایکن ترسبوت.  
کتیک ملتقن ایکن ایت داتس هیدغن، تیدق سمناسمنا ایکن ایت مپغتن  
دغن ایذین الله.

تاغن یغ ترتوسوق دوری ایکن ایت برتمبه ڦاره دان اولت ممان  
تاغن. ڦغالو ایت تیدق ترتهان لاکي دان تاغن ترڦقسا دڦوتوغ. تاڱي  
اولت ایت منجالر کلغن ڦولا دان ترڦقسا دڦوتوغ.

تیدق لاما کمودین، ڦغالو ایت ترتیدور دان برمیڱي تردغر سوارا  
برکما: ”کمبالیکن حق ایت کڏ ڦمیلیقن، اکر اڱاوتله سلامت دري ڦپاکیت  
این!“

ستله ڦغالو ایت ترباغون دي مپدري ایکن یغ درمڱس دري ابو  
جعفر منصور. ڦغالو ایت منموئی ابو جعفر دان ممبریڱ سڦولوه درهم  
دان مینتا دحلالکن.

سلس ابو جعفر مڱحلالکن، برجاتوهنله اولت دري تاغن ڦغالو یغ  
ترلوک عقیبه توسوکن دوری ایکن ایت. اخیڱ تاغن ڦغالو ایت سمبوه  
سڦرتي سدیا کالا دغن ایذین الله.





## Sanggup berembun, tidak tidur semalaman!

**T**ERIMA kasih Erwan, saya kini sedang berada di Pusat Rekreasi Air Wetland di Putrajaya. Saudara nak tahu, selepas kita habis memancing di Kolam Seven Lakes bersama Abang Usop kira-kira pukul 3.30 pagi, saya terus pergi ke Putrajaya. Selepas minum, saya sampai di sana lebih kurang pukul 5.00 pagi.

Erwan nak tahu, dah ramai pemancing tiba, ada yang siap berkhemah bawa anak isteri masing-masing. Ramai juga pemancing yang masuk pertandingan di Kolam Seven Lakes turut datang ke sini. Tapi muka Abang Usop belum nampak!

Bersemerangat sungguh kaki pancing! Mungkin rezeki mereka

tidak ada di kolam, sekarang mereka hendak cuba nasib di tasik pula. Manalah tahu pancing direntap ikan.

Sebenarnya saya sengaja datang awal walaupun pertandingan hanya bermula pukul 7.30 pagi. Saya hendak tahu benarkah orang sanggup tak tidur bila dah gila memancing. Malah saya sendiri sudah naik gila sama!

Memang benar. Kalau sudah gila memancing. Tak tidur semalaman pun tak apa. Rata-rata pemancing yang tiba awal di Wetland ini mencari lokasi paling strategik untuk memancing. Ada yang memilih tempat berhampiran jambatan, dan serata ceruk tasik.

Hasil pemerhatian saya, paman-

cing berlonggok bersama rakan-rakan, sanggup tidak tidur. Mereka asyik berbual, menghisap rokok sambil menyediakan umpan, membetulkan joran, bersiap-siap hendak masuk pertandingan.

Saya temui seorang pemancing bernama Mohd. Zumali Bahrian, 34, yang datang bersama anaknya, Alim Akmal, 9. Zumali datang seawal 5.30 pagi.

Zumali kiranya kaki pancing tegar. Zumali mengaku dia memang syok memancing tidak kira parit, sungai, lombong atau pantai. Inilah pertama kali Zumali membawa anak lelakinya, Alim Akmal.

“Malam semalam, saya balik pukul 5.45 pagi. Pagi ni datang lagi ke Putrajaya 5.30 pagi!” beritahu Zumali.

Kalau bukan calang-calang pemancing tentu tidak sanggup berembun sampai pukul 5.45 pagi di kolam, kemudian sanggup bangun pukul 5.00 pagi esoknya semata-mata hendak masuk pertandingan.

Pembaca sanggup ke?

Berbalik cerita Zumali tadi, beliau mengaku baru tiga kali masuk pertandingan termasuk Pertandingan Joran Kota di Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur.

“Pernahlah dapat hadiah hamper!” beritahu Zumali jujur.

Tidak lama lagi mungkin Zumali akan jadi pemancing tegar seperti Abang Usop kita. Mungkin Zumali akan menang hadiah RM34 ribu macam Abang Usop.

Isteri tak marah ke memancing tengah malam buta, subuh baru balik?

“Orang rumah tak marah, *sporting!*” beritahu Zumali tersengih.

Memang bukan semua isteri suka suami memancing sampai dinihari. Kiranya Zumali bertuah! Zaman sudah berubah!

Saya pernah temui suami isteri keluar bersama-sama memancing. Isteri sanggup tidur di bangsal memancing bersama anak-anak semata-mata memberi sokongan kepada suami! Nanti saya cerita kisah isteri solehah ini!

Erwan, memang meriah di Pusat Rekreasi Air di Wetland ini, macam pesta. Ribuan pemancing membanjiri dataran sekitar tasik ini.

Masing-masing sudah bersedia. Sebaik siren dibunyikan pukul 7.30 pagi, bunyi deburan pancing dihumban ke tengah tasik jelas kedengaran. Seronok betul melihat lebih 1,000 orang kaki pancing berpesta!

Bur! Bur!

Saya terus melilau mencari pemancing tegar untuk diwawancara.



**“Orang rumah tak marah memancing,” Zumali ditemani anaknya Alim Akmal.**

Ramai yang menyapa apabila melihat *Mastika* datang.

Saya temui seorang kaki pancing yang asyik menggaul dedak untuk dijadikan umpan. Hah! Ini pasti gila memancing. Lihatlah pancingnya panjang dua kali ganda joran biasa, boleh pancing ikan di laut.

"Pancing ni sebua boleh, laut, tasik semua boleh!" beritahu Mohd. Aris Maarof, 42.

Abang Aris memang tidak lokek bercerita pengalamannya memancing sejak berusia 10 tahun lagi untuk pembaca *Mastika*.

### Belanja RM800 sebulan untuk memancing

**A**BANG Aris mengaku memancing bukan kerja senang. Banyak duit habis semata-mata untuk keluar memancing.

Abang Aris tidak kisah sanggup berhabis duit asalkan hatinya puas!

"Sebulan RM800 habis. Seminggu RM200 saya labur untuk memancing!" beritahu Abang Aris jujur.

Pelbagai tempat sudah dijelajahi Abang Aris, dari tasik, kolam dan pantai untuk mencari kepuasan memancing.

Abang Aris puas tak?

"Memancing ni mana ada puas, macam kita makan, setiap hari kita mesti nak makan!" cerita Abang Aris lagi.

Sedang rancak berbual tiba-tiba pancing Abang Aris disentak. Abang Aris terus merembatnya seolah-olah bermain golf.

Nampaknya joran Abang Aris mengena kali ini. Ya, air tasik bergelombang. Rakan-rakan bersorak. Abang Aris terus bertarung melayan



**Abang Aris menunjukkan ikan jelawat yang berjaya dipancingnya seberat enam kilogram.**

ikan yang sedang cuba dinaikkan ke daratan.

Nah! Memang berbaloi Abang Aris datang ke Wetland! Nampaknya tuah Abang Aris cerah nak jadi juara meraih RM5,000.

Orang lain belum dapat apa-apa lagi tapi Abang Aris sudah mengena seekor ikan patin seberat tiga kilogram!

Tapi bagi Abang Aris, patin yang baru ditangkap ini belum seberapa besar. Abang Aris percaya ada lagi ikan yang lebih besar mendiami tasik ini.

Ini baru permulaan. Abang Aris membawa ikan untuk ditimbang. Tidak lama kemudian Abang Aris kembali semula ke lokasi tempatnya memancing.

“Memancing ni kira rezeki! Tak ada siapa tahu! Ini kuasa Allah belaka! Kalau ada rezeki, dapatlah!” akui Abang Aris lagi merendah diri.

### Penantian Raja Sungai selama 15 tahun berakhir...

**H**ARI semakin panas. Jam sudah menunjukkan pukul 10.00 pagi. Abang Aris tetap setia meletakkan umpan baru pada mata pancingnya.

Tidak lama kemudian sekali lagi



**Abang Aris muncul johan dan menerima RM5,000 dari Presiden Perbandaran Putrajaya Tan Sri Samsudin Osman.**

joran Abang Aris bergoyang. Kali ini lebih kuat sentapannya. Abang Aris membalasnya dengan sentapan penuh bertenaga. Hujung jorannya menunduk. Air berkocak hebat!

Bur! Bur!

Abang Aris bertarung sekali lagi! Tali digulung perlahan-lahan. Setelah bertarung kira-kira lima minit, barulah ikan tersebut berjaya ditumpaskan dan dinaikkan ke daratan...

Pemancing lain bersorak dan bertepuk meraikan kehebatan Abang Aris berjaya menundukkan seekor ikan jelawat besar, bersisik keemasan.

Abang Aris bersyukur akhirnya penantian selama 15 tahun untuk menundukkan jelawat berakhir.

“Dah 15 tahun saya tak dapat jelawat. Inilah rezeki yang saya tunggu-tunggu!” beritahu Abang Aris.

Berdasarkan pengalaman Abang Aris memang sukar untuk memancing jelawat sebab jelawat yang mendapat jolokan raja ikan sungai ini bukan mudah ditangkap.

Jelawat biasanya bermain di kawasan jeram dan arus sungai yang deras airnya. Lokasi Abang Aris memang tepat sebab jelawat besar ini bermain arus di bawah jambatan Wetland.

“Lepas ini bolehlah kahwin, buat gigi palsu!” usik seorang wanita yang berada berdekatan Abang Aris.

Abang Aris tersengih menampakkan giginya yang rongak. Abang Aris sudah lali, dia tidak kisah dengan usikan begitu.

Ikan jelawat yang baru dinaikkan ke daratan oleh Abang Aris dibawa oleh petugas pertandingan untuk ditimbang.


Wah! Beratnya enam kilogram!

Berdasarkan tangkapan kedua Abang Aris ini pastinya tiada orang lain dapat menandinginya.

Lagipun hari sudah tengah hari. Tempoh memancing sudah hampir tamat. Pukul 12.30 tengah hari nanti berakhirlah pertandingan memancing.

Benar, hari itu Abang Aris dinobatkan sebagai juara memancing sempena Hari Wilayah Persekutuan 2011 dan Hari Wetland Sedunia. Abang Aris dapat RM5,000.

Hmm! Tahniah Abang Aris! Bila lagi nak kahwin? Jangan asyik memancing je! Sekarang bukan macam dulu, gadis-gadis kita ramai yang gila memancing. Manalah tahu bertemu jodoh dengan gadis yang gila memancing!

Tak percaya? Baca cerita sebelah... – Sahidan Jaafar. Foto: Ismail Kamadin. 

Mastika

MUTIARA KATA

\*\*\*\*\*

Wanita

*Nafsu mengatakan wanita itu cantik kerana rupa parasnya.  
Akal mengatakan wanita itu cantik kerana ilmu dan kepandaiannya,  
Hati mengatakan wanita itu cantik kerana akhlak dan imannya.*

\*\*\*\*\*

Sahabat

*Sahabat yang beriman ibarat matahari yang menyinari semesta alam.  
Sahabat yang setia ibarat wangian yang mengharumkan si pemakai.  
Sahabat sejati ibarat pendorong impian untuk mencapai kejayaan.  
Sahabat berhati mulia ibarat penyuluh membawa ke jalan Allah.*



## Hmm! Layan pancing atau dot! dot!

**S**ELEPAS ikut pertandingan memancing di Wetland Putrajaya, *Mastika* masih tidak puas hati. *Mastika* masih belum dapat jawapan konkrit mengapa orang kita gila memancing.

Fenomena begini tak ditemui di negara lain, hanya Malaysia saja yang ramai kaki pancing! Kalau Abang Usop gila memancing sebab hendak hadiah memang patut, berbaloi dapat beli rumah, tanah, motosikal hasil duit hadiah memancing. Begitu juga dengan Abang Aris, sekali masuk berbaloi dapat RM5,000!

Tapi, ini yang tak masuk apa-apa pertandingan, mengapa mereka sibuk pergi memancing?

Adakah mereka sengaja hendak buang masa, hendak makan ikan atau memancing ikan ini memang

kerja gila, macam gila karaoke, gila burung, gila bola atau lain-lain.

Petang berkenaan selepas habis pertandingan di Wetland Putrajaya, *Mastika* pergi meninjau aktiviti memancing di kolam ikan Coffe Village berhampiran Desa Pinggiran, Putrajaya.

Hah! Di sini memang meriah. Ramai muda-mudi datang memancing. Maklumlah di Coffe Village ini ada Restoran Beriani Gam, ada tempat karaoke dan menyediakan kemudahan memancing yang selesa. Boleh bawa anak isteri sekali.

Sebaik parkir, *Mastika* lihat ramai betul orang memancing hari itu. *Mastika* dapat tahu pada sebelah malam lagi ramai. Malam tadi khabarnya ada pertandingan *jack-pot*. Alamak macam main judi

pulak! Hadiahnya lumayan. Ada hamper, wang tunai RM800 dan karaoke.

Patutlah selama ini ramai betul orang gila memancing. Bukan memancing suka-suka tapi ada hadiah menanti! Ada karaoke, ada makan-makan. Tapi *Mastika* nak tahu juga kaki pancing yang tak masuk pertandingan, sekadar buang masa tepi kolam, apa yang mereka gila sangat memancing tu!

*Mastika* temui empat anak muda yang asyik memancing. Tapi... yang peliknya datang empat orang tapi pancing ada satu, macam mana tu? Wah, lagi satu ada pula pemanis seorang di tengah-tengah tiga kumbang, si gadis ayu yang bermata layu!

“Bab memancing memang syok bang! Layannnn! Tarik pancing dapat rasa, nikmat,” beritahu Saiful Aris, 20.

Saiful memberitahu mereka semua ada joran pancing sendiri. Tapi kali ini sengaja bawa satu joran sebab kalau hendak memancing di kolam ini dikenakan bayaran masuk RM20 bagi tempoh empat jam.

Saiful memberitahu dia pernah dapat ikan patin seberat setengah kilo ketika memancing di kolam ini.

“Kami dah lima kali datang memancing di kolam ni! Memang seronok memancing... layannnnnn!” kata Saiful lagi menggayakan aksi memancing.

Tiga rakannya, Suhami A. Aziz, 18, Shah Shafiq dan Faizura Gamal, 17.

Si Faizura ni pun syok layan pancing?

Gadis manis ini yang masih bersekolah dalam tingkatan lima di Sekolah Menengah Salak Tinggi, Sepang mengakui seronok mengikut rakan baiknya, Shah memancing.

Jika ada masa, dia sering mengikut Shah dan kawan-kawan di kolam ini untuk memancing suka-suka bagi menghilangkan rasa bosan.

Shah pula sama seperti teman baiknya Faizura seronok melayan pancing dipagut sang ikan. Jejaka ini yang pernah berlakon dalam filem *Hani* dan *Kongsi* bersama aktor Farid Kamil lebih suka mencari ketenangan dengan memancing.

Baguslah Shah, Faizura, Saiful dan Suhaimi memancing ikan. Tak dapat ikan pun tak apa asalkan hidup bahagia, tak kacau orang! Memancinglah elok-elok! Seperti kata Abang Usop, memancing memang bagus! Tapi ingat, pancing ikan, jangan pancing perempuan!

Terima adik-adik ya! Jangan marah!

*Mastika* berjalan lagi di tepi kolam dan bertemu pasangan veteran romantis sedang asyik memancing! Si isteri setia menemani suaminya sedang memancing biarpun hari sudah malam.

Menurut si isteri yang bernama Zaleha Mohd. Tahir, 46, mereka berdua datang sekitar pukul 7.30 malam dan habis pukul 10.30 malam nanti.

Sambil menunggu pancing



**Aduh romantik juga Pak cik Ramli dan isterinya Zaleha. Bagus! Teruskan memancing asalkan bahagia.**

suaminya, Ramli Yusak, 50, disentak ikan, Zaleha seronok bercerita kisah berjaya mendapat seekor ikan tongsan paling besar dalam hidup mereka seberat lima kilogram.

“Hari itu suami dapat ikan tongsan lima kilogram bawah pokok besar tu!” cerita Zaleha sambil menunjukkan arah suaminya berjaya menaikkan ikan tersebut.

Bangga sungguh Zaleha dengan kejayaan suaminya memancing ikan tersebut. Ikan tersebut dibawa balik ke rumah dan dikendurikan bersama adik-beradik dan keluarga yang lain.

Zaleha mengakui dia dan suaminya bukan sekadar memancing suka-suka tetapi memang hendakkan ikan untuk dijadikan lauk. Kalau hendak cari lauk, dia dan suami akan datang ke kolam ini.

“Hari ini baru dapat dua ekor ikan tilapia hitam!” beritahu Zaleha sambil menunjukkan ikan tersebut.

Biasanya Zaleha dan suami jarang pulang tangan kosong jika memancing di kolam tersebut. Suaminya pandai memancing biarpun memakai joran biasa,

tidak semahal pemancing handalan. Kebetulan suaminya bertugas dengan Coffe Villages sebagai penjaga kolam ini. Jadi bayaran masuk pun istimewa dari pemancing lain.

Harap-harap Zaleha dan suaminya dapat ikan lebih besar dari tongsan seberat lima kilogram tempoh hari. Nanti dapatlah rezeki lebih untuk anak-anak dan ahli keluarga lain.

Terima kasih Kak Zaleha!

*Mastika* merayau-rayau lagi. Orang muda sudah, pasangan veteran sudah. Siapa lagi yang patut ditanya, kenapa mereka gila memancing?

*Mastika* lihat ada seorang ibu muda sedang menidurkan anaknya di sebuah bangsal di tepi kolam. Hmm! Tentu menarik kisah ini. Ibu muda ini sanggup berembun bawa lima anak kecil menemani suaminya memancing.

*Mastika* lalu menyapa si suaminya, Aziz Mohd. Ali, 42. Abang Aziz datang dari Dengkil bersama isterinya, Syarifah Nor Azli, 28, serta anak-anaknya Mohd. Idham, 11, Norliana, 8, Nordiana, 6, Asmawi, 3, dan anak paling bongsu Mohd. Iskandar setahun enam bulan.

*Mastika* lihat anak perempuannya Norliana sedang lena di atas bangsal berkenaan. Udara nyaman membuatkan anak kecil ini cepat mengantuk dan tertidur.

Abang Aziz kira bertuah dapat isteri mithali sanggup berembun dan berpanas bersama suami. Beginilah sifat isteri sejati,



memahami minat suami! Kalau memancing, ikut sekali memancing sekeluarga. Dapat ikan puas hati!

Ada sesetengah suami suka kelentong isteri, kata pergi memancing tapi... pergi karaoke, dangdut, layan GRO...

Hmm! Abang Aziz dah lama gila memancing?

“Sejak umur 18 tahun, saya dah memancing. Adik-beradik semuanya kaki pancing!” cerita Abang Aziz tersenyum.

Lagi bertuah! Semua 14 adik-beradik Abang Aziz terlibat dengan kegiatan pancing memancing ikan! Memang seronok kalau dapat interviu keluarga Abang Aziz yang ramai itu!

Mungkin banyak pengalaman pahit manis, mungkin ada yang pernah jadi juara macam Abang Usop atau Abang Aris tadi.

*Mastika* percaya, kaki pancing macam Abang Aziz memang seronok memancing walaupun malam itu baru dapat seekor ikan talapia

hitam. Jadi melalui kesempatan ini, *Mastika* ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya memperbanyakkan lagi kolam-kolam ikan di seluruh negara bagi menampung bilangan kaki pancing yang semakin meningkat.


Nampaknya sekarang orang tidak lagi datang seorang diri memancing, mereka bawa anak isteri, buah hati dan keluarga ke kolam ikan. Lagi satu banyakkannya restoran, rumah rehat supaya kaki pancing dapat menginap dan bermalam di tepi kolam.

Hmm! Banyakkannya pertandingan memancing. Kalau boleh anjurkan pertandingan memancing untuk kanak-kanak bawah umur 12 tahun dan pertandingan untuk isteri-isteri. Kesian isteri di rumah asyik ditinggalkan. Berilah peluang mereka pula menang hadiah!

*Mastika* harap hadiah-hadiah untuk golongan memancing dapat ditingkatkan ke tahap maksimum. Naikkanlah nilai hadiah tu sampai RM50 ribu, RM100 ribu ataupun setengah juta supaya hobi 1Malaysia ini dapat menjadi industri yang mendorong pelancong terlibat sama.

Manalah tahu nanti ada delegasi kaki pancing dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis dan Jerman datang beradu nasib di sini.

Hmm, kalau hadiah berganda tentu meleleh-leleh air liur kaki pancing!

Selamat memancing! – **Sahidan Jaafar** ([sahidan.jaafar@gmail.com](mailto:sahidan.jaafar@gmail.com)) 

**Ini pula Abang Aziz dan isterinya Sharifah Nor Azli. Barulah betul bawa anak isteri pergi memancing!**



Haruman Inspirasi  
**Munif Hijjaz**  
PERFUMES

www.munifhijjazperfumes.com  
www.facebook.com/munifhijjazperfumes

# Wangian terbaru **MUNIF HIJJAZ** Edisi 2011

Set 3 Dalam 1

## *Kini Tampli Leblh Trendy*

PEMBORONG, STOKIS, PENGEDAR  
DAN AGEN DIKEHENDAKI !!!



**HANYA:** RM 34.00 (sm) & RM 37.00 (ss)

Rangkaian wangian terbaru Edisi 2011, Set 3 Dalam 1 (4ml) Munif Hijjaz dicipta bersama wangi-wangian popular yang diinspirasikan daripada jenama antarabangsa. Setiap kali anda menggunakan wangian Munif Hijjaz, badan anda akan harum sepanjang hari. Paling istimewa, ianya boleh dibawa solat serta bebas dari alkohol serta suci lagi murni.

Terkini, dengan modal serendah RM90.00, anda boleh berniaga secara online / kedai maya (E-Store). Tanpa perlu simpan stok, tanpa pekerja, tanpa kedai, lengkap dengan perlindungan insurans Takaful (P.A) bernilai RM30,000.00 dan khairat kematian bernilai RM3000.00. Maklumat lanjut, layari laman web [www.munifhijjazonline.com](http://www.munifhijjazonline.com)

**Untuk menjadi Pemborong, Stokis, Penedar dan Agen, hubungi Tele Sales sekarang!!**

Boleh didapati di cawangan dan stokis HPA di seluruh negara



Beli online di laman web  
[www.stormreaders.net/munifhijjaz](http://www.stormreaders.net/munifhijjaz)

Dengarkan


**STORMREADERS**  
NETWORK SDN BHD



Munif Ahmad  
Pengasas

Hotline: +6012 343 9058 P: +603 9105 5888 Tele Sales: +6019 333 0952  
(Izwan) +6019 333 4127 (Nazlan) +6019 383 8994 (Iskandar)

Uploader: LeeSha / Url: <http://torrent.fjwang.cc>



Hakmilik keluaran MediaTeam Kami. Bermakna file ini adalah yang first copy, bukan rembat mana2. Sama ada ianya di Capture, Di Rip, So.. kepada sesape yg nak up file ini kat myspace ke kat web sendiri, kalau boleh tolong bagi credit kat uploader/owner dan juga web ini - LeeSha from torrent.jiwanng.cc.

BarangSiapa Upload ke Web Sendiri Tanpa Bagi Credit, Crop Out Watermark copyright, Akan di Ban Seumur hidop!!!



<http://torrent.jiwanng.cc>